# PEMBIAYAAN PRASARANA BEKALAN AIR

## MELALUI PINJAMAN KERAJAAN PERSEKUTUAN RMK8, RMK9 & RMK10 (2001-2015)

JUMLAH PINJAMAN KERAJAAN PERSEKUTUAN YANG DILULUSKAN







**'WTP' Baru**

CHICHA
RM 80,000,000
MERBAU CHONDONG I
RM 28,038,000
MERBAU CHONDONG II
RM 38,000,000

**NAIK TARAF 'WTP'**

KG. PUTEH
RM 29,824,000
PAHI
RM 8,000,000
KELAR I
RM 30,000,00
KELAR II
RM 57,460,000

**KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN**

PENGGANTIAN PAIP I
RM 10,000,000
PENGGANTIAN PAIP II
RM 10,000,000

**JUMLAH KESELURUHAN**
RM 291,322,000




**KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN**

PENGGANTIAN PAIP III
RM 10,000,000
PENGGANTIAN PAIP IV
RM 10,000,000
KELAR (TAMBAHAN) RETIKULASI
RM 12,000,000
PAHI (TAMBAHAN) RETIKULASI
RM 4,500,000
CHICHA (TAMBAHAN) RETIKULASI
RM 8,000,000
MERBAU CHONDONG (TAMBAHAN) RETIKULASI
RM 23,962,000

**JUMLAH KESELURUHAN**
RM 68,462,000




**'WTP' Baru**

WTP LOJING, GUA MUSANG
RM 398,194
WTP JELI
RM 17,678,318

**NAIK TARAF 'WTP'**

WTP CHICHA, KBT
RM 17,102,612
WTP BUKIT KEMAH, TM
RM 16,500,000
KG. PUTEH (TAMBAHAN)
RM 9,000,00

**KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN**

GIS, SCADA & TELEMETRI
RM 5,500,000
PROGRAM NRW
RM 94,045,766

**JUMLAH KESELURUHAN**
RM 160,224,890




**NAIK TARAF 'WTP'**

LOJI PINTU GENG
RM 56,000,000
LOJI SG. KETIL
RM 3,000,000
LOJI P. LALAT
RM 2,000,00

**KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN**

PROGRAM NRW
RM 35,849,993

**JUMLAH KESELURUHAN**
RM 291,322,000

*** 2% TELAH DI BELANJA SEHINGGA NOV 2011**

**NAIK TARAF 'WTP'**

LOJI PINTU GENG
RM 11,960,966

**KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN**

PROGRAM NRW
RM 1,785,083

**JUMLAH KESELURUHAN**
RM 13,746,049

*Rujukan:
1. WTP (Water Treatment Plant) bermaksud loji rawatan air.
2. NRW (Non Revenue Water) bermaksud air tidak berhasil.

**jumlah ini tidak termasuk pinjaman kewangan dari Kerajaan Negeri: RM 56 juta

| | | | |
|---|---|---|---|
| JUMLAH PINJAMAN KERAJAAN PERSEKUTUAN YANG DILULUSKAN | RM 616,858,883 | JUMLAH BAYARAN BALIK | RM 10,173,000 |


**IBU PEJABAT:** Tingkat 3, Bangunan PMBK, Lot 2 & 257, Jalan Kuala Krai,15050 Kota Bharu, Kelantan
**TEL:** 09-743 7777 **FAKS:** 09-747 2030

AIR KELANTAN SDN BHD
www.airkelantan.com.my

OFFICIAL CORPORATE MAGAZINE

# QIADAH

KELANTAN MENTERI BESAR INCORPORATED

ڤربدانن منتري بسر کلنتن

**Ketua Editor**
**Sanusi Hj Othman**
Ketua Pegawai Operasi
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

**Setiausaha Jawatankuasa Editorial**
**Nik Mohd Alimin Nik Mohd Alwi**
Pengurus Kanan Komunikasi Korporat
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

**Penyelaras Editorial**
**Shariah Derahman**
Pegawai Komunikasi Korporat
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

**Penulis**
**A.Ubaidillah Alias**

**Penulis Bersama**
**• Dr Abdullah Sudin • Syahir Sulaiman • Salma Husain • Atif Zayyad Idris • Shariah Derahman • Siti Norazami Mohd Anuar • Ahmad Fadhli Shaari • Nur Zahra Husna • Rossem • Aminah Munirah Ahmad Hishamuddin • Zanazanzaly • Nor Farrah Anis Hasnu**

**Jurugambar**
**Ahmad Nai'me Muhammad**
Pegawai Komunikasi Korporat
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

**Dicetak Oleh**
**D.D Multimedia Solution Sdn Bhd**
Tingkat 3, KB Cyber Plaza, Jalan Hamzah
15050 Kota Bharu, Kelantan
Tel: +609-747 3800
Faks: +609-747 3801

**Pembantu Penyelaras Editorial**
**Siti Norazami Mohd Anuar**
Pegawai Komunikasi Korporat
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

**Pereka Grafik & Reka Petak**
**Mohd Haikal Rozaini**
Eksekutif Komunikasi Korporat
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

**Pereka Bersama**
**Muhd Shakirin Naim Mohammed Yazid**
**Muhd Muhaimin Mohd Aripin**

**Pengiklanan, Pemasaran & Promosi**
**Jabatan Komunikasi Korporat**
Perbadanan Menteri Besar Kelantan
Tel: 09-747 4082

**Jurugambar Bersama**
**• Shariah Derahman • Mohd Ali Akbar Yusoff • Zam Zamani • Mohd Rizli Fitri Rosli**

**Diterbitkan Oleh**
**Perbadanan Menteri Besar Kelantan**
Tingkat 6, Bangunan PMBK
Jalan Kuala Krai, 15150 Kota Bharu,
Kelantan, Malaysia
Tel: +609-747 4082 Faks: +609-747 7815
Laman sesawang: www.pmbk.gov.my

**Jutaan terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat samada secara langsung ataupun tidak langsung dalam penerbitan dan pengedaran majalah ini.**

**SENARAI EDARAN**

Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan | Urusetia Penerangan Negeri Kelantan Jabatan Kerajaan dan Agensi-agensi | Muzium Negeri | Majlis Perbandaran Kota Bharu – Bandar Raya Islam | Syarikat-syarikat Swasta terpilih | Perhotelan dan Agensi-agensi Pelancongan | Kedutaan-kedutaan Malaysia terpilih dan Suruhanjaya Tinggi | Kedutaan-kedutaan Asing | Institut Pengajian Tinggi terpilih dan Majlis Pelajar-pelajar | Persatuan Anak Kelantan Di Perantauan | Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mana-mana bahagian di dalam majalah ini sama ada artikel, gambar dan isi kandungan dicetak tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada pihak PMBK. Sidang redaksi berhak melakukan penyuntingan ke atas tulisan selagi tidak mengubah isi kandungannya. Semua bahan penerbitan yang dikirimkan kepada PMBK akan menjadi hak milik PMBK. Sebarang pertanyaan berkaitan editorial dan pengiklanan serta edaran perlu di alamatkan kepada PMBK. Sidang redaksi menyediakan hak-hak untuk pengeditan dan / atau menulis semula semua bahan menurut keperluan penggunaan penerbitan







## Hadiah Suar Bahasa 2012
(Peringkat Wilayah Timur)

Kejayaan kami meraih dua anugerah penghargaan ini menjadi kebanggaan kami. Kami akan terus berkhidmat dengan lebih cemerlang malah dengan lebih berjaya untuk membuktikan lagi kesungguhan kami menyampaikan maklumat mengenai negeri Kelantan dan mengeratkan lagi hubungan rakyat Kelantan dengan masyarakat luar.

www.pmbk.gov.my/bm/e-qiadah.html

**PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN**
Tingkat 6, Bangunan PMBK, Jalan Kuala Krai
16150 Kota Bharu, Kelantan Darul Naim
Tel : +609-747 4082 Faks : +609-747 7815




MUKA DEPAN:
EKONOMI YANG
BARAKAH

OFFICIAL CORPORATE MAGAZINE
# QIADAH
KELANTAN CHIEF MINISTER INCORPORATED
قربدان منتري بسر كلنتن

Secara ringkasnya, edisi kali ini membawa kepada pemerhatian ringkas terhadap aspek sosioekonomi yang telah menjadi budaya di kalangan rakyat Kelantan, rezeki yang diperolehi biarpun nampak sedikit, tetapi ia lebih dari mencukupi untuk menampung kehidupan sehari-hari. Kebaikan dan kebajikan yang bertambah-tambah, itulah barakah, dan inilah kekuatan dan keunikan ekonomi negeri Kelantan Darul Naim

PERISTIWA


06
SEKALUNG BUDI SEJUTA PENGHARGAAN

FOKUS


14
PRESTASI EKONOMI NEGERI KELANTAN

VARIASI


24
EKONOMI YANG BARAKAH

VARIASI

30
SELARI MEMBANGUN BERSAMA ISLAM

VARIASI


34
KRISIS EKONOMI MALAYSIA

PEMIMPIN


37
KUASA RAKYAT KEPADA RAKYAT

VARIASI


41
SERAMBI EMAS BUAT SAUDAGAR

VARIASI


45
APLIKASI EKONOMI ISLAM

TOKOH


50
ULAMA NUSANTARA YANG KONTROVERSI

VARIASI


52
10 KEJAYAAN KERAJAAN NEGERI KELANTAN



HERITAGE 54 BATIK CANTING



DESTINASI 58 WAKAF CHE YEH



MAKANAN 62 JERUK MAMAN



JENAMA KELANTAN 66 JAFFAR RAWAS



KELANTAN SANA-SINI 69 30 TAHUN PASTI



VARIASI 74 LADANG RAKYAT UNTUK KEBAJIKAN RAKYAT



AKTIVITI PMBK 78 POKOK DUIT BANTU BINA LEBUH RAYA RAKYAT



AKTIVITI PMBK 82 PELAN STRATEGIK PMBK, 2012 - 2020



AKTIVITI PMBK 84 QIADAH DIIKTIRAF



AKTIVITI PMBK 86 HARI KELUARGA PMBK 2012



TEROWONG MASA 90 BALAI SENI LUKIS KELANTAN



KELANTAN ENCYCLOPEDIA 92 KELANTAN ENCYCLOPEDIA

# SEKALUNG BUDI SEJUTA PENGHARGAAN



**Kuning emas masaknya padi**
**Mawar merah dalam jambangan**
**Terima kasih daun keladi**
**Budi tuan jadi kenangan**



**Tempoh perkhidmatan:**
**~ 15 Safar 1431H sehingga 14 Safar 1434H ~**














**PERBADANAN PEMBANGUNAN LADANG RAKYAT NEGERI KELANTAN**

---

*77,468 ekar tanah Ladang Rakyat*

*63,422 ekar dijadikan ladang*

*14,046 ekar ditinggalkan untuk rakyat setempat.*

*RM 60.1 juta agihan dividen kepada Peserta*

*47 Tabung Tindakan Kebajikan Peserta*

*RM 771,000 Manfaat Takaful kepada waris Peserta*

*90 Unit Rumah Rakyat di Ladang Rakyat Paloh 4*

*59 siri Ceramah Bulanan Peneguhan Jatidiri Peserta*

*Koperasi Peserta Ladang Rakyat Negeri Kelantan Berhad sebagai Pemacu sosio-ekonomi Anggota*









**LADANG RAKYAT UNTUK KEBAJIKAN RAKYAT**



# MUTIARA KATA

**Tuan Guru Dato' Bentara Setia**
**Hj Nik Abdul Aziz Hj Nik Mat**
***Menteri Besar Kelantan***

"Hadirnya penjajah yang membawa misi *God, Glory and Gold* iaitu agama, tanah jajahan dan kekayaan mengakibatkan umat Islam berjaya digoncangkan pegangan mereka terhadap agamanya sendiri lalu tinggallah Islam sebagai agama yang disebut di dalam masjid dan madrasah semata-mata dan tidak lagi didaulatkan sebagai syari'at yang memerintah. Nilai jatidiri yang merosot menyebabkan mereka bergantung kepada penjajah di dalam mengatur urusan **ekonomi.** Apabila tidak wujud pergantungan kepada Allah SWT dan mengenepikan syari'at sendiri, umat Islam menjadi umat yang putus hubungannya dengan Allah. Bagaikan layang-layang yang putus talinya, mungkin ia terbang tinggi tetapi dengan cepatnya ia akan terhempas jatuh ke tanah."

*Majlis Perasmian Konvensyen Halal Berasaskan Dinar Dan Dirham Sempena Ekspo Perdagangan Dunia Islam 2012 Pada 12 Ogos 2012.*

"Perlulah difahami bahawa konsep ibadah kepada Allah SWT yang menjadi tugas dan kewajipan bahkan menjadi suatu hikmah dan penyebab kewujudan makhluk manusia dan jin di alam ini perlulah dilaksanakan dengan tidak hanya tertumpu kepada pelaksanaan ibadah-ibadah khusus semata-mata, umpamanya solat, puasa, zakat dan haji sahaja, tetapi hendaklah turut melibatkan aspek kehidupan manusia yang lain termasuklah dalam urusan **ekonomi**.."

*Majlis Pelancaran Tunjong Pavillion pada 23 Ogos 2012.*

"Dunia pada hari ini tidak dapat tidak perlu kembali kepada sistem **ekonomi** yang adil serta meninggalkan sistem ekonomi berasaskan riba seperti yang diamalkan pada hari ini. Sistem ekonomi Islam yang penuh dengan keadilan dan rahmat kepada sejagat sesuai dengan sifat Islam itu sendiri sebagai *rahmatan lil alamin* perlu diperkenalkan sebagai produk yang boleh menyelamatkan ekonomi dunia dari terus dicemari dengan penindasan terhadap golongan yang tidak berkemampuan."

*Majlis Perasmian Seminar Muamalat dan Perbankan Islam Peringkat Kebangsaan pada 7 Mei 2011.*

"Manusia telah diberikan oleh Allah SWT kemampuan untuk berfikir. Dengan akal yang merupakan kelebihan mereka berbanding makhluk-makhluk yang lain, mereka dapat membelah bukit, melayari lautan bahkan terbang ke angkasa selain membina tamadun yang hebat. Bagaimanapun, kemuliaan ini tidak akan lengkap jika manusia menolak Islam. Lantaran itu, setiap tamadun dan kemajuan **ekonomi** haruslah bersendikan Islam sebagai dasar. Tamadun dan ekonomi tanpa taqwa umpama jasad yang hidup tanpa nyawa, hanya menanti saat kehancuran..."

*Majlis Pecah Tanah Bandar Utama Gua Musang pada 28 November 2010.*

"Islam sangat berbeza dengan kapitalis. Semangat kapitalis ialah menambahkan kekayaan kepada golongan yang sudah kaya dan meletakkan jurang yang besar di antara golongan kaya dan miskin. Islam pula melarang **harta** berlegar di kalangan orang-orang yang kaya semata-mata.."

*Majlis Perasmian Pameran Ekonomi Islam Pantai Timur 2010 Pada 6 Ogos 2010.*8

# NOTA KETUA EDITOR



**Sanusi Hj Othman**
***Ketua Pegawai Operasi***

Assalamualaikum,

Alhamdulillah, pertama dan selamanya kita melafazkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Ilahi di atas pertemuan buat kesekian kalinya di dalam Qiadah.

Nilai rabbani yang paling utama bagi seorang khalifah dalam mengurus ekonomi Islam ialah prinsip penetapan bahawa manusia bukanlah pemilik harta tetapi dia hanya diberi kuasa untuk memanfaatkan harta Allah Ta'ala. Nilai inilah yang memastikan adanya unsur rabbaniyah (ketuhanan) didalam sistem ekonomi Islam. Seorang Muslim meyakini bahawa dia adalah makhluk ciptaan Allah Ta'ala, bekerja di tanah yang merupakan bumi Allah, dengan kemampuan yang diberikan oleh Allah dan dengan peralatan yang merupakan kurniaan Allah. Inilah perkara yang diterapkan dalam pengurusan ekonomi kerajaan negeri Kelantan sejak tahun 90-an.

Perlu difahami bahawa manusia hanyalah pemegang amanah yang diberikan kuasa untuk memanfaatkannya. Dalam Islam, ekonomi bukanlah merupakan tujuan tetapi ia adalah salah satu keperluan manusia dan cara yang lazim bagi mereka agar dapat terus hidup dan bekerja untuk matlamat yang tinggi. Maka ekonomi hanyalah penolong kepada manusia dan berkhidmat untuk akidah serta risalahnya. Manusia melakukan pekerjaannya mengikut kaedah-kaedah yang diciptakan Allah. Sekiranya dia memperolehi hasil, maka itu adalah harta Allah. Allah-lah yang telah menciptakannya dan Allah-lah yang memilikinya.

Firman Allah SWT bermaksud: dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi". (Surah al-Baqarah, ayat 30).

Kefahaman ayat ini perlu diperdalamkan kepada segenap lapisan masyarakat agar tidak timbul suatu budaya penyalahgunaan kuasa pengurusan dari semasa ke semasa. Kebanyakan kita melihat jawatan ketua sebagai satu pemilikan kuasa dalam membuat keputusan sehingga menggunakan harta dan kemudahan pejabat atau syarikat, mengikut keputusan yang tidak sejajar dengan kehendak Allah SWT. Begitu juga dalam mengurus ekonomi dalam semua lapangan, kebanyakannya melihat ekonomi sebagai satu saluran mengumpul harta dan kekayaan. Maka, ini berbeza dengan peranan khalifah itu sendiri.

Ekonomi hanyalah satu bahagian daripada pelbagai segi kehidupan. Meskipun ia merupakan bahagian yang penting, namun ia tetap bukan merupakan dasar daripada asas kehidupan ini. Sistem kehidupan manusia mesti didasari di atas keyakinan menyeluruh tentang alam semesta, kehidupan dan manusia serta hubungannya dengan Tuhan yang menganugerahkan kehidupan dan menciptakan manusia. Hanya akidah dan keyakinan seperti ini sahajalah yang mampu berinteraksi dengan akal dan sesuai dengan fitrah semulajadi manusia dalam mentafsir kewujudan dirinya di alam semesta.

Sekian, terima kasih.

ROYALTI !!!
HAK RAKYAT

رويلتي حق
رعيت




Solat Hajat berjemaah menuntut Hak Royalti Minyak Kelantan yang diimamkan sendiri oleh YAB Tuan Guru Dato' Bentara Setia Hj Nik Abdul Aziz Hj Nik Mat, Menteri Besar Kelantan; telah diadakan di tengah-tengah padang Stadium Sultan Muhammad IV, Kota Bharu pada 12 Safar 1431H bersamaan 28 Januari 2010, 3 tahun yang lepas...



Pelantar Minyak Cakrawala yang terletak di perairan negeri Kelantan

QIADAH KELANTAN MENTERI BESAR INCORPORATED | OFFICIAL CORPORATE MAGAZINE RABIUL AWAL - JAMADIL AKHIR 1434 HIJRAH 12TH EDITION


RABIUL AWAL - JAMADIL AKHIR 1434 HIJRAH

OFFICIAL CORPORATE MAGAZINE


# QIADAH

KELANTAN MENTERI BESAR INCORPORATED



# Kelantan
## EKONOMI YANG BARAKAH



PMBK

http://www.pmbk.gov.my

MEMBANGUN BERSAMA ISLAM | KELANTAN MENERAJUI PERUBAHAN

FREE ISSUES / PERCUMA

BAZAR TOK GURU, KOTA BHARU, KELANTAN

بازرتوݢورو

# KEMPEN PEMILIKAN RUANG NIAGA DI BANDAR KOTA BHARU

**MENCARI ASET PELABURAN DI MASA HADAPAN?**

**MENCARI RUANG NIAGA?**

**REBUT SEGERA PELUANG TERSEBUT HANYA DI BAZAR TOK GURU KOTA BHARU, KELANTAN.**

## TINGKAT 2 & TINGKAT 3

KINI DIJUAL PADA

**HARGA DISKAUN SEHINGGA 30%**

- **LOKASI STRATEGIK** - Pusat Bandar Kota Bharu dan berhadapan dengan Kampus Bandar Universiti Teknologi MARA.
- **DI LALUAN UTAMA** - Jalan Sultan Ibrahim.
- **TEMPAT LETAK KERETA** - Semi basemen.
- **KEMUDAHAN LIF** - untuk para pengunjung dan peniaga.
- **KEMUDAHAN MESIN ATM.**
- **KEMUDAHAN PRASARANA BERDEKATAN** - Pejabat Pos Malaysia, Pejabat Polis Kota Bharu, Perbankan (Bank Islam, Affin Bank, Am Bank) dan lain-lain agensi kerajaan.

**PEMBIAYAAN DIURUSKAN OLEH PEMAJU**

* BAGI YANG LAYAK



## BERMINAT!

SILA KUNJUNGI

**PUSAT JUALAN KAMI DI BAZAR TOK GURU (LOT B1 & B2)**

ATAU HUBUNGI:

09-747 4082 013-901 6532
09-747 4545 014-507 9001

279CE597

izziani@pmbk.gov.my

**PEJABAT URUSAN:** Tingkat 4, Bangunan PMBK, Jalan Kuala Krai, 15050 Kota Bharu, Kelantan
**Tel:** 09-747 4082 / 09-747 4545 **Faks:** 09-747 7815
**Web:** www.pmbk.gov.my/e-hartanah
**E-mel:** marketing_pmbk@yahoo.com

ڤرومهن وادي ايمان

# PERUMAHAN WADI IMAN, FASA 2B

PERUMAHAN WADI IMAN FASA 2B
MUKIM MAHANG WEST, DAERAH KOK LANAS, KOTA BHARU, KELANTAN

*Wiam*



- Rumah Teres Setingkat
- Keluasan: 852' persegi
- Harga: RM 135,000 - RM 191,000
- Fasa Terakhir (Unit Terhad)

*Jan'an*



- Rumah Teres Dua Tingkat (Jenis B)
- Keluasan: 1648' persegi
- Harga: RM 205,000 - RM 260,500
- Fasa Terakhir (Unit Terhad)

No. Lesen Pemaju: 10086-1/08-2014/775 • Tempoh Sahlaku: 18/8/2012-17/8/2014 • No. Lesen Permit Iklan & Jualan: 10086-1/1408/2013(06) • Tempoh Sahlaku: 14/6/2012-13/6/2013 • Jenis Pegangan Tanah: Pajakan 99 Tahun Berakhir 20hb September 2104 • Bebanan Tanah: Tiada • Nama Pemajuan Perumahan: Desa Wadi Iman PMBK • Tarikh Siap: Disember 2015 • Jenis Rumah: Rumah Teres 1 Tingkat • Harga Jualan Minimum: RM 135,000 • Harga Jualan Maksima: RM 191,000 • Bil. Unit: 106 Unit • Jenis Rumah: Rumah Teres 2 Tingkat • Harga Jualan Minimum: RM 205,000 • Harga Jualan Maksima: RM 260,500 • Bil. Unit: 94 Unit • Nama Pihak Berkuasa Yang Meluluskan Pelan Bangunan: Majlis Daerah Ketereh, Kelantan • No. Rujukan: MDK/B035/05 • Tarikh: 14/12/2010

*FASA 1 & 2A TELAH DIDUDUKI (117 UNIT)

SILA HUBUNGI:

**PN. NOOR INAYATI DAUD YATIMEE**

013-9073209 / 09-7474545

280DD5A0

norindaud@yahoo.com
noorin@pmbk.gov.my

**EN. SYAZWAN SEMAN**

013-9810054

syazwan@pmbk.gov.my

**PEJABAT URUSAN:** Tingkat 4, Bangunan PMBK, Jalan Kuala Krai, 15050 Kota Bharu, Kelantan
**Tel:** 09-747 4082 / 09-747 4545 **Faks:** 09-747 7815
**Web:** www.pmbk.gov.my/e-hartanah
**E-mel:** marketing_pmbk@yahoo.com

# 1990 - BERMULANYA KELANTAN



**Tuan Guru Dato' Bentara Setia Hj Nik Abdul Aziz Hj Nik Mat ketika pertama kali menjejakkan kaki ke Pejabat Menteri Besar Kelantan dan menjadi Menteri Besar Kelantan Ke-5 pada tahun 1990**

# NEGERI BERKEBAJIKAN...

اوتوسن ملايو 24 اقتوبر 1990



حاج نيك عزيز نيك مة

# منتري بسر

# كلنتن كليم

كوت بهارو 23 اقتوبر - كتوا ديوان علماء فاس فوسة، حاج نيك عبدالعزيز نيك مة، 59 منجادي منتري بسر كلنتن يغ كليم، ايكوران كجياَن فارتين برسام فارتي سماغة 46 دان برجاس يغ بركابوغ دالم اغكاتن فرفادوان اومه (اغكاتن) مرمفس تمفوق فمرنتاهن نكري درفد باريسن ناشيونل دالم فيليهنراي عموم احد لفس.

اغكاتن يغ مغندوغي فاس، سماغة 46، برجاس دان حم عمليه فسورهجاي فاس كلنتن ايت منجادي منتري بسر برداسركن كفد حقيقة بهوا كلنتن مروفاكن كوبو قواة فاس دان فغواساَن بسر كروسي ديوان اونداغن نكري (دون) يغ مغندوغي 39 كروسي ايت.

حاج نيك عزيز، يغ لبه دكنالي سباكي ''توء كورو نيك عزيز'' دلاهيركن دكمفوغ فولو ملاك، كويغ كريان دكة سبق فد تاهون 1931، فرنه منتوة علمو اكام دانديا سبلوم منروسكن فغاجين كيونيبرسيتي الازهر، مصر.

بركلولسن عيم. ايه، دالم بيدغ شرعيه، حاج نيك عبدالعزيز، يغ جوك اغكوت ديوان اونداغن نكري كاواسن سموة اڤي ايت فرنه برتوكس سباكي كاكيتاغن جباتن كباجوان مشاركة (كمس) سبلوم ملتقكن جواتن تسرق برتنديغ دالم فيليهنراي كچيل 1967 دكاواسن [illegible]ارليمن فغكالن چڤا.

بليو مولا برتنديغ دكروسي نكري سموة اڤي دالم [illegible]يليهنراي عموم 1986 ستله امفة ففكل منجادي اغكوت [illegible]رليمن.

توء كورو نيك عزيز يغ ممفوڽاي 15 اورغ اديق براديق تله منديريكن روموهتڠك دغن حاجه توان صبريه توان اسحاق كيرا٢ 30 تاهون لفس دان حاصيل فركهوينن ايت، مريك دكرنياكن 10 اورغ انق، ليم للاكي دان ليم [illegible] فرمفوان.

دوا درفد مريك تله مندیريكن روموهتڠك منكل يغ لاءينڽ ماسيه بلاجر دسكوله منغه دان سكوله رند[illegible] سمنتارا يغ بوغسو براوسيا انم تاهون.

انقن يغ سولوغ، نيك نورعيني كيني برتوكس سباكي فنشرح دمكتب فركوروان دكرالا لمفور منكل نيك عم[illegible]

Keratan Akhbar Utusan Melayu (24 Oktober 1990) dalam tulisan Jawi mengenai pelantikan Tuan Guru sebagai Menteri Besar Kelantan Ke-5



Solat berjemaah yang diimankan sendiri oleh Tuan Guru di Pejabat Menteri Besar Kelantan, Kota Darulnaim.



# 23 TAHUN DI BAWAH TERAJU TUAN GURU



























# PRESTASI EKONOMI
## NEGERI KELANTAN (SATU TINJAUAN)

Oleh Dr Abdullah Sudin

### 1. PENDAHULUAN

Dari sejak era merdeka pada tahun 1957 sehingga kepada era Dasar Ekonomi Baru (DEB) 1971-1990 sehingga kini, Kelantan dilihat sebagai negeri yang termiskin dan termundur di Malaysia. Dan jika itu benar, adakah segala-galanya negatif bagi Kelantan? Hukum alam anugerah Allah SWT menjadikan setiap sesuatu itu berpasangan. Ada yang miskin maka sudah pasti ada pula yang kaya, ada yang baik ada juga yang jahat. Begitu juga setiap sesuatu itu tidak semuanya baik bahkan akan ada gandingan atau pasangannya. Jadi untuk menyatakan bahawa Kelantan adalah sebuah negeri yang tercorot dalam segala perkara terutama dari segi ekonomi adalah satu pernyataan yang agak kasar dan berat sebelah. Namun apakah ini satu pernyataan yang benar? Dan kalau ianya benar apakah ukuran yang digunakan. Sebelum menjawab persoalan ini eloklah kita melihat Kelantan dari segi latar belakang sejarahnya.

### 2. LATAR BELAKANG SEJARAH KELANTAN

Rekod sejarah Kelantan agak terhad dalam banyak perkara. Walaupun tiada rekod yang berautoriti mengenai kedatangan Islam ke Kelantan, namun ada pendapat yang menyatakan bahawa Islam mula bertapak di Kelantan sejak kurun ke-12. Kehadiran British ke Kelantan agak lambat berbanding dengan negeri-negeri lain di Semenanjung. Ini menjadikan Kelantan agak tertinggal terutama dari segi pembangunan ekonomi.

Dari segi politik sejak pilihan raya pertama diadakan pada tahun 1955, Kelantan dikuasai oleh UMNO sehingga 1959. Namun pada tahun 1959 hingga 1978, PAS telah mengambil alih kuasa politik Kelantan. UMNO telah dapat merampas Kelantan pada tahun 1978 hingga 1990. Walau bagaimanapun pada tahun 1990 hingga kini, PAS kekal memerintah Kelantan.

Sebagai sebuah negeri termiskin, sudah pastilah tidak mudah untuk membangunkan Kelantan. Namun Kelantan ialah sebuah negeri yang mempunyai sifatnya yang tersendiri. A.S. Ab. Rahman, 1995 mencatatkan:

*"Kelantan is a unique state, unique in terms of its historical, cultural, economic, political, social and religious background. Historically speaking, Kelantan was one of the centres of ancient empire such as Srivijaya. On the other hand, Kelantanese is noted for their enterprising and industrious attitude. Indeed, strong social cohesiveness is one of their behavior characteristics. Interestingly, it is the only state in West Malaysia that falls under the control of the opposition Islamic party, PAS. Strong religiousness is another distinct characteristic of the Kelantanese, compared to other people in the peninsular."* (A.S. Ab.Rahman, 1995, ms.206)

Dengan keunikan yang ada pada Kelantan dan rakyatnya, keupayaan untuk membangunkan Kelantan adalah suatu isu yang tidak begitu sukar untuk difahami. Walau bagaimanapun, ianya haruslah diletak di atas premis yang munasabah untuk melihat keupayaan itu.

### 3. PREMIS PERBINCANGAN

Kelantan ialah sebuah negeri yang meletakkan Membangun Bersama Islam (MBI) sebagai dasar utama pengurusan negeri. Dengan demikian ia sudah pasti merangkumi pengurusan ekonomi negeri. Jadi dalam membincangkan prestasi ekonomi negeri Kelantan, Islam haruslah dijadikan sebagai premis utama. Dalam membincangkan prestasi ekonomi negeri Kelantan, kita harus mulakan dengan melihat matlamat hidup yang lebih luas bukan sekadar kemakmuran ekonomi semata-mata.

Matlamat hidup manusia tidak terikat kepada ekonomi semata-mata malah mestilah diikat dengan peraturan dan pedoman Allah serta Sunnah Rasulullah SAW jua. Ini menyebabkan kita harus menjadikan dunia ini sebagai ladang dan akhirat sebagai tempat kesudahan kita. Dengan demikian, dalam menjelaskan dan membincangkan prestasi ekonomi, kita janganlah mengikat diri kita dengan pencapaian ekonomi secara yang terpisah seperti yang diajarkan oleh Barat. Kita seharusnya kembali kepada Islam sebagai sistem hidup kita yang ditanzilkan oleh Allah SWT. Oleh itu perbincangan tentang prestasi ekonomi Kelantan akan dimulakan dengan menjelaskan matlamat hidup manusia seperti yang dinyatakan dalam al-Quran.

Antara matlamat hidup yang dinyatakan oleh Allah dalam al-Quran ialah mencari kesenangan hidup dunia (seperti orang kafir) dengan matlamat untuk makan dan minum semata-mata (Muhammad, 47: 12) mencari kepuasan hawa nafsu dengan perempuan, anak-anak dan harta yang pelbagai bentuk (ali-Imran, 3: 14) menjalani hidup sekadar kehidupan dunia semata-mata (al-Anaam, 6: 29) hidup antara iman dan kufur (al-Baqarah, 2: 8) menyebarkan fitnah dan kejahatan (al-Baqarah, 204-205)

membawa manusia ke jalan kebenaran (al-Hajj, 22: 77-78) melaksanakan tugas kekhalifahan (al-Baqarah, 2: 30) melaksanakan tugas ubudiyah (adz-Dzariyaat, 51: 56) dan lain-lain lagi. Dengan demikian, matlamat hidup manusia yang syamil dan kamil termasuk individu, organisasi, kerajaan dan lain-lain mestilah dicorakkan dengan apa yang dijelaskan oleh Allah melalui al-Quran termasuk kegiatan ekonomi.

## 4. MATLAMAT EKONOMI YANG SEPADU

Kita menginginkan prestasi ekonomi Kelantan memuncak hingga mungkin menjadi lebih tinggi dari negeri-negeri lain di Malaysia atau setara dengan negara maju di dunia atau lebih tinggi lagi, tapi pada masa yang sama kita tidak mahu amalan-amalan mungkar dan fasad juga berkembang. Jika ini berlaku maka samalah dengan kemajuan di Barat kerana model pembangunan mereka berpaksikan perpisahan dengan agama. Apa yang kita mahu ialah pembangunan ekonomi yang berpaksikan aqidah keimanan yang mampu memberikan kesejahteraaan hidup di dunia dan Insya-Allah membawa ke akhirat seperti firman Allah dalam al-Quran:

*"dan (Tuhan berfirman lagi sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertaqwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan yang melimpah limpah berkatnya, dari langit dan bumi, tetapi mereka mendustakan (Rasul Kami , lalu Kami timpakan mereka dengan a ab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan."* (Al-Araf 7: 96)

Ini bermakna penilaian prestasi ekonomi Kelantan haruslah dilaksanakan secara bersepadu tanpa memisahkannya dengan nilai-nilai keagamaan. Inilah satu paksi dan premis yang sangat utama dalam membincangkan prestasi ekonomi di negeri Kelantan.

## 5. PRESTASI EKONOMI NEGERI KELANTAN

Perbincangan mengenai prestasi ekonomi Kelantan akan ditumpukan kepada beberapa angkubah sosio-ekonomi sahaja termasuk perubahan struktur, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), Pendapatan IsiRumah dan Kadar Kemiskinan. Skop ini harus dibina bagi membataskan perbincangan supaya menjadi lebih fokus.

### 5.1 PERUBAHAN STRUKTUR EKONOMI

Mana-mana negara yang mengalami pembangunan ekonomi akan melalui perubahan struktur ekonomi. Apa yang berlaku ialah pergantungan kepada sektor pertanian akan berkurangan dan pergantungan kepada sektor industri dan perkhidmatan akan meningkat. Setiap ekonomi negara membangun akan mendapati lain-lain pati ekonominya bergantung kepada pertanian dari segi KDNK, gunatenaga, pendapatan eksport dan lain-lain.

Malaysia umpamanya diperingkat awal proses pembangunan ekonominya pada tahun 1960-an, 1970-an dan 1980-an pergantungan kepada sektor pertanian dari segi gunatenaga, KDNK pendapatan eksport dan lain-lain terutamanya getah dan diikuti oleh kelapa sawit dan lain-lain keluaran pertanian adalah sangat tinggi. Pada tahun 1970, sektor pertanian dan perhutanan menyumbang sebanyak 29% KDNK telah menjadi 18.7% pada tahun 1990, dan menurun lagi menjadi 15.5% pada tahun 1995, menjadi 12.5% pada tahun 2006 dan dianggarkan menjadi 10.5% pada tahun 2015.

Pada masa yang sama, sektor industri meliputi perlombongan, perusahaan perkilangan dan pembinaan meningkat dari 31.4% pada tahun 1970 kepada 36.1% pada tahun 2006 dan dijangkakan menjadi 33.7% pada tahun 2015. Harus dinyatakan bahawa walaupun sumbangan sektor industri menurun, ini disebabkan oleh penurunan sektor perlombongan yang berkurangan dari 13.7% pada tahun 1970 menjadi 0.4%dan 0.3% pada tahun 2006 dan 2015.

Manakala sektor perkilangan tetap meningkat dari hanya 13.9% pada tahun 1970 dan dijangkakan menjadi 27.5% pada tahun 2015. Disamping itu, sektor perkhidmatan dapat dirumuskan berkembang dari 36.2% pada tahun 1970 menjadi 52% pada tahun 2006 dan dianggarkan menjadi 61.1% pada tahun 2015. Pola yang sama dapat dilihat bagi angkubah guna tenaga dan pendapatan.

Bagi negeri Kelantan pada tahun 1980, pertanian menyumbang sebanyak 42.2 peratus, menjadi 25.2% pada tahun 1995 dan 19.4% pada tahun 2010. Pada masa yang sama, sektor industri berkembang dari 11.7% menjadi 20.6% pada tahun 1995 tetapi berkurang menjadi 6.5% pada tahun 2010. Manakala sektor perkhidmatan pula berkembang dari 45.8% pada tahun 1980 menjadi 73.8% pada tahun 2010.

Pola sumbangan sektor perkhidmatan bagi negeri Kelantan menyerupai negeri-negeri maju lain di Malaysia, umpamanya Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebanyak 89.3%, Perak sebanyak 65.9%, Wilayah Persekutuan Labuan sebanyak 75.5% sedangkan Kelantan seperti yang dinyatakan di atas menyumbang 73.8% di tangga ketiga. Ini adalah satu pola menarik yang berlaku kepada perubahan struktur ekonomi Kelantan. Perubahan struktur yang berlaku ini menunjukkan bahawa Kelantan menuju kepada pembangunan ekonomi yang diharapkan.

### 5.2 KELUARAN DALAM NEGARA KASAR (KDNK)

Perbincangan mengenai KDNK akan menggunakan tiga pendekatan iaitu: 1. KDNK per kapita, 2. Analisis Shift-share Wilayah dan 3. Model Asher (1989).

#### 5.2.1 KDNK PER KAPITA

Data dari pelbagai Rancangan Lima Tahun Malaysia menunjukkan bahawa KDNK per kapita negeri Kelantan menunjukkan satu trend yang menurun dari tahun 1970, 1980, 1990, 2000, dan 2008 iaitu sebanyak 0.47, 0.47, 0.39, 0.32, 0.29 nisbah KDNK Per Kapita Purata Negara masing-masing. Walau bagaimanapun, pada tahun 2010 nisbahnya meningkat sedikit kepada 0.31. Ini dapat dilihat dengan lebih jelas melalui Jadual 1.

Jadual 1: KDNK per Kapita dari 1970 hingga 2010, Kelantan dan Malaysia

| Tahun | Kelantan (RM) | Nisbah KDNK Per Kapita Kepada Purata Negara |
|---|---|---|
| 1970 | 462.9 | 0.47 |
| 1980 | 588.9 | 0.47 |
| 1990 | 1749 | 0.39 |
| 2000 | 3765 | 0.32 |
| 2008 | 7694 | 0.29 |
| 2010 | 8273 | 0.31 |

### 5.2.2 EKONOMI KELANTAN DARI PERSPEKTIF ANALISIS *SHIFT-SHARE* WILAYAH

Kajian yang dibuat oleh Zakariah Abdul Rashid, 2003, Ekonomi Negeri Kelantan dari Perspektif Analisis *Shift Share* Wilayah, dengan menggunakan data-data KDNK mendapati bahawa dalam tempoh 1980-1995, Kelantan telah mengalami kesan peralihan wilayah yang negatif. Akibatnya Kelantan telah kehilangan *share* wilayahnya sebanyak hampir 32%. Kajian ini menunjukkan bahawa prestasi sektor ekonomi Kelantan menjadi semakin merosot berbanding dengan sektor ekonomi yang sama bagi negeri-negeri lain di Malaysia.

### 5.2.3 ISLAM DAN PERTUMBUHAN EKONOMI

Berbeza dengan analisis *shift share* oleh Zakariah Abdul Rashid, 2003 di atas, Azizah Md Yusoff dan Nariman Mohd Saad, kedua-duanya dari Universiti Utara Malaysia menggunakan model Asher (1989) untuk mengkaji hubungan antara *legislative* dan program Islam dengan hasil negeri menerusi data sekunder dan kaedah statistik. Hasil kajian mendapati program dan *legislative* Islam yang dilaksanakan dalam pentadbiran di Kelantan memberikan impak yang positif terhadap pembangunan dan pertumbuhan ekonomi Kelantan untuk tempoh pemerintahan Islam (PAS) bermula tahun 1990 hingga 2004. Angkubah utama yang digunakan ialah Hasil, KDNK dan Islam. Hasil kajian dapat dilihat melalui rajah 1.

Rajah 1
Jangkaan Impak ISLAM ke atas Pertumbuhan KDNK Kelantan




### 5.3 PENDAPATAN ISIRUMAH BULANAN PURATA

Pola perubahan pendapatan isirumah bulanan purata dari 1976 hingga 2009 dapat dilihat melalui Jadual 2 (di halaman 17).

Secara bandingan, pertumbuhan pendapatan isirumah bulanan purata bagi negeri Kelantan memperlihatkan satu pola yang meningkat. Kadar pertumbuhan 2004-2009 negeri Kelantan berada pada tempat ketiga iaitu 6.8% selepas Terengganu iaitu 8.7% dan Melaka sebanyak 8.4%. Dari segi jumlah pendapatan kedudukan Kelantan juga meningkat berbanding dengan jumlah nasional. Ini nyata apabila pada tahun 1976 pendapatan negeri Kelantan hanya 53.3% (Kelantan RM269/Malaysia RM505) berbanding dengan jumlah pendapatan nasional. Namun pada tahun 2009 jumlahnya meningkat menjadi sekitar 63% (Kelantan RM2536/Malaysia RM4025) dari paras pendapatan nasional. Kalau kadar pertumbuhan tahunan bagi negeri Kelantan dan Kedah diandaikan kekal pada 6.8% dan 4.6% maka Kelantan akan dapat mengatasi Kedah pada tahun 2013 dengan anggaran pendapatan sebanyak RM3299 dan RM3,193 masing-masing.

### 5.4 KADAR KEMISKINAN

Kadar kemiskinan di negeri Kelantan pada tahun 1970 sebanyak 76.1% adalah tertinggi di Malaysia (49.3% tidak termasuk Sabah dan Sarawak). Namun pada tahun 1989, kadar kemiskinan Kelantan adalah 29.6% ditangga ketiga selepas Kedah iaitu 29.9% dan Terengganu sebanyak 31.3%. Bahkan pada tahun 2009 Kelantan berjaya mengurangkan kemiskinan kepada 4.8% mendahului Kedah sebanyak 5.3%, Sarawak 5.3%, Perlis 6.0% dan Sabah 19.2%.

Satu rumusan yang agak menarik ialah pada tahun 2009 juga kadar kemiskinan bumiputera seluruh Malaysia ialah 5.3% menggambarkan bahawa kadar kemiskinan rakyat Kelantan lebih baik iaitu 4.8%. Ini benar dengan anggaran sekitar 95% rakyat Kelantan ialah bumiputera. Pola yang sama dapat dirumuskan jika dianggarkan sebahagian besar daripada rakyat Kelantan berada di luar bandar, kerana rata-rata kemiskinan luar bandar adalah sebanyak 8.4%. Gambaran yang lebih jelas dapat dilihat melalui Jadual 3 di halaman 17.

## 6. PERUNTUKAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN BAGI NEGERI KELANTAN DAN MALAYSIA

Secara bandingan, peruntukan perbelanjaan pembangunan bagi negeri Kelantan berbanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia amat rendah dan pada *trend* yang menurun sejak dari Rancangan Malaya Pertama 1956-1960 hinggalah Rancangan Malaysia Kelapan 2001-2005 dari sekitar lebih 8% menjadi hanya 2.2% masing-masing. Hanya pada Rancangan Malaysia Kesembilan terdapat kenaikan yang agak ketara kepada 3.5%. Ini dapat dilihat melalui Jadual 4. Kenapa *trend* ini berlaku demikian, saya kira dapat dijawab sendiri.

## 7. GUNA TENAGA

Satu isu yang sentiasa mendapat perhatian ialah mengenai penghijrahan tenaga kerja Kelantan keluar ke negeri-negeri lain terutamanya Selangor, Wilayah Persekutuan, Johor, Pulau Pinang dan lain-lain. Hassan Harun, 1999, menganggar seramai lebih dari 500 ribu rakyat Kelantan

**Jadual 2:** *Pendapatan Isirumah Bulanan Purata 1976, 1999, 2004 dan 2009.*

| Negeri | RM 1976 | RM 1999 | RM 2004 | RM 2009 | Kadar Pertumbuhan Tahunan (%) 2000-2004 | Kadar Pertumbuhan Tahunan (%) 2004-2009 |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Malaysia | 505 | 2472 | 3249 | 4025 | 5.6 | 4.4 |
| Johor | 513 | 2646 | 3076 | 3835 | 3.1 | 4.5 |
| Kedah | 306 | 1612 | 2126 | 2667 | 5.7 | 4.6 |
| Kelantan | 269 | 1314 | 1829 | 2536 | 6.8 | 6.8 |
| Melaka | 568 | 2260 | 2792 | 4184 | 4.3 | 8.4 |
| N Sembilan | 505 | 2335 | 2886 | 3540 | 4.3 | 4.2 |
| Pahang | 477 | 1482 | 2410 | 3279 | 10.2 | 6.4 |
| Perak | 436 | 1743 | 2207 | 2809 | 4.8 | 4.9 |
| Perlis | 338 | 1431 | 2046 | 2617 | 7.4 | 5.0 |
| P Pinang | 589 | 3128 | 3531 | 4407 | 2.5 | 4.5 |
| Sabah | 513 | 1905 | 2395 | 3102 | 5.5 | 5.3 |
| Sarawak | 426 | 2276 | 2725 | 3581 | 3.7 | 5.6 |
| Selangor | 735 | 3702 | 5157 | 5962 | 6.9 | 2.9 |
| Terengganu | 339 | 1599 | 1984 | 3017 | 4.4 | 8.7 |
| WP K Lumpur | 1058 | 4105 | 5011 | 5488 | 4.1 | 1.8 |
| WP Labuan | | | 4054 | 4407 | | 1.7 |
| WP Putrajaya | | | | 6747 | | |

**Jadual 3: Insiden Kemiskinan Mengikut Etnik, Strata dan Negeri, Malaysia, 1970-2009**

*Table 3: Incidence of Poverty by Ethnicity, Strata and State, Malaysia, 1970-2009*

| | 1970[a] | 1976 | 1979 | 1984 | 1987 | 1989[b] | 1992 | 1995 | 1997 | 1999[c] | 2002 | 2004 | 2007 | 2009 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **Malaysia** | 49.3 | 37.7 | 37.4 | 20.7 | 19.4 | 16.5 | 12.4 | 8.7 | 6.1 | 8.5 | 6.0 | 5.7 | 3.6 | 3.8 |
| **Etnik/*Ethnic*** | | | | | | | | | | | | | | |
| Bumiputera | 64.8 | 46.4[a] | 49.2 | 28.7 | 26.6 | 23.0 | 17.5 | 12.2 | 9.0 | 12.3 | 9.0 | 8.3 | 5.1 | 5.3 |
| Cina/*Chinese* | 26.0 | 17.4[a] | 16.5 | 7.8 | 7.0 | 5.4 | 3.2 | 2.1 | 1.1 | 1.2 | 1.0 | 0.6 | 0.6 | 0.6 |
| India/*Indians* | 39.2 | 27.3[a] | 19.8 | 10.1 | 9.6 | 7.6 | 4.5 | 2.6 | 1.3 | 3.4 | 2.7 | 2.9 | 2.5 | 2.5 |
| Lain-lain/*Others* | 44.8 | 33.8[a] | 28.9 | 18.8 | 20.3 | 22.8 | 21.7 | 22.5 | 13.0 | 25.5 | 8.5 | 6.9 | 9.8 | 6.7 |
| **Strata** | | | | | | | | | | | | | | |
| Bandar/*Urban* | 21.3 | 15.4 | 17.5 | 8.5 | 8.5 | 7.1 | 4.7 | 3.6 | 2.1 | 3.3 | 2.3 | 2.5 | 2.0 | 1.7 |
| Luar Bandar/*Rural* | 58.7 | 45.7 | 45.8 | 27.3 | 24.8 | 21.1 | 21.2 | 14.9 | 10.9 | 14.8 | 13.5 | 11.9 | 7.1 | 8.4 |
| **Negeri/*State*** | | | | | | | | | | | | | | |
| Johor | 45.7 | 29.0 | 18.2 | 12.2 | 11.1 | 9.8 | 5.6 | 3.1 | 1.6 | 3.1 | 2.5 | 2.0 | 1.5 | 1.3 |
| Kedah | 63.2 | 61.0 | 53.8 | 36.6 | 31.3 | 29.9 | 21.2 | 12.2 | 11.5 | 14.2 | 9.7 | 7.0 | 3.1 | 5.3 |
| Kelantan | 76.1 | 67.1 | 55.0 | 39.2 | 31.6 | 29.6 | 29.5 | 22.9 | 19.2 | 25.2 | 17.8 | 10.6 | 7.2 | 4.8 |
| Melaka | 44.9 | 32.4 | 20.4 | 15.8 | 11.7 | 12.4 | 8.5 | 5.3 | 3.5 | 2.9 | 1.8 | 1.8 | 1.8 | 0.5 |
| N.Sembilan | 44.8 | 33.0 | 26.3 | 13.0 | 21.5 | 9.1 | 8.1 | 4.9 | 4.7 | 4.1 | 2.6 | 1.4 | 1.3 | 0.7 |
| Pahang | 43.2 | 38.9 | 26.9 | 15.7 | 12.3 | 10.0 | 6.9 | 6.8 | 4.4 | 9.8 | 9.4 | 4.0 | 1.7 | 2.1 |
| P.Pinang | 43.7 | 32.4 | 19.7 | 13.4 | 12.9 | 8.7 | 4.0 | 4.0 | 1.7 | 0.7 | 1.2 | 0.3 | 1.4 | 1.2 |
| Perak | 48.6 | 43.0 | 30.5 | 20.3 | 19.9 | 19.2 | 10.2 | 9.1 | 4.5 | 6.8 | 6.2 | 4.9 | 3.4 | 3.5 |
| Perlis | 73.9 | 59.8 | 63.1 | 33.7 | 29.1 | 17.4 | 19.8 | 11.8 | 10.7 | 13.6 | 8.9 | 6.3 | 7.0 | 6.0 |
| Selangor | 29.2 | 22.9 | 14.5 | 8.6 | 8.9 | 7.6 | 4.3 | 2.2 | 1.3 | 1.9 | 1.1 | 1.0 | 0.7 | 0.7 |
| Terengganu | 68.9 | 60.3 | 53.1 | 28.9 | 36.1 | 31.3 | 25.6 | 23.4 | 17.3 | 22.7 | 14.9 | 15.4 | 6.5 | 4.0 |
| Sabah/F.T.Labuan | - | 58.3 | 40.7 | 33.1 | 35.3 | 29.7 | 27.8 | 22.6 | 16.5 | 23.4 | 16.0 | 23.0 | 16.0 | 19.2 |
| Sarawak | - | 56.5 | 47.8 | 31.9 | 24.7 | 21.0 | 19.2 | 10.0 | 7.3 | 10.9 | 11.3 | 7.5 | 4.2 | 5.3 |
| F.T.KL | - | - | - | 4.9 | 5.2 | 3.7 | 1.7 | 0.5 | 0.1 | 0.4 | 0.5 | 1.5 | 1.5 | 0.7 |
| F.T. Putrajaya | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - |

**Nota/*Note*:**

[a] **Merujuk kepada Semenanjung Malaysia sahaja**
*Refers to Peninsular Malaysia only*

[b] **Mulai tahun 1989, data adalah berdasarkan kepada warganegara Malaysia**
*Starting 1989, data is based on Malaysian citizens*

[c] **Mulai tahun 1999 dan seterusnya, pengiraan kemiskinan adalah berdasarkan metodologi 2005**
*From 1999 onwards, calculation of poverty is based on 2005 Methodology*

**Sumber/*Source*:**

1) **Penyiasatan Selepas Banci Penduduk dan Perumahan, 1970 (rujukan 1970)**
*Post Enumeration Survey of 1970 Population and Housing Census (reference 1970)*

2) **Penyiasatan-penyiasatan Pendapatan Isi Rumah**
*Household Income Surveys*

3) **Kompilasi statistik**
*Statistical compilations*

***Jadual 4:*** *Peruntukan Pembangunan Kelantan dan Malaysia 19 6 2010.*

| Masa | Peruntukan Kelantan (Mil RM) | Peratus dari Jumlah |
|---|---|---|
| Rancangan Malaya Pertama 1956-1960 | 83.9 | 8.3 |
| Rancangan Malaya Kedua 1961-1965 | 220.1 | 10.2 |
| Rancangan Malaysia Pertama 1966-1970 | 325.0 | 7.7 |
| Rancangan Malaysia Kedua 1971-1975 | 518.0 | 7.0 |
| Rancangan Malaysia Ketiga 1976-1980 | 1744.0 | 5.4 |
| Rancangan Malaysia Keempat 1981-1985 | 2847.8 | 6.7 |
| Rancangan Malaysia Kelima 1986-1990 | 3850.8 | 5.6 |
| Rancangan Malaysia Keenam 1991-1995 | 2064 | 3.8 |
| Rancangan Malaysia Ketujuh 1996-2000 | 1850 | 2.7 |
| Rancangan Malaysia Kelapan 2001-2005 | 3681 | 2.2 |
| Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010 | 7627 | 3.5 |

telah bermastautin tetap "di negeri-negeri angkat". Ia dilihat sebagai satu kesan yang negatif kepada negeri Kelantan kerana tidak mampu menyediakan pekerjaan kepada penduduknya. Namun jika dilihat dari satu sudut lain, ia adalah satu perkara yang dianggap positif dari segi ekonomi kerana sifat orang Kelantan yang suka merantau dalam melaksanakan kegiatan ekonomi dapat diterjemahkan sebagai mempunyai *mobility of labour* yang tinggi. Ini adalah satu sifat yang sangat positif bagi pembangunan ekonomi sesebuah negara. Ini bermakna sifat orang Kelantan inilah antaranya yang membantu pembangunan ekonomi negara Malaysia.

Tokoh-tokoh akademik seperti Prof Tan Sri Dr Kamal Hasan, Allahyarham Prof Dato' Dr Ismail Salleh juga Dato' Hassan Harun sebagai tokoh pengurus pendidikan tokoh-tokoh korporat seperti Tan Sri Ab. Aziz Ab. Rahman, Tan Sri Wan Azmi Wan Hamzah, Tan Sri Nik Mohamed Nik Yaacob, Dato' Tengku Mahaleel Tangku Ariff, Tan Sri Salleh Sulong, Tan Sri Hamad Kama Piah Che Othman, dan ramai lagi adalah antara tokoh yang berperanan diperingkat nasional malah juga antarabangsa.

## 8. RUMUSAN

Prestasi ekonomi Kelantan memperlihatkan satu *trend* yang bercampur di mana ada aspek yang memperlihatkan prestasi yang baik dan disatu pihak lain pula memperlihatkan prestasi yang tidak begitu baik. Kajian *shift share* wilayah memperlihatkan kesan peralihan wilayah yang negatif.*Trend* yang sama pada KDNK per kapita. Walaupun terdapat peningkatan, namun kadarnya agak rendah berbanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia.

Namun prestasi ekonomi negeri Kelantan agak berbeza jika dilihat dari hasil kajian dengan menggunakan model Asher (1989) yang dijalankan oleh Azizah Md Yusof dan Nariman Mohd Saad di mana dengan memasukkan elemen Islam, maka prestasi ekonomi Kelantan menjadi semakin meningkat. Begitu juga dari sudut pendapatan isirumah bulanan purata dan pengurangan kadar kemiskinan, prestasi Kelantan secara relatifnya baik.

Jika diandaikan faktor-faktor lain tetap, dan peruntukan pembangunan untuk negeri Kelantan dapat diperbaiki



menjadi sejajar dengan negeri-negeri lain di Malaysia, sudah pasti prestasi ekonomi negeri Kelantan akan menjadi lebih mantap selari dengan hasil kajian model Asher (1989). Ini jelas bahawa dengan memasukkan aspek Islam dalam kajian secara bersepadu prestasi ekonomi Kelantan akan menjadi lebih baik.

## 9. KESIMPULAN

Kejayaan sebenar ialah kejayaan seperti yang ditentukan oleh Allah SWT. Ini bererti pencapaian kebendaan semata-mata tidak menjamin kebahagian hidup insan. Untuk menjamin kejayaan yang diharapkan, ajaran agama (Islam) haruslah dijadikan panduan dalam menentukan nilai yang hakiki. Dari Allah kita datang, kepada Allah kita akan kembali. Maka dengan undang-undang dan peraturan Allah SWT sajalah seharusnya kita mencorakkan seluruh hidup kita termasuk bidang ekonomi secara bersepadu.




# ECONOMIC PERFORMANCE OF KELANTAN (A REVIEW)

By Dr Abdullah Sudin

## 1. INTRODUCTION

Since the era of indepence in 1957 until the era of New Economic Policy (NEP) in the years 1971 to 1990, and even until now, Kelantan has been perceived as the poorest and least developed state in Malaysia. If that is true, is it all bad for Kelantan? It is a law of nature, that Allah made things to exist in pairs. Where there is poverty, it will be balanced by wealth elsewhere. There are both good and bad sides to most things. Likewise, something cannot be characterized by everything that is good or bad - there will be other factors to balance it. Therefore, to state that Kelantan is the worst state in all aspects especially in the economic sector is an oversimplification as well as unfair. But what should then be the correct statement? What measurement should be used to justify it? Before we go to the crux of the matter, let us examine Kelantan from its historical background.

## 2. HISTORICAL BACKGROUND OF KELANTAN

Records of Kelantan's earliest history are quite limited. There is no authoritative record on how Islam first came to Kelantan, but historians believe that it happened in the 12th century. The British didn't create a presence in Kelantan until much later compared to other states in Peninsular Malaysia. This partially explained why Kelantan is less developed than the other states.

In the political aspect, Kelantan was ruled by UMNO since the first election in 1955, until the year 1959. But in 1959, PAS took over the helm of Kelantan, until UMNO wrested back the governing power in 1978. PAS came back into power in the year 1990 and has remained the elected party to govern the state until today.

As a state with limited resources, it has been challenging to develop Kelantan. But Kelantan is a unique state with its own characteristics. In 1995, A.S. Ab. Rahman wrote:

*"Kelantan is a unique state, unique in terms of its historical, cultural, economic, political, social and religious background. Historically speaking, Kelantan was one of the centres of ancient empire such as Srivijaya. On the other hand, Kelantanese is noted for their enterprising and industrious attitude. Indeed, strong social cohesiveness is one of their behavior characteristics. Interestingly, it is the only state in West Malaysia that falls under the control of the opposition Islamic party, PAS. Strong religiousness is another distinct characteristic of the Kelantanese, compared to other people in the peninsular."* (A.S. Ab.Rahman, 1995, page 206)

With the special traits of Kelantan and its people, the capability to develop Kelantan is not an issue that is difficult to grasp. However, it is only fair that the discussion takes place under a reasonable premise.

## 3. PREMISE OF STUDY

Membangun Bersama Islam (Developing with Islam) is a major policy as a state mission and in administrative matters, including in management of the Kelantan's economy. Therefore, when appraising the performance of Kelantan's economy, Islam has to be the main premise. We have to begin by understanding the wider goals in life that is much more than economic prosperity alone.

The purpose of mankind is not just to accumulate wealth and prosperous economy, but we are bound by the guidance from Allah and His Messenger, Rasulullah SAW. The mindset should be that the world is but a farm for us to toil in, and the Hereafter is our final destination, where we would harvest the fruits of our labour. Therefore, in evaluating and discussing economic performance, we should avoid the Western template that splits these two goals, wordly and spritiually. We should go back to Islam as our way of life, as ordained by Allah. We will begin the discourse by analyzing the purpose of life as stated in the Quran.

#### 5.2.2 ANALYSIS OF REGIONAL SHIFT-SHARE

A study by Zakariah Abdul Rashid in 'Ekonomi Negeri Kelantan dari Perspektif Analisis Shift-Share Wilayah' (2003) using GDP data showed that in the period 1980 to 1995, Kelantan had experienced a negative regional shift. The state lost its regional share by almost 32%. The study also showed that economic performance of Kelantan is declining compared to the other states in Malaysia.

#### 5.2.3 ISLAM AND ECONOMIC GROWTH

While the shift-share analysis as explained above was done by Zakariah Abdul Rashid (2003), Azizah Md Yusoff and Nariman Mohd Saad from Universiti Utara Malaysia on the other hand, used Asher Model (1989) to study the correlation between Islamic legislation and programs against revenue using secondary data and statistical method. The study showed that Islamic legislation and programs under the Kelantan state administration caused a positive impact to economic growth and development for the period when PAS is in power from 1990 to 2004. The major variables used in the study were revenue, GDP and Islam. The conclusion of the study is represented in Chart 1 below.




***Chart 1***

#### 5.3 AVERAGE MONTHLY HOUSEHOLD INCOME

The trending for average household income by state from 1976 to 2009 can be observed from Table 2.

The growth of average household income for Kelantan shows a clear increasing trend. At 6.8%, the rate of growth for the period 2004 to 2009 for Kelantan is the highest after Trengganu (8.7%) and Melaka (8.4%). When compared to the nation's average, the ratio of average household income in Kelantan has also increased significantly. In 1976, the ratio stood at 53.3% (Kelantan RM269/Malaysia RM505). However, in 2009, the ratio has increased to 63% (Kelantan RM2536/Malaysia RM4025). Assuming the annual growth for Kelantan and Kedah stays at 6.8% and 4.6% respectively, average householed income for Kelantan will be higher than Kedah by 2013 with an estimate of RM3299 and RM3193 respectively.

#### 5.4 POVERTY RATE

The poverty rate for Kelantan in 1970 is 76.1%, the highest rate among all states in Peninsular Malaysia. But by 1989, the poverty rate has reduced to 29.6%, making Kelantan the third highest state after Terengganu (31.3%) and Kedah (29.9%). By 2009, the rate dropped further to 4.8%, where Kelantan is doing better ahead of Sabah (19.2%), Perlis (6.0%), Kedah (5.3%) and Sarawak (5.3%).

Interestingly, the poverty rate of 4.8% in Kelantan in 2009 is lower than the bumiputera poverty rate for the whole country which is 5.3%. Especially so, given that bumiputera makes up an estimated 95% of Kelantan's population. A similar trend is observed, whereby the poverty rate is lower than the average rate for rural population of Malaysia which is 8.4%, despite the fact that majority of Kelantan population lives in the rural area. More information can be seen in Table 3.

### 6. BUDGET ALLOCATION FOR DEVELOPMENT IN KELANTAN DAN MALAYSIA

Budget allocation to develop Kelantan has been lower compared to other states in Malaysia. Furthermore, it has been on a declining trend since the First Malaya Plan 1956-1960 until the Eight Malaysia Plan 2001-2005, down from 8.3% to 2.2% respectively. It's only in the Ninth Malaysia Plan 2006-2010 that we see a significant increase from 2.2% to 3.5%. These figures are tabulated below in Table 4. One can only venture one's own guess as to why this is so.

### 7. EMPLOYMENT

An issue that is discussed often, is the migration of work force from Kelantan to other states in Malaysia especially to Selangor, Wilayah Persekutuan, Johor and Pulau Pinang. Hassan Harun (1999) estimated that more than 500,000 Kelantanese had settled down in their 'adopted states'. From one angle, this can be viewed as a negative attribute as it implies that Kelantan is not able to provide attractive employment prospects to its people. But on the other hand, it also means that Kelantanese are more susceptible to venturing outside their comfort zone to seek opportunities elsewhere and possess high labour mobility, which are positive traits from the economic point of view. These are positive factors that contribute to the economic growth of a nation. This means that Kelantanese played a part towards building the economy of Malaysia.

Some of the distinguished individuals who hailed from Kelantan and have great influence at national and even international level include prominent academics like Prof Tan Sri Dr Kamal Hasan, Almarhum Prof Dato' Dr Ismail Salleh, as well as Dato' Hassan Harun who is an expert in education management, corporate players like Tan Sri Ab. Aziz Ab. Rahman, Tan Sri Wan Azmi Wan Hamzah, Tan Sri Nik Mohamed Nik Yaacob, Dato' Tengku Mahaleel Tangku Ariff, Tan Sri Salleh Sulong, Tan Sri Hamad Kama Piah Che Othman, and many more.

***Table 2:** Average household income by state for the years 1976, 1999, 2004 and 2009.*

| State | RM 1976 | RM 1999 | RM 2004 | RM 2009 | Growth Rate Per Annum (%) 2000-2004 | Growth Rate Per Annum (%) 2004-2009 |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Malaysia | 505 | 2472 | 3249 | 4025 | 5.6 | 4.4 |
| Johor | 513 | 2646 | 3076 | 3835 | 3.1 | 4.5 |
| Kedah | 306 | 1612 | 2126 | 2667 | 5.7 | 4.6 |
| Kelantan | 269 | 1314 | 1829 | 2536 | 6.8 | 6.8 |
| Melaka | 568 | 2260 | 2792 | 4184 | 4.3 | 8.4 |
| N Sembilan | 505 | 2335 | 2886 | 3540 | 4.3 | 4.2 |
| Pahang | 477 | 1482 | 2410 | 3279 | 10.2 | 6.4 |
| Perak | 436 | 1743 | 2207 | 2809 | 4.8 | 4.9 |
| Perlis | 338 | 1431 | 2046 | 2617 | 7.4 | 5.0 |
| P Pinang | 589 | 3128 | 3531 | 4407 | 2.5 | 4.5 |
| Sabah | 513 | 1905 | 2395 | 3102 | 5.5 | 5.3 |
| Sarawak | 426 | 2276 | 2725 | 3581 | 3.7 | 5.6 |
| Selangor | 735 | 3702 | 5157 | 5962 | 6.9 | 2.9 |
| Terengganu | 339 | 1599 | 1984 | 3017 | 4.4 | 8.7 |
| WP K Lumpur | 1058 | 4105 | 5011 | 5488 | 4.1 | 1.8 |
| WP Labuan | | | 4054 | 4407 | | 1.7 |
| WP Putrajaya | | | | 6747 | | |

**Jadual 3: Insiden Kemiskinan Mengikut Etnik, Strata dan Negeri, Malaysia, 1970-2009**

*Table 3: Incidence of Poverty by Ethnicity, Strata and State, Malaysia, 1970-2009*

| | 1970[a] | 1976 | 1979 | 1984 | 1987 | 1989[b] | 1992 | 1995 | 1997 | 1999[c] | 2002 | 2004 | 2007 | 2009 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **Malaysia** | 49.3 | 37.7 | 37.4 | 20.7 | 19.4 | 16.5 | 12.4 | 8.7 | 6.1 | 8.5 | 6.0 | 5.7 | 3.6 | 3.8 |
| **Etnik/*Ethnic*** | | | | | | | | | | | | | | |
| Bumiputera | 64.8 | 46.4[a] | 49.2 | 28.7 | 26.6 | 23.0 | 17.5 | 12.2 | 9.0 | 12.3 | 9.0 | 8.3 | 5.1 | 5.3 |
| Cina/*Chinese* | 26.0 | 17.4[a] | 16.5 | 7.8 | 7.0 | 5.4 | 3.2 | 2.1 | 1.1 | 1.2 | 1.0 | 0.6 | 0.6 | 0.6 |
| India/*Indians* | 39.2 | 27.3[a] | 19.8 | 10.1 | 9.6 | 7.6 | 4.5 | 2.6 | 1.3 | 3.4 | 2.7 | 2.9 | 2.5 | 2.5 |
| Lain-lain/*Others* | 44.8 | 33.8[a] | 28.9 | 18.8 | 20.3 | 22.8 | 21.7 | 22.5 | 13.0 | 25.5 | 8.5 | 6.9 | 9.8 | 6.7 |
| **Strata** | | | | | | | | | | | | | | |
| Bandar/*Urban* | 21.3 | 15.4 | 17.5 | 8.5 | 8.5 | 7.1 | 4.7 | 3.6 | 2.1 | 3.3 | 2.3 | 2.5 | 2.0 | 1.7 |
| Luar Bandar/*Rural* | 58.7 | 45.7 | 45.8 | 27.3 | 24.8 | 21.1 | 21.2 | 14.9 | 10.9 | 14.8 | 13.5 | 11.9 | 7.1 | 8.4 |
| **Negeri/*State*** | | | | | | | | | | | | | | |
| Johor | 45.7 | 29.0 | 18.2 | 12.2 | 11.1 | 9.8 | 5.6 | 3.1 | 1.6 | 3.1 | 2.5 | 2.0 | 1.5 | 1.3 |
| Kedah | 63.2 | 61.0 | 53.8 | 36.6 | 31.3 | 29.9 | 21.2 | 12.2 | 11.5 | 14.2 | 9.7 | 7.0 | 3.1 | 5.3 |
| Kelantan | 76.1 | 67.1 | 55.0 | 39.2 | 31.6 | 29.6 | 29.5 | 22.9 | 19.2 | 25.2 | 17.8 | 10.6 | 7.2 | 4.8 |
| Melaka | 44.9 | 32.4 | 20.4 | 15.8 | 11.7 | 12.4 | 8.5 | 5.3 | 3.5 | 2.9 | 1.8 | 1.8 | 1.8 | 0.5 |
| N.Sembilan | 44.8 | 33.0 | 26.3 | 13.0 | 21.5 | 9.1 | 8.1 | 4.9 | 4.7 | 4.1 | 2.6 | 1.4 | 1.3 | 0.7 |
| Pahang | 43.2 | 38.9 | 26.9 | 15.7 | 12.3 | 10.0 | 6.9 | 6.8 | 4.4 | 9.8 | 9.4 | 4.0 | 1.7 | 2.1 |
| P.Pinang | 43.7 | 32.4 | 19.7 | 13.4 | 12.9 | 8.7 | 4.0 | 4.0 | 1.7 | 0.7 | 1.2 | 0.3 | 1.4 | 1.2 |
| Perak | 48.6 | 43.0 | 30.5 | 20.3 | 19.9 | 19.2 | 10.2 | 9.1 | 4.5 | 6.8 | 6.2 | 4.9 | 3.4 | 3.5 |
| Perlis | 73.9 | 59.8 | 63.1 | 33.7 | 29.1 | 17.4 | 19.8 | 11.8 | 10.7 | 13.6 | 8.9 | 6.3 | 7.0 | 6.0 |
| Selangor | 29.2 | 22.9 | 14.5 | 8.6 | 8.9 | 7.6 | 4.3 | 2.2 | 1.3 | 1.9 | 1.1 | 1.0 | 0.7 | 0.7 |
| Terengganu | 68.9 | 60.3 | 53.1 | 28.9 | 36.1 | 31.3 | 25.6 | 23.4 | 17.3 | 22.7 | 14.9 | 15.4 | 6.5 | 4.0 |
| Sabah/F.T.Labuan | - | 58.3 | 40.7 | 33.1 | 35.3 | 29.7 | 27.8 | 22.6 | 16.5 | 23.4 | 16.0 | 23.0 | 16.0 | 19.2 |
| Sarawak | - | 56.5 | 47.8 | 31.9 | 24.7 | 21.0 | 19.2 | 10.0 | 7.3 | 10.9 | 11.3 | 7.5 | 4.2 | 5.3 |
| F.T.KL | - | - | - | 4.9 | 5.2 | 3.7 | 1.7 | 0.5 | 0.1 | 0.4 | 0.5 | 1.5 | 1.5 | 0.7 |
| F.T. Putrajaya | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - | - |

Nota/*Note*:

[a] Merujuk kepada Semenanjung Malaysia sahaja
*Refers to Peninsular Malaysia only*

[b] Mulai tahun 1989, data adalah berdasarkan kepada warganegara Malaysia
*Starting 1989, data is based on Malaysian citizens*

[c] Mulai tahun 1999 dan seterusnya, pengiraan kemiskinan adalah berdasarkan metodologi 2005
*From 1999 onwards, calculation of poverty is based on 2005 Methodology*

Sumber/*Source*:

1) Penyiasatan Selepas Banci Penduduk dan Perumahan, 1970 (rujukan 1970)
*Post Enumeration Survey of 1970 Population and Housing Census (reference 1970)*

2) Penyiasatan-penyiasatan Pendapatan Isi Rumah
*Household Income Surveys*

3) Kompilasi statistik
*Statistical compilations*

***Table 3***

***Table 4:*** *Development budget for Kelantan Malaysia 1956 - 2010*

| Period | Allocation for Kelantan (million RM) | Percentage from total |
|---|---|---|
| First Malaya Plan 1956-1960 | 83.9 | 8.3 |
| Second Malaya Plan 1961-1965 | 220.1 | 10.2 |
| First Malaysia Plan 1966-1970 | 325.0 | 7.7 |
| Second Malaysia Plan 1971-1975 | 518.0 | 7.0 |
| Third Malaysia Plan 1976-1980 | 1744.0 | 5.4 |
| Fourth Malaysia Plan 1981-1985 | 2847.8 | 6.7 |
| Fifth Malaysia Plan 1986-1990 | 3850.8 | 5.6 |
| Sixth Malaysia Plan 1991-1995 | 2064 | 3.8 |
| Seventh Malaysia Plan 1996-2000 | 1850 | 2.7 |
| Eighth Malaysia Plan 2001-2005 | 3681 | 2.2 |
| Ninth Malaysia Plan 2006-2010 | 7627 | 3.5 |

## 8. SUMMARY

The economic performance of Kelantan shows a mixed trend. Certains aspects are positive while a few others less so. Regional shift-share analysis shows a negative impact. The trend for GDP per capita is also not very encouraging. Although it is increasing, the growth rate is lower compared to other states in Malaysia.

However, the picture is painted differently in the case of the study using Asher Model (1989) by Azizah Md Yusof and Nariman Mohd Saad. The result of the study shows that the economic performance of Kelantan is enhanced by incorporating the Islamic elements in the state's legislation and administration. Similarly, Kelantan is doing well in the aspects of growth in average household income and the reduction in poverty rates.

Assuming other variables stay constant, and the budget allocated for economic development in Kelantan is increased, it is clear that its economic performance will be further strengthened, in line with the results of the Asher Model (1989) study.

## 9. CONCLUSION

True success is defined by what Allah SWT has decreed for us. Material achievement alone does not guarantee a happy and fulfilled life. To achieve true success, Islamic teachings are crucial as guidance. From Allah we come, and to Allah we return. Therefore, it is only right that we live by the rules and law as prescribed by Allah for all aspects of our life including the economy.

REFERENCE (Verses from the Qur'an in Chapter 3)

Verily Allah will admit those who believe and do righteous deeds, to Gardens beneath which rivers flow while those who reject Allah will enjoy (this world) and eat as cattle eat and the Fire will be their abode. (Muhammad, 47: 12)

Fair in the eyes of men is the love of things they covet: Women and sons Heaped-up hoards of gold and silver horses branded (for blood and excellence) and (wealth of) cattle and well-tilled land. Such are the possessions of this world's life but in nearness to Allah is the best of the goals (To return to). (Ali-Imran, 3: 14

And they (sometimes) say: "There is nothing except our life on this earth, and never shall we be raised up again." (Al-An`am, 6: 29)

Of the people there are some who say: "We believe in Allah and the Last Day " but they do not (really) believe. (Al-Baqarah, 2: 8)

There is the type of man whose speech about this world's life May dazzle thee, and he calls Allah to witness about what is in his heart yet is he the most contentious of enemies. When he turns his back, His aim everywhere is to spread mischief through the earth and destroy crops and cattle. But Allah loveth not mischief. (Al-Baqarah, 204-205)

O ye who believe! bow down, prostrate yourselves, and adore your Lord and do good that ye may prosper. And strive in His cause as ye ought to strive, (with sincerity and under discipline). He has chosen you, and has imposed no difficulties on you in religion it is the cult of your father Abraham. It is He Who has named you Muslims, both before and in this (Revelation) that the Messenger may be a witness for you, and ye be witnesses for mankind! So establish regular Prayer, give regular Charity, and hold fast to Allah! He is your Protector – the Best to protect and the Best to help! (Al-Hajj, 22: 77-78)

Behold, thy Lord said to the angels: "I will create a vicegerent on earth." They said: "Wilt Thou place therein one who will make mischief therein and shed blood?- whilst we do celebrate Thy praises and glorify Thy holy (name)?" He said: "I know what ye know not." (Al-Baqarah, 2: 30)

I have only created Jinns and men, that they may serve Me. (Adz-Dzariyaat, 51: 56)









# KELANTAN

## Ekonomi Yang Barakah

Oleh Syahir Sulaiman

*"Jikalau sekiranya penduduk negeri negeri beriman dan bertaqwa, pastilah kami akan melimpahkan kepada mereka barakah dari langit dan bumi, tetapi mereka mendustakan (ayat ayat Kami itu, maka kami seksa mereka disebabkan perbuatannya."* (Al-A'raf: 96)

### CORAK EKONOMI RAKYAT KELANTAN

Sebagai anak Kelantan yang membesar di perantauan, pasti banyak keunikan dan keistimewaan di negeri Serambi Mekah untuk dibandingkan dengan negeri-negeri lain di Malaysia. Kedudukan geografi negeri Kelantan yang terletak di timur laut Semenanjung Malaysia, terpisah dengan Banjaran Titiwangsa, berhadapan dengan Laut China Selatan dan bersempadan dengan negara Thailand, banyak mempengaruhi keunikan sosio-budaya dan sosio-ekonomi rakyat Kelantan yang berjumlah hampir dua juta tersebut.






Kaya dengan pelbagai sumber asli, baik di daratan mahupun di lautan, Kelantan yang dianggap sebagai sebuah negeri agrarian (pertanian) menyaksikan aktiviti ekonomi rakyatnya berkait-rapat dengan aktiviti perniagaan, pertanian dan perikanan yang banyak bergantung pada tahap aliran Sungai Kelantan dan alunan ombak di pesisir pantainya.

Persepsi dari kaca mata pihak luar terhadap tahap ekonomi negeri Kelantan sering dikaitkan dengan kemunduran, kemiskinan dan pengangguran, namun rakyat Kelantan turut disinonimkan dengan daya berdikari dan sifat bermuafakat, menjadikan mereka mempunyai daya tahan dan kekuatan tersendiri dalam mengharungi kepayahan kehidupan.

**PENGURUSAN EKONOMI YANG UNIK**

Memetik ucapan Belanjawan Negeri Kelantan Tahun 2013 oleh Menteri Besar Kelantan, Tuan Guru Dato' Bentara Setia Hj Nik Abdul Aziz Nik Mat: "KDNK Negeri Kelantan pada tahun 2012 dijangka meningkat kepada RM11.14 bilion dengan kadar pertumbuhan 6.9%, manakala pertumbuhan KDNK Malaysia pada 2012 dijangka pada kadar 4.0% sehingga 5.0%. Sektor Perkhidmatan, Pertanian dan Pembuatan dijangka akan terus menjadi penyumbang utama KDNK Negeri Kelantan bagi tahun 2012 iaitu masing-masing sebanyak 80.4%, 17.9% dan 4%".

"Bagi menyokong hasrat kerajaan, Bajet 2013 turut meliputi penyediaan infrastruktur dan kemudahan asas bagi menggalakkan aktiviti perniagaan dan keusahawanan. Kerajaan akan terus menyediakan bantuan ekonomi dan peluang pekerjaan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat."

Jika disorot pengalaman negeri Kelantan yang telah ditadbir selama lebih 22 tahun berteraskan dasar Membangun Bersama Islam, selayaknya untuk negeri Kelantan diiktiraf sebagai model mini ke arah pembentukan sebuah Negara Berkebajikan di Malaysia.

Ini terbukti apabila Kerajaan Negeri Kelantan melaksanakan model ekonomi yang mengutamakan pembangunan seiring di antara aspek material dan rohani, meskipun berhadapan dengan kekangan kewangan dan penafian hak oleh pihak kerajaan Persekutuan, termasuklah hak terhadap royalti minyak di perairan Kelantan untuk dinikmati oleh anak jati negeri Kelantan.

Selain peranan pihak Kerajaan Negeri sebagai penggubal dasar dan pengawalselia aktiviti pembangunan dan kebajikan, kerancakan dan daya tahan ekonomi negeri Cik Siti Wan Kembang ini turut disokong oleh kekuatan kuasa beli *(purchasing power* dan permintaan tempatan *(domestic demand* di kalangan rakyat negeri Kelantan, khususnya dalam aspek perniagaan kecil dan sederhana, ditambah pula dengan budaya sedekah, zakat dan wakaf yang sinonim dengan rakyat negeri Kelantan.

Kekuatan kuasa beli dan permintaan domestik di negeri Kelantan dapat dilihat daripada beberapa pemerhatian terhadap aspek sosio-ekonomi yang melatari kehidupan harian rakyat Kelantan seperti berikut:

1. Tunai dan Emas – Urusniaga jual-beli dalam bentuk tunai yang tinggi adalah petanda utama dalam mengukur kekuatan ekonomi mereka dan turut menyumbang kepada merancakkan aktiviti perniagaan kecil dan sederhana di Kelantan.

Amalan berhutang di kedai runcit amat jarang diamalkan di Kelantan, apatah lagi transaksi jual beli menggunakan kad kredit sebagaimana menjadi amalan biasa warga kota yang dihimpit beban sara hidup yang tinggi. Ini sekaligus menjadi pemangkin kepada budaya berniaga di kalangan rakyat Kelantan apabila permintaan terhadap barangan sentiasa tinggi, sama ada barangan runcit mahupun makanan, dan turut disokong oleh transaksi tunai yang rancak.

Di samping itu, budaya pemilikan emas di kalangan wanita Kelantan bukan sekadar untuk tujuan perhiasan dan kecantikan, tetapi turut menjadi perantara nilai ekonomi










sesama mereka, khususnya dalam urus niaga pajak gadai dan pinjaman modal. Ini dibuktikan dengan prestasi perniagaan pajak gadai Islam oleh Ar-Rahnu, di samping rekod jualan dinar dan dirham Kelantan yang kian meningkat, malah menjadi pemandangan biasa untuk melihat peraih-peraih emas berniaga di pasar-pasar, duduk sebaris dengan penjual kuih-muih dan sayur-sayuran.

2. Tanah dan Rumah – Rakyat Kelantan secara umumnya lebih mengutamakan perbelanjaan untuk pemilikan aset kekal. Daripada urusniaga pembelian tanah (atau pecah lot) yang amat popular di Kelantan serta aktiviti pembinaan dan pembelian rumah di kawasan bandar mahupun di luar bandar, sehinggalah kepada sekecil-kecil pemilikan aset seperti haiwan ternakan yang biasanya akan dijual untuk menampung perbelanjaan pendidikan anak-anak. Aset-aset utama seperti rumah banglo dan premis perniagaan menyaksikan lebih 70% pemilikan di tangan anak jati negeri Kelantan, situasi yang jarang berlaku di negeri-negeri lain.

3. Bank dan Tabungan – Kewujudan banyak cawangan bank di daerah kecil seperti Bachok, Kuala Krai dan Gua Musang adalah menarik untuk dikaji dan dibandingkan dengan situasi di daerah kecil lain di negeri-negeri lain. Ini kerana, bagi daerah sebegini yang aktiviti ekonomi di kalangan penduduknya adalah terhad, malah sering dianggap sebagai daerah termiskin, kewujudan lebih daripada tiga cawangan bank utama seperti Maybank dan CIMB, mahupun bank berorientasikan masyarakat seperti BSN dan Bank Pertanian di daerah 'mundur' sebegini menjadi penanda aras terhadap tahap tabungan di kalangan rakyat Kelantan, kerana bank sangat berkait rapat dengan golongan berada.

Situasi yang lebih rancak pula dapat dilihat di bandar utama seperti Kota Bharu, Pasir Mas dan Tanah Merah yang menyaksikan urusniaga dan transaksi perbankan di kalangan rakyat adalah amat tinggi, di tambah pula dengan pembukaan cawangan bank yang menawarkan perkhidmatan perbankan Islam, tumbuh bak cendawan selepas hujan.

4. *Infaq* dan sedekah – Tidak perlu dihurai lebih lanjut akan budaya *infaq* , sedekah, zakat dan wakaf di kalangan rakyat Kelantan. Pembinaan surau (*balasoh* dan masjid yang banyak di Kelantan semuanya ditampung oleh sumbangan derma dan zakat yang dikumpul sedikit demi sedikit.

Pendidikan merupakan institusi utama yang mendapat manfaat daripada budaya *infaq* dan sedekah, baik dari segi pembiayaan pondok, madrasah dan sekolah agama rakyat, sehinggalah kepada pembiayaan pendidikan anak-anak untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat tertinggi.













*Peraih-peraih emas di jalan Buluh Kubu*

Hasil bantuan zakat dan sedekah yang dihulur jiran sekampung dan saudara-mara ini merupakan pelaburan jangka masa panjang yang telah membuahkan hasilnya pada masa sekarang apabila tahap ekonomi keluarga di kampung secara umumnya meningkat selepas anak-anak kampung ini telah menamatkan pengajian dan mempunyai kerjaya dan pendapatan yang kukuh di bandar-bandar utama.

Inilah sebahagian daripada pemerhatian ringkas terhadap aspek sosio-ekonomi yang telah menjadi budaya di kalangan rakyat Kelantan, dan ia merupakan pemangkin utama kepada kekuatan kuasa beli dan daya tahan ekonomi negeri Kelantan. Rezeki yang diperolehi biarpun nampak sedikit, tetapi ia lebih dari mencukupi untuk menampung kehidupan sehari-hari, buat bekalan di kemudian hari. Kebaikan dan kebajikan yang bertambah-tambah, itulah barakah, dan inilah kekuatan dan keunikan ekonomi negeri Kelantan Darul Naim.

*Syahir Sulaiman adalah anak Kelantan yang kini berkhidmat sebagai penganalisa ekonomi di Kuala Lumpur.*



ڤمبك ساويت سنديريان برحد

# PMBK SAWIT SDN. BHD.

(DIMILIKI SEPENUHNYA OLEH PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN)

PMBK Sawit Sdn Bhd adalah sebuah syarikat yang berjaya membantu meningkatkan taraf kehidupan rakyat negeri Kelantan melalui kepelbagaian aktiviti dan hasil bumi hijau melalui sektor perladangan dan pertanian serta yakin untuk terus maju di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan.

Sesuai dengan penerapan Dasar Pertanian Negeri Kelantan dibawah slogan Membangun Bersama Islam yang memberi penekanan kepada pertumbuhan ekonomi dan pembangunan tanah terbiar serta pertanian komersial ke arah memaksimumkan pendapatan, PMBK Sawit Sdn Bhd terbukti mampu menjana ekonomi dan memberi kekuatan baru kepada Kerajaan Negeri Kelantan.

KELAPA SAWIT

PENCAPAIAN HASIL MENTAH

| | |
|---|---|
| 2009 | 18 RIBU TAN METRIK |
| 2010 | 16 RIBU TAN METRIK |
| 2011 | 17 RIBU TAN METRIK |
| 2012 | 23 RIBU TAN METRIK |

GETAH

PENCAPAIAN HASIL MENTAH

| | |
|---|---|
| 2009 | 2.1 JUTA KILOGRAM |
| 2010 | 1.9 JUTA KILOGRAM |
| 2011 | 1.7 JUTA KILOGRAM |
| 2012 | 1.8 JUTA KILOGRAM |



Peneraju Industri Perladangan di Negeri Kelantan

## KELANTAN GOLDEN TRADE SDN BHD

ANAK SYARIKAT PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN

WWW.KGT.COM.MY (WWW.DINARKEL.COM)

*"Melaksanakan tanggungjawab untuk mengembalikan matawang syariah kepada ummah"*




### KEGUNAAN DINAR & DIRHAM

- Pembayaran Gaji
- Pembayaran Zakat
- Mas Kahwin
- Perniagaan
- Simpanan Masa Depan
- Menunaikan Umrah

| DENOMINASI DINAR KELANTAN : |
|---|
| ½ Dinar = 2.125 Gram |
| 1 Dinar = 4.250 Gram |
| 2 Dinar = 8.500 Gram |
| 5 Dinar = 21.25 Gram |
| 8 Dinar = 34.00 Gram |

| DENOMINASI DIRHAM KELANTAN : |
|---|
| 1 Dirham = 2.975 Gram |
| 2 Dirham = 5.950 Gram |
| 5 Dirham = 14.875 Gram |
| 10 Dirham= 29.750 Gram |
| 20 Dirham= 59.50 Gram |

*"Piawaian bagi setiap satu Dinar ialah satu Mithqal bersamaan dengan 4.25 gram emas berketulenan 22 karat (917). Piawaian menurut berat tersebut turut dikenali sebagai Piawaian Khalifah Umar Al- Khattab."*

**PENGAMBILAN WAKALAH BAGI TAHUN 2013 KINI DIBUKA, HUBUNGI TALIAN HOTLINE KAMI : 017-961 4527**

**KELANTAN GOLDEN TRADE**

Lot 3-14, Tingkat 3, KB Cyber Plaza, Jalan Hamzah, 15050, Kota Bharu, Kelantan.

Tel : 09-7441901 Faks : 09-7441902 Website : http://dinarkel.com/

facebook.com/kelantangoldentrade

ar-rahn

HUBUNGI WAKALAH RASMI KAMI :
AR-RAHNU (PKB) 09-741 4322

كوليج تيكنولوكي دارالنعيم

**KOLEJ TEKNOLOGI DARULNAIM**

**Profesional, Berketerampilan, Beretika**

PROGRAM KERJASAMA

UTM . KUIS . TEESSIDE UNIVERSITY . THE UNIVERSITY OF WINCHESTER . GRIFFITH COLLEGE DUBLIN

".........Allah akan mengangkat darjat orang-orang yang beriman dan orang-orang yang berilmu di kalangan kamu dengan beberapa darjat......." (Ayat 11 surah al-Mujadalah)

Anda ingin:

## Ngaji Biar Pandai, Prangai Biar Elok
## Hidup Biar Boleh tumpang

- Diploma Kejuruteraan Elektronik
- Diploma Pengurusan Teknologi
- Diploma Pengurusan Teknologi (Perakaunan)
- Diploma Sains Komputer (Multimedia)
- Diploma Sains Komputer (Teknologi Maklumat)
- Diploma Pengajian Islam (Al-Quran & As-Sunnah)
- Diploma Perbankan Islam
- Diploma Komunikasi
- Diploma Multimedia
- Diploma Pengurusan Perniagaan

DAFTAR SEKARANG

KAMI HANYA MENYEMAI BENIH
ANDA YANG AKAN MENUAI HASILNYA

**Sila hubungi kami:**
Jalan Padang Golf, 16100 Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan Darulnaim.
09-7747200, 09-7749200

www.ktd.edu.my



# Sudara Beach Resort

www.sudarabeachresort.com.my

**Promotion Rates 2013**

| Room Type : | | * Friday Charge : |
|---|---|---|
| Sea View | RM170.00 | * RM185.00 |
| Pool View | RM150.00 | * RM165.00 |
| Garden View | RM125.00 | * RM140.00 |
| Family Room | RM150.00 | * RM165.00 |
| Hotel Rooms | RM150.00 | * RM165.00 |
| Dorm | RM230.00 | * RM245.00 |

**MEETING PACKAGE 2013**

| Meeting Room Package : | *Government | * Corporate |
|---|---|---|
| Single Occupancy | RM180.00 | RM190.00 |
| Twin Sharing | RM130.00 | RM150.00 |
| Triple Sharing | RM90.00 | RM110.00 |
| Dorm (10 pax) | RM75.00 | |

* All room rates are inclusive of 6% Government Tax.
* All room rates are inclusive of Breakfast for 2 persons except Dorm for 6 persons.
* Extra Bed @ RM 35.00 per bed (With Breakfast)
* Surcharge @ RM 25.00 during Eve Of/School Holiday and Public Holiday.
* Check-in after 2.00 pm and Check-out at 12.00 nn.
* All rates are quoted in Ringgit Malaysia.
* All rates are subject to change without prior notice.

**Resort Facilities :**
* Air Conditioning Room
* Swimming Pool
* Ample Parking
* Well Preserved Beach
* **Open Air Coffee House**
* Indoor & Outdoor Activities
* Banquet & Meeting Room Cater from 15-1000 persons
* Sudara Mosque
* B'dara Hydrotheraphy Wellness Spa
* Traditional Massage

* Special room rates for seminars, conference and family day upon request.
* Check-in after 2.00 pm and Check-out at 12.00 nn.
* All rates are quoted in Ringgit Malaysia.
* All rates are subject to change without prior notice.
* We specialize in Traditional /Malay Menu of Traditional/ Malay menu's.

**Package are inclusive of :**
* Accomodation
* Breakfast
* **AM Coffee Break**
* Lunch
* **PM Coffee Break**
* Dinner
* Supper

**Complimentary Usage Of :**
* Meeting Room Set Up
* 1 x White Screen, 1 x White Board & 1 x Flipchart
* Note Pads & Pencil
* Mineral Water & Mint
* Backdrop (30 words only)
* LCD Projector (On rental basis)

**For Resevation & Inquiries, Please Call Us :**
**SUDARA BEACH RESORT** Lot 128, Mukim Telong, Jalan Tok Bali, 16300 Bachok, Kelantan. Tel : 09-7788880 Fax : 09-778 1882 H/P: 012-319 0009
**KOTA BHARU SALES OFFICE**
No. 5492 Jalan Dusun Muda, 15200 Kota Bharu, Kelantan Tel : 09-743 0320 Fax : 09-7478 243 Email : sudarabeach_resort@yahoo.com



ڤوست لاتيهن دارالديكيتل

# Pusat Latihan Darul Digital

## Jom sertai
## Kursus Sijil Kemahiran Malaysia (SKM)
## PEMBANTU JURUTEKNIK SISTEM KOMPUTER (IT-020-2)
## Diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia

**Pengambilan sesi Mac 2013 kini dibuka**

**Tempat adalah terhad !**

Pusat Latihan Darul Digital (L02295)
Tingkat 3, KB Cyber Plaza (Sebelah KB Mall), Kota Bharu
www.daruldigital.com.my | info@daruldigital.com.my
Tel : 09-747 3800 / 8802 | Faks : 09-747 3801



# EKONOMI KELANTAN: SELARI MEMBANGUN BERSAMA ISLAM

**Susunan** *A.Ubaidillah Alias*

## PENINGKATAN EKONOMI GLOBAL

Tanda-tanda pemulihan ekonomi global dijangka lebih kukuh pada tahun 2011 di kebanyakan negara-negara maju dan negara-negara membangun termasuk Malaysia. Pertumbuhan ekonomi Asia dijangka berkembang lebih kukuh sebanyak 5% dan akan mendorong perkembangan ekonomi dunia. Negara China telah muncul sebagai negara kedua terbesar dalam pertumbuhan ekonomi (second-largest economy) iaitu selepas Amerika Syarikat, dengan kedudukan ini China telah mengatasi Jepun. Purata kadar pertumbuhan ekonomi China pada tahun 2009/2010 ialah kira-kira 9%.

Ekonomi Malaysia telah mencatat perubahan yang memberangsangkan pada suku pertama tahun 2010. Pada tahun ini, pertumbuhan ekonomi negara dijangka melebihi 6%. Langkah fizikal dan kewangan pada tahun 2010 telah memberi impak kepada pertumbuhan ekonomi. Menurut perangkaan penting ekonomi negara-negara anggota ASEAN pada tahun 2009, Malaysia berada pada kedudukan ketiga selepas Singapura dan Brunei Darussalam, iaitu mengikut KDNK per kapita.




## PERTUMBUHAN EKONOMI KELANTAN

**Pertumbuhan KDNK Negeri Kelantan pada tahun 2007 dan 2008 buat pertama kali lebih tinggi daripada KDNK negara di mana pertumbuhan KDNK negara pada tahun 2007 dan 2008 adalah 6.2% dan 4.1%, berbanding Negeri Kelantan masing-masing 8.1% dan 6.9% pada tahun-tahun yang sama.**

Walau bagaimanapun Negeri Kelantan menduduki tingkat paling rendah bagi parameter KDNK per kapita pada tahun 2008 dengan hanya RM6,821 berbanding dengan negeri-negeri lain di Semenanjung, Sabah dan Sarawak termasuk Wilayah Persekutuan.

Sungguhpun begitu, KDNK per kapita negeri ini tidak begitu jauh dengan KDNK per kapita beberapa wilayah di Selatan Thailand. Ini menunjukkan ciri-ciri pertumbuhan ekonomi yang sekata di antara negeri Kelantan dengan beberapa wilayah di Selatan Thailand. Rakyat Kelantan perlu berusaha labih gigih untuk meletakkan negeri ini setaraf dan setanding dengan negeri di pantai timur, iaitu Terengganu dan Pahang yang telah jauh ke hadapan dari segi KDNK per kapita.

## PENINGKATAN MENGIKUT SEKTOR

Sektor pertanian menunjukkan pertumbuhan yang tinggi iaitu 15% pada tahun 2009, membuktikan bahawa rakyat negeri ini masih bergantung kepada aktiviti-aktiviti utama seperti pertanian, perternakan dan perikanan.

Sektor perkhidmatan juga menunjukkan pertumbuhan yang memberangsangkan iaitu sebanyak 8.7% pada tahun 2009. Ini memberi satu keyakinan bahawa disamping pertanian, rakyat negeri ini juga aktif dalam bidang perdagangan, borong dan runcit, hotel dan restoran, pengangkutan, komunikasi, kewangan, pelancongan dan juga perkhidmatan oleh kerajaan sendiri.

Sektor perlombongan dan kuari adalah penyumbang terkecil kepada KDNK negeri Kelantan pada tahun 2009. Walau bagaimanapun mulai tahun 2011, sektor ini memberi sumbangan yang signifikan apabila beberapa lombong besi, mangan dan emas beroperasi sepenuhnya.

Sektor pembinaan telah berkembang kukuh pada tahun 2010 terutamanya hasil daripada pelaksanaan projek-projek Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK9). Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama (2009) dan Kedua (2010) bagi Projek Fizikal dan Projek Bukan Fizikal telah berjaya meningkatkan momentum pertumbuhan ekonomi terutamanya dalam sektor pembinaan di Negeri Kelantan. Projek-projek infrastruktur, Bandar Baru

Tunjong, Bandar Baru Kubang Kerian, Bandar Kok Lanas, Pembangunan Lembah Sireh, pejabat-pejabat kerajaan dan pembinaan sekolah-sekolah serta taman-taman perumahan di seluruh jajahan Negeri Kelantan telah merangsang sektor ini.

Sektor pembuatan juga telah memberi sumbangan yang **agak signifikan kepada pertumbuhan KDNK Negeri** Kelantan iaitu sebanyak 1.3% pada tahun 2009. Pada keseluruhannya, sektor ini dijangka terus meningkat dalam tahun 2011 termasuk IKS yang menjadi penyumbang terbesar dalam gunatenaga dan merupakan salah satu komponen penting dalam ekonomi Negeri Kelantan.

## PENURUNAN KADAR KEMISKINAN

Pertumbuhan ekonomi dan kepesatan pembangunan di Negeri Kelantan telah mendorong kepada pengurangan kadar kemiskinan di negeri ini. Pada tahun 2004 kadar kemiskinan negeri Kelantan ialah 10.6%. Walaubagaimanapun kadar ini telah menurun kepada 4.1% pada tahun 2008 berbanding dengan negara iaitu 3.8%. Kadar kemiskinan tegar juga telah menurun dari 1.3% pada tahun 2006 kepada 0.6% pada tahun 2008 berbanding dengan negara iaitu 0.8%. Kerajaan negeri telah melaksanakan sistem e-Tegar bertujuan untuk pendaftaran kumpulan miskin tegar dan sebagai asas untuk merancang program pembasmian miskin tegar.

Pendapatan Isi Rumah Kasar Bulanan Purata Penduduk Negeri Kelantan ialah RM1,829 pada tahun 2004 dan telah meningkat kepada RM2,561.00 pada tahun 2008. Walaupun purata pendapatan Isi Rumah Kasar Bulanan yang rendah, tetapi sebilangan keluarga di negeri ini mendapat pendapatan pindahan (transfer income) daripada keluarga yang bekerja di luar Negeri Kelantan.

Keadaan ini memberi kesan kepada peningkatan kuasa beli penduduk di negeri ini. Aktiviti membeli belah oleh pelancong-pelancong terutamanya di bandar Rantau Panjang, Pengkalan Kubor, Bukit Bunga, Wakaf Che Yeh, Bandar Kota Bharu dan lain-lain bandar turut meningkatkan pendapatan dan kuasa beli.

**Selain daripada pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan, pertumbuhan penduduk juga penting dalam perancangan dan merancakkan lagi pembangunan negeri ini. Penduduk negeri Kelantan mengikut Banci Tahun 2000 ialah kira-kira 1.313 juta orang dengan pertumbuhan hanya 0.97% sahaja. Dengan jumlah penduduk seramai itu meletakan negeri ini dalam Tingkat Pertama dari segi bilangan penduduk di Pantai Timur.**

Unjuran penduduk negeri Kelantan pada tahun 2008 adalah kira-kira 1.595 juta orang. Secara perbandingannya, jumlah penduduk negeri ini mengatasi Perlis dan wilayah-wilayah Selatan Thailand seperti Yala (473,000 orang), Narathiwat (753,000 orang), Pattani (673,000 orang), Satun (284,000 orang) dan Songkla (1.429 juta orang). Manakala Kedah mempunyai penduduk seramai 1.958 juta orang mengikut unjuran tahun 2008. Jumlah penduduk di Pantai Timur, Wilayah Utara dan Selatan Thailand menggambarkan kawasan tadahan (threshold area) pasaran yang besar berdasarkan falsafah dan konsep perancangan merentasi sempadan atau perancangan tanpa sempadan.

**Bandar Kota Bharu mengalami kadar urbanisasi yang agak tinggi di mana pada tahun 2008 penduduk Kota Bharu (pada waktu malam) ialah kira-kira 485,100 orang, dan akan bertambah lebih dari 20% pada waktu siang. Secara perbandingannya, penduduk Kuantan adalah kira-kira 429,100 orang, Kuala Terengganu kira-kira 359,700 orang, Alor Setar seramai 423,700 orang, Pulau Pinang seramai 502,300 orang dan Hat Yai, Thailand seramai 368,990 orang pada tahun 2009.**

Walaupun mempunyai jumlah penduduk yang agak tinggi, tetapi jumlah guna tenaga negeri ini adalah seramai 502,200 orang sahaja. Manakala Kumpulan Umur Bekerja (Working Age Group–WAG) ialah seramai 517,800 orang. Kadar pengangguran pula agak rendah iaitu 2.2% pada tahun 2009 berbanding dengan negara (4.0%) dan negeri-negeri lain lebih tinggi. Bagi melaksanakan agenda **pembangunan fizikal kerajaan, swasta dan pembangunan** ekonomi negeri di masa hadapan, segolongan anak Kelantan yang merantau perlu pulang untuk berbakti di negeri sendiri. Terdapat terlalu banyak peluang dan potensi untuk berjaya di negeri ini. Apa yang diperlukan ialah "Rakyat Kelantan Majukan Negeri Kelantan" dengan bermodalkan semangat, integriti, kewangan yang mencukupi, profesionalisma dan doa kehadrat Ilahi.

## MEMAJUKAN SEKTOR YANG BERPOTENSI

Di antara peluang yang terdapat di negeri ini ialah dengan memajukan sektor pertanian terutamanya pertanian di Tanah Tinggi Lojing, memajukan tanah-tanah terbiar, penternakan lembu, ayam dan telur untuk saradiri dan eksport serta teknologi hijau dan bioteknologi dalam pertanian. Dalam sektor perlombongan pula terdapat banyak potensi industri hiliran bagi beberapa pengeluaran mineral seperti emas, besi, lempung bebola serta perusahaan berkaitan gas dan petroleum.

Dalam sektor pembuatan, terdapat potensi mengusahakan kawasan Industri Kecil Sederhana (IKS) oleh pihak swasta dan Pembangunan Kawasan Industri bermasalah di Batu Jong, Kuala Krai. Dalam sektor pembinaan, terdapat keperluan yang tinggi dalam perumahan di mana pada tahun 2011-2015, permintaan unit kediaman dijangka meningkat sebanyak 31,152 unit kediaman termasuk Rumah Mampu Milik bagi mencapai matlamat 'satu rumah satu keluarga'. Projek-projek infrastruktur pula seperti jalan, bekalan air dan elektrik serta pembinaan bandar-bandar baru. Bagi sektor perkhidmatan, peluang adalah terlalu banyak melibatkan sub-sektor pelancongan dan pengangkutan seperti perkhidmatan inap desa, rumah tumpangan, motel, hotel, pakej pelancongan di Tasik Pergau Jeli dan Tanah Tinggi Lojing.







**KELANTAN 2020 : MEMBANGUN BERSAMA ISLAM**

Negeri Kelantan perlu maju menjelang tahun 2020 berteraskan Membangun Bersama Islam - Kelantan Menerajui Perubahan. Negeri Kelantan perlu mencapai sebuah negeri berpendapatan tinggi dan meningkatkan petunjuk ekonomi dengan modal insan yang berintegriti dan beriman berteraskan Ubudiyah, Itqan dan Masuliyah (UIM). Usaha ini akan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan, membasmi kemiskinan tegar, pembangunan yang lebih seimbang serta mewujudkan masyarakat yang selamat di dunia dan akhirat.

Statistik yang mempamerkan peningkatan ekonomi negeri Kelantan iaitu statistik kadar kemiskinan. Dibawah merupakan jumlah ketibaan pelancong ke Negeri Cik Siti Wan Kembang.

Kadar kemiskinan di negeri Kelantan bermula dari tahun 2004 sehingga tahun 2009:






Kadar ketibaan pelancong bagi tahun 2008 sehingga 2010 adalah seperti berikut :




*Sumber UPEN Negeri Kelantan*

**Skor Persepsi Indeks Rasuah Malaysia**

| Tahun | Kedudukan Negara | Skor CPI | Jumlah Negara Dikaji |
|---|---|---|---|
| 2001 | 36 | 5.0 | 91 |
| 2002 | 33 | 4.9 | 102 |
| 2003 | 37 | 5.2 | 133 |
| 2004 | 39 | 5.0 | 146 |
| 2005 | 39 | 5.1 | 159 |
| 2006 | 44 | 5.0 | 163 |
| 2007 | 43 | 5.1 | 179 |
| 2008 | 47 | 5.1 | 180 |
| 2009 | 56 | 4.5 | 180 |
| 2010 | 56 | 4.4 | 178 |
| 2012 | 60 | 4.3 | 178 |

***Sumber*** *Transparency International*

# KRISIS EKONOMI MALAYSIA apa resolusinya?

***Oleh*** *Syahir Sulaiman*



*Tiada masalah dapat diselesaikan pada tahap kesedaran yang sama masalah itu tercipta –* ***Albert Einstein***

**ANTARA DUA PILIHAN**

Ekonomi sangat berkait rapat dengan keputusan dan pilihan. Sesebuah ekonomi yang sihat diukur pada tahap permintaan dan penawaran terkumpul yang terbit daripada kerancakan aktiviti keusahawanan dan transaksi perniagaan di antara penjual dan pembeli, manakala pelaksanaan polisi ekonomi sesebuah negara boleh bertindak sebagai pemangkin atau penghalang kepada kerancakan ekonomi tersebut.

Dalam sektor perniagaan, terdapat 2 kategori usahawan iaitu mereka yang berdaya-eksplorasi (exploration) dan mereka yang berdaya-eksploitasi (exploitation). Di dalam sesebuah

**THE ECONOMIC CYCLE SINCE 1988**
Annual % Change in Real GDP




ekonomi, kedua-dua jenis usahawan ini wujud tetapi sebuah ekonomi yang sihat memilih lebih ramai usahawan berdaya-eksplorasi.

Di pentas politik pula terdapat dua kategori ahli politik iaitu mereka yang berdaya-khidmat (service-oriented) dan mereka yang berdaya-manipulasi (manipulative-oriented). Di dalam sesebuah ekonomi, kedua-dua jenis ahli politik ini wujud tetapi sebuah ekonomi yang sihat memilih lebih ramai pemimpin berdaya-khidmat berbanding pemimpin khianat yang hidup dengan korupsi, manipulasi dan pembaziran wang rakyat.

Manakala di kalangan rakyat juga terdapat dua kategori pengguna iaitu pengguna-bijak (smart consumer) dan pengguna-dimanipulasi (manipulated consumer). Di dalam sesebuah ekonomi, kedua-dua jenis pengguna ini wujud tetapi sebuah ekonomi yang sihat memilih lebih ramai rakyat yang bijak daripada dipijak.

## RAKYAT PENENTU KUASA EKONOMI DAN POLITIK

Pemangkin sebenar pertumbuhan ekonomi terletak di tangan pengguna dan rakyat yang bijak. Tahap permintaan dan penawaran di dalam negara dan negeri bergantung pada tahap kecenderungan rakyat untuk menghasilkan produk dan perkhidmatan (propensity to produce) yang dibalas dengan ganjaran pendapatan, seterusnya kecenderungan untuk berbelanja, menyimpan dan meminjam (propensity to consume, to save, to borrow). Kita seharusnya hidup mengikut kemampuan, seterusnya berjimat untuk menyimpan dan meminjam hanya untuk perkara yang berkualiti dan diperlukan.

Usahawan berjaya pula adalah mereka yang melaburkan masa dan tenaga dalam mencipta produk yang lebih baik, memberikan khidmat pelanggan yang terbaik, bertanggungjawab terhadap kelestarian alam sekitar, dan menyokong segmen pekerja untuk meningkatkan komitmen dan produktiviti.

Namun, dari masa ke masa, kebanyakan usahawan berdaya-eksplorasi ini cenderung untuk beralih menjadi usahawan berdaya-eksploitasi apabila mereka ini 'terlalu besar untuk gagal', melobi kerajaan untuk mendapatkan pelbagai projek, tender dan insentif cukai, mengurangkan kos dengan memberi tekanan kepada gaji pekerja, bergabung dengan pesaing untuk mewujudkan gergasi monopoli, ketandusan idea baru dan meneruskan penghasilan produk yang sama berbanding membangunkan produk baru, serta memanipulasi harga untuk mengaut keuntungan yang lebih terhadap pengguna dan rakyat.

Sokongan kerajaan sewajarnya dialih daripada membela gergasi korporat kepada usaha penggalakan

pertumbuhan industri kecil dan sederhana. Insentif dan subsidi perlu disalurkan untuk meningkatkan kecekapan dan daya tahan rakyat dan usahawan, manakala polisi cukai dan undang-undang perlu dilaksanakan untuk mewujudkan iklim pelaburan yang mampan dan produktiviti yang tinggi, bukannya untuk melahirkan generasi 'kenal-siapa' (know-who) yang mengatasi kualiti 'tahu-bagaimana' (know-how) di dalam masyarakat.

Dasar ekonomi negara perlu beralih kepada prinsip nilai berbanding terbina di atas prinsip manipulasi yang dipandu rasa tamak dan takut (greed and fear). Kebergantungan kepada kerajaan dapat dikurangkan dengan membudayakan nilai tanggungjawab bersama di antara kaya dan miskin sebagaimana dianjurkan daripada amalan zakat, sedekah, *infaq* dan wakaf bagi menampung pembinaan institusi agama, masyarakat, pendidikan, kesihatan dan infrastruktur kepada rakyat.

Menarik untuk disorot ungkapan Menteri Besar Kelantan, Tuan Guru Dato' Bentara Setia Hj Nik Abdul Aziz Nik Mat dalam memberi pengertian terhadap sebuah kehidupan, baik untuk diteladani oleh rakyat dan kerajaan, yang menyebut **"Saya lebih pentingkan kehidupan yang mewah di akhirat berbanding di dunia sekarang. Saya tanamkan dalam jiwa saya, apabila meninggal dunia nanti saya pasti tanpa meninggalkan sebarang hutang. Ini sudah cukup bagi saya. Paling saya takut meninggalkan hutang di kedai runcit atau sebagainya".**



## PENDEKATAN EKONOMI BERKEBAJIKAN

Gagasan pendekatan ekonomi berkebajikan yang dikemukakan oleh Dato' Seri Tuan Guru Hj Abdul Hadi Awang adalah sangat tepat dan berwawasan jauh sebagai jalan penyelesaian kemelut ekonomi yang sedang melanda negara dan dunia secara keseluruhannya.

Penegasan beliau bahawa tanggungjawab pemerintahan dan memakmurkan bumi ini adalah satu amanah yang mesti ditunaikan, bukan hanya untuk memenuhi tuntutan rakyat yang mengangkat sesebuah kerajaan, bahkan pada kekemuncaknya supaya kepimpinan negara




bertanggungjawab kepada Allah S.W.T., jelas membuktikan iltizam ekonomi yang menjamin nilai keadilan sosial ditegakkan dalam urusan bernegara.

Sebagai kerangka dasar ke arah membetulkan kegagalan sistem ekonomi yang sedang melanda dunia dan negara, beliau telah mengemukakan 4 langkah utama seperti berikut:

1. Membetulkan falsafah ekonomi sedia ada kepada yang lebih adil dan memakmurkan pertumbuhan ekonomi **melalui dasar fiskal dan monetari yang menjamin keadilan** sosial secara mampan;

2. Membetulkan pelaksanaan dasar ekonomi dengan bersendikan akhlak dan perkiraan dosa pahala, akaun abiliti yang holistik, undang-undang yang mendidik mampu mencegah, dan seterusnya menghalang elemen pembaziran, ketirisan, penyelewangan serta rasuah;

3. Membuat penilaian menyeluruh terhadap kekuatan hasil mahsul negara, supaya pengurusan warisan khazanah negara ini dimanfaatkan dengan lebih telus dan adil untuk semua rakyat dan generasi masa depan;

4. Menolak diskriminasi, di mana dasar ekonomi dan sifat kebajikannya dilaksanakan tanpa mengira kaum, agama ataupun fahaman politik, negeri, dan wilayah, dengan merujuk kepada keadilan Islam yang sebenar. Ini sekaligus menolak amalan kronisma nepotisma, serta manipulasi dan monopoli pasaran, melalui pelaksanaan undang-undang yang membela kebajikan rakyat keseluruhannya.

Ini pastinya menuntut kepada perincian melalui dasar dan polisi, serta program dan mekanisma yang tersusun ke arah merealisasikan hasrat murni ini. Malaysia kini berada di persimpangan. Besarlah harapan, besarlah tekad.

*Syahir Sulaiman adalah anak Kelantan yang kini berkhidmat sebagai penganalisa ekonomi di Kuala Lumpur.*

# KUASA RAKYAT KEPADA RAKYAT

***Oleh** Nor Farrah Anis Hasnu*



"Harapan rakyat bukan mainan,
harapan rakyat bukan gadaian,
harapan rakyat satu azimat,
harapan rakyat menyerlahkan tekad."



> Beliau lebih yakin dengan konsep pembangunan seperti yang telah dilaksanakan oleh Rasulullah SAW di mana pembangunan rohani adalah menjadi keutamaan.

Menjejaki kembali garis sejarah yang ditinggalkan 23 tahun yang lalu, Menteri Besar Kelantan, Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Haji Nik Mat kembali mengasak minda kita dengan buah tangan yang dihasilkan melalui kepimpinan Islam. Menjadikan Kelantan sebagai model harmoni antara agama bukanlah suatu kerja mudah tetapi inilah yang telah dilakukan oleh beliau dengan begitu gigih dan tanpa mengenal jemu. Pertemuan bersama beliau selama lebih dari satu jam di kediamannya adalah sesuatu yang mengambil posisi tersendiri. Punya pendirian yang jelas tetapi cukup berseni dengan bait-bait bicaranya.

Nilai sememangnya mengatasi segala-galanya. Wajah ini bercerita dengan penuh bersemangat, yakin dan jujur. Wajah patriot sejati yang cintanya pada tanah air tiada berbelah bahagi. Wajah berani, bersemangat waja, berjiwa tegar dalam membina lebuh raya politik adalah wajah yang tidak akan kita temui di dalam buku teks sekolah. Corak pentadbirannya cuba dipadamkan oleh pemerintah untuk terus menguasai pemikiran kelompok kelas ketiga. Dibengkokkan agar pemerintah terus berkuasa. Dikuburkan agar mereka terus dilihat sebagai satu-satunya golongan elit politik yang berjuang untuk rakyat.

Kita turut dimomokkan bahawa pilihan raya di negara ini tanpa adanya "gula-gula", pembuangan undi secara telus, kita membangun kerana usaha UMNO dan bukannya PAS, ternyata suatu hipokrasi yang penuh helah. Helah untuk mematikan tradisi politik suci bangsa kita. Helah untuk merobek identiti bangsa kita. Helah untuk terus menjadikan bangsa kita berjiwa hamba. Helah untuk kita melupakan bahawa konsep Islam yang dibawakan Nabi Muhammad SAW adalah yang terbaik dalam menyelesaikan setiap pertikaian antara parti politik.

Tuan Guru telah memulakan bicaranya dengan menjelaskan bahawa pentadbiran secara Islam yang dilaksanakan di Kelantan bukanlah sesuatu yang baru. Beliau kemudiannya telah mengimbau kembali sejarah peradaban manusia dimana pemerintahan dan pentadbiran secara Islam telah bermula sejak sekian lama oleh para rasul dan nabi yang telah dilantik oleh Allah SWT. Mereka diutuskan oleh Allah SWT untuk membimbing umat manusia agar hanya menyembah dan bergantung harap kepada-Nya semata-mata. Bagaimanapun beliau menambah bahawa pemerintahan dan pentadbiran setiap rasul atau nabi adalah terhad untuk zamannya sahaja kecuali Nabi Muhammad SAW yang sesuai untuk sepanjang zaman.

Suasana Kota Bharu yang kini mendapat gelaran sebagai Bandar Raya Islam.



Meneruskan bicaranya mengenai pembentukan suasana Islam Kelantan di awal pentadbiran Kerajaan PAS pada tahun 1990, Tuan Guru menyatakan bahawa langkah pertamanya ialah menubuhkan Maahad Tahfiz al-Quran di Pulai Chondong. Ia mendapat sambutan luar biasa daripada rakyat yang bukan sahaja anak negeri Kelantan malah seluruh pelusuk tanah air untuk menghantar anak-anak mereka belajar di negeri yang bergelar Negeri Serambi Mekah. Rakyat menerima konsep ini seperti mana yang dituntut oleh agama Islam malah hingga ke hari ini, kita dapat lihat terlalu banyak pembinaan "bangku-bangku putih" dalam melukis corak membina jati diri Islam berdasarkan pendidikan al-Quran dan as-Sunnah.



Sehingga kini Maahad Tahfiz al-Quran diperkembangkan ke beberapa jajahan lain.

Kesederhanaan yang bersahaja tanpa agenda politik peribadi itu menjadikan Tuan Guru sentiasa dihormati oleh segenap lapisan masyarakat. Beliau amat disenangi oleh semua pihak kerana sikapnya yang terbuka dalam menerima kritikan, ikhlas terhadap setiap tanggungjawab serta menolak politik wang.

Pembangunan Bazar Tok Guru adalah salah satu pembangunan fizikal yang mengangkat imej dan taraf peniaga-peniaga kecil di negeri Kelantan khususnya sekitar Kota Bharu sendiri.




Menjawab soalan mengenai pembangunan di Kelantan yang ratanya media arus perdana mengatakan negeri ini miskin dan tiada pembangunan fizikal, Tuan Guru menyangkal dakwaan tersebut. Beliau lebih yakin dengan konsep pembangunan seperti yang telah dilaksanakan oleh Rasulullah SAW di mana pembangunan rohani adalah menjadi keutamaan. Tuan Guru telah menyingkap kembali sirah Nabi Muhammad SAW di mana sepanjang 23 tahun pentadbirannya, bukanlah jalan atau lebuh raya yang terbentang, bukan juga bangunan pencakar langit yang dibina tetapi ia adalah pembangunan insan iaitu pembangunan sumber manusia yang menjadi fokus dalam membangunkan negeri yang tercinta ini.

Para sahabat telah dididik oleh Baginda SAW agar menjadi pemimpin yang jitu aqidahnya, kental semangatnya dan tinggi nilai spiritualnya. Empayar Islam hanya berkembang selepas wafatnya Baginda SAW, hasil dari usaha para sahabatnya yang terukur di dalam dada-dada mereka al-Quran dan hadis-hadis Rasulullah SAW. Maka konsep yang sama telah dilaksanakan oleh Tuan Guru dalam pentadbirannya. Beliau melihat Kerajaan negeri sebagai pemangkin pembangunan dan menggalakkan rakyat untuk terlibat dalam membangunkan sendiri negeri Kelantan tercinta dengan menyuburkan budaya menderma untuk sebarang projek berkaitan dengan rakyat seperti projek pembinaan Lebuh Raya Rakyat Kota Bharu - Kuala Krai.



Kini konsep U.M.I (Ubudiyyah, Mas'uliyyah dan Itqan) diterapkan sebagai Teras Perkhidmatan Kerajaan Negeri Kelantan.

Tuan Guru turut menerapkan tiga konsep nilai teras untuk dijadikan satu sistem urus tadbir yang baik (Good Governance) dan berkesan serta menjamin pengurusan perkhidmatan berkualiti yang berteraskan sikap profesionalisme dan informatik. Nilai pertama ialah Ubudiyyah iaitu memberi signifikan dari sudut sifat diri, tujuan hidup dan cara menjalani kehidupan yang lahir dari pancaran iman dan aqidah yang jelas. Nilai kedua pula ialah Mas'uliyyah yang merupakan satu konsep khalifah memikul amanah bagi memakmurkan bumi Allah melalui amalan yang berlandaskan syariat. Ketiga, Itqan yang bermaksud membentuk peribadi yang berakhlak dan bermoral serta modal insan yang cemerlang dengan penuh komitmen.



Slogan 'Bertani Satu Ibadah' adalah terapan dari konsep U.M.I




Pentadbiran yang dilakukan oleh Tuan Guru terbukti dapat diterima oleh semua kaum dan bangsa, tidak kira warna, umur dan jantina.

Sebelum menamatkan bicaranya, Tuan Guru telah menyampaikan pesannya kepada seluruh rakyat Kelantan sempena Pilihan Raya Umum ke-13 yang mana tarikh keramat tersebut telah menjadi teka-teki kebanyakan "nujum pak belalang" untuk kesekian lama agar pengundi terus memilih parti Islam sebagai tonggak utama pemerintahan baru di negara ini. Beliau juga berpesan agar para pengundi di luar Kelantan pulang untuk mengundi bagi memastikan kesinambungan pentadbiran ulama di Kelantan dapat dipertahankan. Beliau menegaskan tanggungjawab terhadap negara adalah wajib untuk dilaksanakan oleh setiap individu. Kerajaan persekutuan yang baru akan terbentuk dengan adanya kesedaran rakyat terhadap isu-isu semasa dan menggunakan sebatang pen sahaja untuk menumbangkan kerajaan yang sedia ada iaitu melalui pilihan raya akan datang.

Sebagaimana perubahan di seluruh dunia dimulai dengan perubahan-perubahan kecil, sikap rakyat biasa dan tindakan-tindakan berani secara sembunyi-sembunyi, begitu juga sifatnya perubahan di negara kita. Usaha keras para pengundi terutamanya anak-anak muda memungkinkan perubahan itu mengakar luas dan membuahkan hasil. Justeru kini kita berada di persimpangan. Apakah kita mahu terus leka dan alpa tanpa langkah diorak, atau memperkemas usaha mengatur pencak? Harapan rakyat bukan mainan, harapan rakyat bukan gadaian. Harapan rakyat satu azimat, harapan rakyat menyerlahkan tekad. Ayuh generasi muda! Kita pupuk jiwa merdeka, kita pugar semangat juang nusa, kita pimpin harapan rakyat. Ingat! kuasa rakyat kepada rakyat.




# KELANTAN Serambi Emas Buat Saudagar

**Penulis & Penyusun** *A. Ubaidillah bin Alias*

Media perdana tidak pernah jemu memutarkan cerita retoriknya bahawa Kelantan negeri termiskin. Mereka sentiasa berusaha mengaburi persepsi orang luar tentang realiti di Kelantan. Wujud segolongan menteri di Jabatan Perdana Menteri suka berpidato dengan hujah rapuh bahawa Kelantan negeri yang tercorot dalam segenap hal sama ada pembangunan infrastruktur, tahap kewangan dan isu sosial. Inilah sentimen yang sengaja diwujudkan oleh pemain politik 'double standard' tanpa merujuk kepada bukti yang nyata.

Kebanyakan warga luar Kelantan yang menjadi pengikut setia media perdana akan terkejut apabila mereka berziarah ke bumi Serambi Mekah. Sebaik melihat bangunan yang sudah dan sedang dibina, memandang kedai-kedai yang bersesak dengan pelanggan, mendapati hotel-hotel yang dipenuhi pengunjung, persepsi mereka akan berubah serta-merta. Kenapa? Kerana apa yang digambarkan oleh media perdana amat jauh dari wajah sebenar senario Kelantan. Inilah nasib negeri Cik Siti Wan Kembang, sudahlah dikatakan miskin kemudian direka pula cerita buruk yang bukan-bukan. Ibarat sudah jatuh ditimpa tangga.

Apabila sesuatu perkara baik tentang Kelantan dizahirkan melalui fakta yang sahih, maka ada pihak yang menolak secara membuta-tuli tanpa hujah. Bahkan pihak **ini cuba menafikan fakta yang** jelas dikeluarkan oleh jabatan **rasmi kerajaan. Usah dinafikan** bahawa Kelantan antara kerajaan yang mentadbir ekonomi dengan cemerlang sebagaimana yang dibuktikan oleh pihak Audit Negara. Disebabkan pengurusan yang telus ini, ekonomi dan perniagaan di Kelantan berkembang dengan maju setelah lebih 22 tahun ditadbir oleh kepimpinan ulama.

## Pengurusan Kewangan Agensi Kerajaan Terbaik Di Kelantan

Sudah terang lagi bersuluh bahawa Kelantan mampu mengurus kewangan dengan cemerlang. Ini terbukti apabila Jabatan Audit Negara mengiktiraf kebijaksanaan Kelantan mengurus kewangannya dan dianggap sebagai terbaik bagi tahun 2011. Empat agensi kerajaan negeri iaitu Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK), Majlis Daerah Gua Musang, Perbadanan Stadium dan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) diiktiraf sebagai yang paling baik.

Mengikut laporan Ketua Audit Negara, beberapa kategori iaitu kumpulan wang yang disatukan meningkat sebanyak RM51.07 juta atau 52% iaitu kepada RM148.3 juta tahun 2010 berbanding RM97.23 juta pada 2009. Katanya, bagi wang tunai pada 2010 juga meningkat berbanding tahun 2009 iaitu kepada RM131.97 juta berbanding dari RM79.60 juta. Peningkatan ini adalah




sebanyak RM53.37 juta atau 65.8 peratus. Malah 15 agensi kerajaan negeri lain juga diakui berprestasi baik oleh Jabatan Audit Negara.

Sebanyak 18 penyata akaun agensi negeri telah diserahkan kepada jabatan itu dan diakui cemerlang oleh jabatan tersebut. Hal ini diakui oleh Dato' Haji Husam Musa selaku Pengerusi Jawatankuasa Perancangan Ekonomi, Kewangan dan Kebajikan.

Menurut beliau lagi, kewangan negeri Kelantan juga mengalami peningkatan prestasi sebanyak 2.2% berbanding tahun 2009. Katanya, **defisit kewangan tahun 2009 ialah** sebanyak RM19.46 juta berbanding tahun 2010 hanya RM 3.46 juta. Hasil negeri juga meningkat kepada RM379.64 juta pada tahun lalu berbanding RM334.81 juta tahun 2009 iaitu peningkatan sebanyak RM44.83 juta atau 13.4%.

Ini menunjukkan bahawa kecemerlangan pengurusan kewangan di Kelantan diiktiraf oleh pihak Audit Negara yang merupakan satu entiti yang diakui integritinya. Walaupun begitu, kita boleh menilai pula perkembangan ekonomi yang sedang berlaku di dalam negeri Kelantan.

### Pelancongan Berkembang kerana Kekuatan Bayaran Tunai Rakyat Kelantan

Satu laporan bertarikh 14 April yang dikeluarkan oleh Bernama menjelaskan bahawa Syarikat Al-Quds Travel selaku sebuah agensi pelancongan semakin kukuh disebabkan sikap rakyat Kelantan yang gemar berbelanja dan membuat pembayaran secara tunai. Dalam erti kata yang lain, majoriti rakyat Kelantan tidak berhutang atau membuat ansuran bagi membayar sesuatu perkhidmatan. Faktor tersebut adalah faktor utama yang menjadikan Al-Quds Travel Sdn Bhd terus maju dan mampu berdiri kukuh dengan menyaksikan peningkatan pendapatan setiap tahun.

Pengarah Urusan Al-Quds Travel Sdn Bhd, Wan Mohd Zamri Wan Salleh berkata sikap rakyat Kelantan itu disifatkan satu keistimewaan yang secara tidak langsung telah membantu mengukuhkan kewangan dan pendapatan syarikat berkenaan. Sehingga kini, sejak sepuluh tahun penubuhan syarikat ini bermula tahun 2000, Al-Quds belum pernah mengalami masalah kekurangan pendapatan dan mencatatkan peningkatan membabitkan pelbagai jualan pakej pelancongan ditawarkan sesuai dengan kehendak pelanggan.

"Bermula dengan pendapatan se-banyak RM1 juta pada tahun 2000, Al-Quds pada tahun 2011 memperolehi pendapatan RM17 juta dan yang uniknya pendapatan itu disumbangkan 100% oleh rakyat Kelantan," katanya kepada pemberita.

Sikap rakyat Kelantan yang gemar berbelanja secara tunai meskipun dalam jumlah yang besar juga mendorong syarikat tersebut mencatatkan keuntungan setiap tahun. Malah ada yang pernah membayar tunai RM50,000 sekaligus. Itulah sikap dan keistimewaan rakyat Kelantan menyebabkan kita di Kelantan boleh berjaya kerana mereka mempunyai kuasa berbelanja yang hebat.

Rakyat Kelantan kerap menunaikan umrah dan pada suku pertama tahun lalu juga Al-Quds Travel telah menghantar kira-kira 600 orang menunaikan umrah di Tanah Suci Mekah. Dalam tempoh yang sama juga, lebih 400 orang rakyat Kelantan lagi telah ke negara China selain



destinasi pilihan lain di seluruh dunia termasuklah negara Eropah dan juga Jepun.

Sementara itu, Datuk Tengku Azmil Zahruddin berkata, jalinan kerjasama di antara MAS sebagai ejen yang dilantik oleh syarikat Al-Quds Travel Sdn Bhd merupakan satu usaha untuk memajukan bidang pelancongan di Kelantan dan Kota Bharu khususnya. Menurutnya, pengalaman Al-Quds Travel yang telah berfungsi sebagai ejen pelancongan selama hampir sepuluh tahun menjadikan pihaknya yakin untuk bekerjasama dan memberikan keistimewaan kepada pelanggan syarikat itu.

Al-Quds Travel Sdn Bhd ditubuhkan pada tahun 2000 dengan tumpuan awal membabitkan pakej umrah dan sehingga kini mempunyai cawangan di Kuala Lumpur, Kuching (Sarawak), Kota Kinabalu (Sabah) dan Kuantan (Pahang). Selain menyediakan kemudahan pelancongan, Al-Quds Travel turut menyediakan kemudahan penginapan iaitu Al-Quds Hotel & Resort yang kini sudah beroperasi di Wisma Al-Quds.

## Saudagar Emas Mengiktiraf Kuasa Beli Rakyat Kelantan

Disebabkan sambutan hangat masyarakat Kelantan terhadap emas juga mendorong syarikat tersohor yang merupakan saudagar emas di rantau ini, Habib Jewels Sdn Bhd membuka cawangan ke-22 di negeri ini. Pengurus cawangannya iaitu Rosmayati Harun menjelaskan ketika pembukaan cawangan itu pada 14 Oktober 2010, kadar jualan melebihi RM200,000 dengan jumlah pelanggan melebihi 500 orang. Ini adalah fakta!

Beliau menjelaskan bahawa walaupun sudah lebih 50 tahun syarikat ini bermula di Pulau Pinang, namun kebanyakan ejennya adalah dari Kelantan. Untuk itu, inisiatif pembukaan cawangan ini adalah sebagai penghargaan kepada mereka yang gemarkan koleksi Habib yang sentiasa mengikut aliran terkini.

Perkara ini turut diakui oleh pemilik Dyana Jewels, Datuk Suhaimi Hashim yang berpengalaman lebih 12 tahun di bidang berkaitan, dengan meneruskan legasi perniagaan ibunya di Kuala Terengganu dan kini memiliki beberapa cawangan di Kuala Lumpur. Beliau menegaskan bahawa pembelian emas sebagai pelaburan sudah lama menjadi amalan wanita di Pantai Timur, terutama di Kelantan.

Pengurus Besar Habib Jewels Holding, Abdul Razak Abdul Kader berkata, setelah setahun pihaknya membuat kajian berhubung perkara itu, akhirnya pada tahun 2010 sebuah hotel Habib Jewel yang bercirikan 'butik' itu mula beroperasi di Kelantan. Beliau menyatakan, **"kami sebagai orang bisnes sanggup melabur di negeri Kelantan dalam aset yang lain pula. Bangunan ini telah dibeli daripada Majlis Perbandaran Kota Bharu-Bandaraya Islam (MPKB-BRI) sejak tiga tahun lalu kerana kami yakin ia berpotensi. Kami telah membelanjakan sebanyak RM8 juta untuk membeli dan menaiktaraf bangunan tersebut untuk dijadikan hotel dan juga untuk cawangan baru Habib Jewels," katanya.**

## Pasar Raya Di Kelantan Mendapat Jualan Tertinggi Di Malaysia

Salah sebuah pasar raya yang wujud di Kelantan ialah pasar raya TESCO. Mereka mula bertapak di Malaysia menerusi penubuhan TESCO Store Malaysia Berhad pada 2001 melalui pakatan strategik SIME DARBY Berhad. Kini ia mempunyai lebih 20 cawangan di seluruh Malaysia. TESCO pernah mempunyai cawangan mini di Kuantan tetapi ditutup akibat masalah ekonomi setempat. Disebabkan masyarakat setempat di Kuantan tidak mampu memanfaatkan kewujudannya, kini TESCO memilih Kota Bharu, Kelantan sebagai tapak yang strategik.

Penutupan TESCO mini di Kuantan adalah satu gambaran krisis ekonomi masyarakat setempat. Adakah nasib TESCO di Kelantan juga sama? Ternyata, pembukaan TESCO adalah luar biasa sambutannya. Pada hari pertama TESCO dibuka, ia menerima 15,000 pengunjung. Kebanyakan barangan segar dan roti habis dijual. Setiap hari minggu TESCO Kota Bharu memungut lebih RM1 juta sehari.

Catatan cemerlang hasil jualan menjadikan TESCO bercadang untuk menambah cawangan di Kelantan.




85% pelanggan TESCO Kota Bharu membuat pembayaran dalam bentuk tunai yang merupakan peratusan pungutan tunai tertinggi di Malaysia. Selama 18 tahun Kelantan berjaya bertahan menjadi negeri yang paling unik di Malaysia dengan keberanian rakyatnya menolak pemerintahan yang bersifat menindas.

TESCO menerusi rangkaian antarabangsa membantu usahawan-usahawan industri kecil dan sederhana memasarkan produk mereka. 90% produk jualan TESCO adalah produk tempatan. Ia membuka pasaran baru kepada penternak lembu, kambing dan ikan, penanaman sayur serta buah-buahan tempatan. Keperluan TESCO terhadap produk makanan segar tempatan adalah amat besar. Pasaran TESCO memfokuskan kepada pembelian penggunaan bulanan, manakala kedai runcit untuk kegunaan harian. Maka persaingan kuat tidak berlaku.

**Paling menakjubkan, TESCO Kota Bharu merupakan TESCO pertama di dunia yang ditutup pada waktu Sembahyang Jumaat. Ia juga merupakan TESCO yang pertama di dunia tidak menjual minuman keras, arak ataupun produk segar yang tidak halal. Di situ juga terdapat tempat solat yang cukup selesa kepada para muslim. Ia merupakan TESCO pertama di dunia menggunakan tulisan jawi sebagai sebahagian jenamanya. Iaitu gabungan "Ta, ya, sin, kaf dan wau" menjadi maksud TESCO. Hal ini, tidak berlaku di kebanyakan negeri lain di Malaysia.**

## Kelantan Serambi Emas

Ekonomi Kelantan semakin makmur dan kemiskinan berjaya dikurangkan. Usahawan yang datang ke sini ibarat berkunjung ke serambi emas. Ini disebabkan faktor pengurusan kerajaan yang telus serta digabungkan pula sifat dinamik rakyatnya yang bijaksana dalam membina kekayaan. Kejujuran pemerintah Kelantan membantu melicinkan pentadbiran sehingga taraf hidup penduduk dan pembayaran hutang negeri jauh lebih baik. Iaitu Kelantan menduduki tempat kedua dalam "Kadar Hutang Negeri Terendah". Pelabur antarabangsa kini memilih Kelantan sebagai destinasi mereka.

Namun, realiti mengenai pembangunan ekonomi Kelantan banyak disekat, dikawal ketat serta diputarbelit oleh pihak tertentu. Maka ramai orang di luar sana tidak sedar terhadap pencapaian Kelantan yang cemerlang. Jika dibandingkan Kelantan dengan Kuala Lumpur, sudah tentu pusat bandar akan lebih maju dan pesat. Tapi apa gunanya maju sedangkan kos taraf hidup, cukai dan harga barang semuanya tinggi? Rakyat yang tidak berdosa terpaksa membayar lebih semata-mata untuk membayar kerugian akibat amalan rasuah pemimpin yang berleluasa.

Kelantan adalah negeri bertuah kerana mampu mencipta rekod cemerlang dalam masa yang singkat iaitu sekitar 20 tahun. Agensi pelancongan sentiasa berganda keuntungan, bilangan pengunjung dari seluruh Malaysia semakin ramai yang berziarah ke Kelantan. Pasar raya di Kelantan mencatat keuntungan tertinggi berbanding pasar raya lain di seluruh Malaysia. Maka, sudah terang lagi bersuluh bahawa Kelantan adalah 'Serambi Emas' buat mana-mana peniaga luar disebabkan kemampuan pemimpinnya membangunkan rakyat dengan dasar keadilan Islam dan penuh berkebajikan.





# APLIKASI EKONOMI ISLAM DI KELANTAN

***Susunan*** *Borhanuddin Haji Ahmad, Pegawai Khas Exco*




Dasar Membangun Bersama Islam yang dipilih oleh pimpinan ulama Kerajaan Negeri Kelantan semenjak 21 Oktober 1990 lalu, meletakkan asas yang kukuh iaitu ingin bersama seluruh rakyat jelatanya berganding bahu ke satu tahap pembangunan ekonomi dan pembangunan manusia yang seimbang. Kemuncak kebahagiannya ialah al-falah iaitu kejayaan di dunia dan kebahagiaan yang kekal abadi di akhirat. Setiap bicara pimpinannya tidak pernah sunyi dari pertimbangan dosa dan pahala serta syurga dan neraka dalam aplikasi kegiatan ekonomi.

## PENGURUSAN KEWANGAN PATUHI SYARIAH

Kelantan merupakan salah satu negeri yang memastikan pembiayaan untuk projek pembangunan bersumberkan kewangan Islam yang bebas daripada amalan riba, gharar










dan perjudian. Sumber-sumber utama pembiayaan pembangunan termasuklah tabung, bantuan dan pinjaman dari negara luar yang juga berdasarkan prinsip-prinsip muamalat Islam. Sejarah merakamkan Kelantan adalah negeri pertama yang telah memindahkan seluruh kewangannya ke perbankan Islam iaitu Bank Islam yang ada pada tahun 1990 menyebabkan kesedaran perbankan Islam dikebanyakan bank-bank utama di negara ini menjadi lebih tinggi.

Aktiviti-aktiviti yang berunsur judi dan minuman keras tidak dibenarkan sama sekali melainkan para peniaga bukan Islam untuk pengguna bukan Islam dibenarkan di mana lesen dikeluarkan dengan syarat-syarat yang menjamin kestabilan masyarakat pelbagai kaum di Kelantan. Keharmonian ini dapat diselesaikan melalui pelbagai rundingan dan seminar Islam tanpa mengira latar belakang agama dan kaum.

Kerajaan negeri sentiasa mesra dengan pelbagai pihak dan agensi untuk membangunkan ekonomi negeri selagi mana tidak bercanggah dengan syari'ah. Islam menyarankan konsep kerjasama adalah untuk kehidupan bukan individu. Pendekatan ini adalah bersifat multi-dimensional yang akan menghasilkan natijah yang positif kepada kegiatan pembangunan ekonomi negeri ini dan kebajikan demi kesejahteraan masyarakat.

## PERBELANJAAN BERHEMAT

Aplikasi pelaksanaan pengurusan ekonomi secara Islam dapat dirasai apabila merujuk kepada ucapan Belanjawan Tahun 2013 oleh Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat. Pengurusan ekonomi ini jelas mementingkan perkara yang utama didahulukan dan yang kemudian dikemudiankan. Tema Bajet Berkebajikan jelas menggambarkan betapa hematnya perbelanjaan kerajaan negeri dengan mengutamakan kebajikan-kebajikan rakyat dan pengagihan kekayaan secara adil. Teras tumpuan perbelanjaan adalah sebagaimana berikut :

1. Merancakkan pembangunan ekonomi untuk semua rakyat
2. Memperkasa pembangunan insan berteraskan Islam
3. Pembelaan golongan da'if dan miskin, orang kurang upaya, anak yatim, armalah dan warga emas
4. Mengukuhkan keupayaan institusi dan badan pelaksana bagi mencapai maksud dan tujuan.

Belanjawan wasatiyyah yang mengutamakan keberkatan ini cuba menekankan dasar perbelanjaan berhemat. Ia perlu diteruskan agar setiap perbelanjaan mengikut keperluan dan keutamaan sebenar demi memberi manfaat optimum kepada rakyat. Setiap projek yang bakal dilaksanakan dinilai dengan terperinci bagi mengelakkan ketirisan perbelanjaan.

## ISLAM TERAS APLIKASI DALAM EKONOMI

Konsep pembangunan ekonomi di Kelantan berbeza dengan pendekatan ekonomi di Barat dan negeri-negeri lain. Pembangunan ekonomi Islam yang ditekankan disini adalah bersifat material dan spriritual, merangkumi pembangunan manusia itu sendiri, pembangunan sosial, kebudayaan dan sebagainya. Dengan lain perkataan, impak kepada pembangunan ekonomi dalam Islam di Kelantan adalah syumul, merata dan bermatlamatkan al-falah untuk pembinaan ummah yang bertamadun.



Restoran Terapung 'Cruise' Sungai Kelantan di Lembah Sireh











Fokus dan inti utama pembangunan dalam Islam ialah pembangunan manusia itu sendiri termasuk **persekitaran fizikal serta sosial** budayanya. Ini bererti Islam menganggap diri manusia itu sendiri adalah modal yang paling utama untuk dibangunkan termasuklah **faktor fizikal modal, buruh organisasi,** pelajaran dan kebolehan, faktor-faktor kemanusiaan seperti sikap, insentif, rasa dan aspirasi juga menjadi angkubah yang akan meluaskan lagi spektrum pembangunan ekonomi Islam. Bezanya, pendekatan ekonomi Barat menekankan pembangunan **kebendaan dan persekitaran fizikal** semata-mata.

Selain sifat pembangunan Islam yang bersifat multi-dimensional (pelbagai dimensi) iaitu pembangunan seimbang, Kelantan juga menekankan prinsip dinamik dalam kehidupan sosial Islam dengan memberi penekanan yang optimum terhadap dua perkara ;

1. Penggunaan sumber-sumber yang dikurniakan oleh Allah dan **persekitaran fizikal.**
2. Penggunaan serta pengagihan sumber-sumber tadi secara adil dan menggalakkan perhubungan manusia atas dasar hak dan keadilan.

Kerajaan Negeri Kelantan juga mengangkat martabat masyarakatnya supaya menyatakan kesyukuran dengan menggalakkan seluruh rakyatnya bersyukur (berterima kasih kepada Allah SWT kerana mengurniakan rahmat-Nya), dan adil serta mengutuk kehinaan kufr **(menafikah Allah SWT dan rahmat-**Nya) serta dzulm (zalim).

Negeri yang ditadbir urus oleh kepimpinan ulama ini amat menyedari bahawa pelaksanaan ekonomi mestilah berasaskan kepada falsafah tauhid, rububiyyah, khilafah dan tazkiyyah.

## KESEIMBANGAN MATERIAL DAN SPIRITUAL

Kelantan menyedari pembangunan bukan matlamat tunggal yang ingin dicapai, tetapi ia merupakan wasilah memperkasakan manusia selaku khalifah Allah SWT di muka bumi ini. Untuk mencapai matlamat dan objektif pembangunan ekonomi berteraskan Islam, maka strategi yang diambil juga harus berteraskan Islam. Strategi yang diambil oleh Kelantan ialah sentiasa menekankan kepatuhan syariah dalam setiap tindakan. Menjadi kelaziman setiap projek pembangunan yang dilaksanakan dimulakan dengan solat hajat oleh Menteri Besar sendiri bagi memohon keberkatan buat negeri dan seluruh rakyatnya.

Pendekatan pembangunan insan dalam kerangka Islam adalah menitikberatkan pencapaian kekuatan **fizikal dan rohani serta keunggulan** kekuatan dalaman. Benteng utuh masyarakat dibina dengan pelbagai program di Kelantan. Kerajaan negeri sangat serius dalam menjana

keutuhan ini dengan pelbagai langkah yang diambil seperti;

1. **Menubuhkan Maahad Tahfiz Al-Quran dan Tahfiz** Sains bagi melahirkan generasi al-Quran yang seimbang dunia dan akhirat.
2. Menubuhkan Pusat Pembangunan Pondok Berhad bagi mengawal selia 16 buah pondok di Kelantan.
3. Mewujudkan Kelas Aliran Sains Tulen di Sekolah Maahad Muhammadi Lelaki dan Perempuan.
4. Penubuhan Tadika Tengku Anis Pasir Mas yang menekankan pendidikan Islam seawal usia kanak-kanak.
5. Menubuhkan Bahagian Dakwah Halaqat untuk menyuburkan ilmu pengetahuan dihampir 2000 buah surau dan 569 buah masjid di Kelantan.
6. Menubuhkan Baitul Taubah untuk meningkatkan kesejahteraan, kesihatan dan mutu kehidupan penagih dadah.

Usaha-usaha ini adalah di antara yang dilaksanakan demi mengukuhkan kekuatan dalaman masyarakat secara berterusan bagi memastikan pembangunan insan yang seimbang. Selain itu kerajaan negeri juga menitikberatkan keperluan asas rakyat dengan melaksanakan projek-projek mengikut fasa pembangunan. Antaranya adalah;

1. Projek Pembangunan dan pengindahan Sungai di Jajahan Kota Bharu dan Tumpat
2. Projek Pembangunan Bercampur Bandar Sri Sabak (Airport City)
3. Projek Pembangunan Bandar Satelit, Pasir Tumboh
4. Projek Pembangunan Pasar Awan Bersepadu Wakaf Che Yeh
5. Projek Jalan Persekutuan Laluan 8 dan 9 "Central Spine Road"
6. Pembinaan Jalan Pesisir pantai Kelantan dan Pengkalan Kubor, Tumpat hingga ke sempadan Kelantan /Terengganu.
7. Pembinaan Jalan Kota Bharu dan Kuala Krai.
8. Perancangan Pembinaan Jalan Tebing Barat (West Bank Road)
9. Projek Lebuh Raya Timur Barat (Fasa 3)
10. Projek Pembinaan Jambatan Pengkalan Kubor-Tak Bai
11. Projek Pembinaan Jambatan Kedua Rantau Panjang-Sungai Golok
12. Bandar Baru Tunjong

## KEBERKATAN NEGERI

Firman Allah SWT: "Katakanlah sesungguhnya Tuhanku melapangkan rezeki bagi siapa yang dikehendaki-Nya di antara hamba-hamba-Nya dan menyempitkan bagi (siapa yang dikehendaki-Nya). Dan barang apa saja yang kamu nafkahkan, maka Allah akan menggantinya dan Dia-lah pemberi rezeki yang sebaik-baiknya." (Surah Saba', ayat 39)

Apabila kepimpinan negeri sentiasa mengutamakan keberkatan dalam melaksanakan pengurusan, rezeki semakin luas dan bertambah. Beberapa pencapaian yang dapat disaksikan dalam kajian-kajian dan catatan-catatan seperti berikut:

1. Pertumbuhan positif ekonomi negeri yang didorong oleh pertambahan aktiviti ekonomi seperti kewujudan pusat beli-belah, syarikat-syarikat swasta serta perniagaan baru, pertumbuhan IKS di kawasan desa disamping program peningkatan kerjaya telah memberi impak positif khususnya kadar pengangguran (telah berlaku pengucupan pada tahun 2009 sebanyak 0.56% berbanding tahun sebelumnya).

2. Pengurusan yang bersih dan tidak ada pimpinan politik yang disabitkan dengan rasuah semenjak tahun 1990.

3. Peningkatan pelancong yang berkunjung ke Kelantan dengan ketibaan 4,803,041 pada tahun 2009 dan meningkat kepada 5,388,034 pada tahun 2010.

4. Pada tahun 2012, LTSIP mencatatkan jumlah pengendalian penumpang seramai 1,259,205 atau 1.3 juta penumpang berbanding kapasitinya 1.4 juta penumpang setahun. Ia meningkat sebanyak 126,860 orang penumpang atau 11.2% berbanding pada tahun sebelumnya yang berjumlah 1,132,345 (1.1 juta) penumpang. Antara faktor yang menyumbang kepada peningkatan ketara jumlah pengendalian penumpang dari tahun ke tahun ini adalah peningkatan kekerapan penerbangan terutamanya oleh **AirAsia bagi laluan Kuala Lumpur - Kota Bharu dan Firefly** bagi laluan Subang - Kota Bharu. Dalam masa yang sama, **Firefly juga meningkatkan kekerapan penerbangan bagi** laluan Kota Bharu - Pulau Pinang dari tiga kali seminggu kepada tujuh kali seminggu mulai 10 Ogos 2012. Pada 26 **April 2012, Firefly memperkenalkan laluan baharu yang** menghubungkan Kota Bharu - Johor Bahru. Dalam pada **itu, mulai 10 Ogos 2012 Firefly memperkenalkan laluan** antarabangsa Kota Bharu - Singapura dengan kekerapan empat kali seminggu, iaitu setiap hari Ahad, Isnin, Rabu, dan Jumaat serta penerbangan ke Pelantar minyak (Oil Rigs) di Laut China Selatan.


Rujukan:

*i. Al-Quran*
*ii. Data Asas Kelantan Darul Naim 2010/2011, Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan*
*iii. Kelantan Membangun Bersama Islam-100 Perubahan Menerajui Perubahan, Risalah UPKN 2011*
*iv. Ucapan Belanjawan Tahun 2013 Bagi Tempoh Penggal Yang Kelima Dewan Undangan Negeri Kelantan Yang Keduabelas, Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat.*
*v. Ekonomi Islam dan Pembangunan Ekonomi Kelantan, Md Yusof, Azizah, Anuar (2010) International seminar, Economic Religion Development, Law and Governance in Malaysia and Indonesia, 7-9 June 2010, Universitas Islam Riau Indonesia, pp 1-17.*
*vi. Pengenalan Ekonomi Islam, Laman Web Dewan Ulamak PAS Pusat*
*vii. Pemikiran dan Pembangunan Ekonomi Berteraskan Islam, Joni Tamkin Bin Borhan, Journal Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya*

# Tanjung Demong Beach Resort

*Diuruskan oleh: TanjungDemongBeach Sdn Bhd (57739-W)*

Lot 25, Tanjong Demong,
Jln Bukit Keluang,
22200 Besut,
Terengganu



**BILIK PENGINAPAN**

| KATEGORI BILIK | HARGA (1 MALAM) |
|---|---|
| DELUXE TWIN (2 Single Bed) | RM 100.00 |
| SUPER DELUXE TWIN (2 Single Bed) | RM 140.00 |
| DELUXE TRIPLE (3 Single Bed) | RM 130.00 |
| DELUXE FAMILY (1 Single Bed & 1 Double Bed) | RM 130.00 |
| SUPER DELUXE FAMILY (1 Single Bed & 1 Double Bed) | RM 160.00 |
| DEMONG SUITE (1 Single Bed & 1 Double Bed) | RM 360.00 |





*Kemudahan di bilik:*
- Bilik penginapan berhawa dingin dan dilengkapi dengan sistem mandian sejuk & panas
- Pemanas air termasuk bekalan kopi, teh, gula & krimer
- Televisyen LCD 32' untuk bilik Super Deluxe Twin dan Super Deluxe Family
- Telefon untuk panggilan LOC, STD, IDD

Antara pakej yang ditawarkan ialah:
- Pakej Kursus tanpa Penginapan
- Pakej Kursus dengan Penginapan
- Pakej Hari Keluarga
- Kemudahan Dewan

Tel: 09-6955500 Fax: 09-6955501 H/P: 019-454 3500 | Email: demongresort@dbr.com.my | Website: http://dbr.com.my | FB: Tanjung Demong Beach Resort

# yaskin

KPL/LN : 2259 (169926-W)

cuti-cuti 1MALAYSIA

malaysia AIRLINES

firefly



**BAS PERSIARAN**

Untuk Pakej Dan Lawatan Dalam Negeri Dan Semenanjung Malaysia

## PAKEJ UMRAH 1434H/2013



UMRAH SOLAH MASJID AQSA 22 Mei - 03 Jun

UMRAH AWAL/ AKHIR RAMADHAN

UMRAH LAWAT AMMAN 22 Mac - 05 Jun

**MUSLIM TOUR**

UMRAH LAWAT CAIRO • UMRAH LAWAT BANGKOK • JAKARTA BANDUNG • SURABAYA • BEIJING

**HANYA DARI RM5290 - RM6990**

UMRAH SEBULAN RAMADHAN • UMRAH LAWAT SINGAPURA UMRAH FEB-JUN HO CHI MINH • PATTANI • DAN LAIN-LAIN

**Untuk Maklumat Lanjut :**

**YASKIN KOTA BHARU - HQ**
Tel : 609 - 744 3136
609 - 741 2650/51/52/53
Faks : 609 - 748 6585

**Cawangan YASKIN :**
**Ampang** - 603 - 9200 1623 **Terengganu** - 609 - 631 7900
**Kuantan** - 609 - 573 0261 **Kuching** - 082 - 241 377

Website : www.yaskin.com.my Email : yaskintravel@gmail.com

# ENGLISH CLASS

## For School Leavers

**Duration: 2 MONTHS**

**Morning/Evening Class**

Day : Sun - Wed
Time 9.00am - 11.00am
11.00am - 1.00pm
2.00pm - 4.00pm

**Night Class**

Day : Sun & Wed
Time : 8.00pm -10.00pm

**CALL NOW!! 09-7474 233/231**

✓ Speaking ✓ Reading
✓ Listening ✓ Writing

• Certificate From United Kingdom www.dian.edu.my

**Sekolah Perdagangan Dian**

Address: 4262-S, Tingkat 2, Jalan Kebun Sultan, 15350 Kota Bharu, Kelantan. HP: 013-920 9338



# ULAMA NUSANTARA
# Yang Kontroversi

## Mufti Haji Wan Musa Haji Abdul Samad (1875-1939)

***Susunan oleh*** *Rossem*




Kelantan, antara negeri-negeri di semenanjung yang paling ramai melahirkan ulama sejak dahulu hingga sekarang sehingga Kelantan diberi gelaran Negeri Serambi Mekah, Negeri Tadahan Wahyu dan pelbagai nama lagi yang sinonim dengan banyaknya aktiviti keagamaan dijalankan rakyat negeri itu sejak zaman-berzaman.

Sejumlah puluhan ulama terkenal itu antaranya ialah Haji Wan Musa bin Haji Abdul Samad. Beliau juga seorang ahli tasawuf yang terkenal dengan pendirian tegas dan merupakan Mufti Negeri Kelantan yang ketiga (1909-1916).

Beliau dilahirkan di Lorong Tok Semian, Kota Bharu pada tahun 1875. Semasa mudanya, beliau menuntut di Mekah dan berguru dengan guru-guru yang terkenal. Di antaranya ialah Syeikh Hasbullah, Syeikh Wan Ahmad bin Mohammad Zin al-Fathoni, Syeikh Muhammad bin Ahmad Andan Andrawian dan tokoh-tokoh lain juga. Beliau banyak menelaah kitab serta mengikuti perkembangan siasah dunia dengan membaca akhbar/majalah dalam dan luar negeri seperti al-Imam (1906), al-Ikhwan (1926), al-Munar al-Urwah al-Wusqa, malah pernah berutus surat dengan Maulana Ubaidillah al-Sanadi (guru anaknya di Mekah) dan Syeikh Muhammad Rashid Ridha (Mesir).

Beliau minat membaca terutama kitab-kitab karangan golongan reformis Islam. Perkembangan politik dunia Islam juga menarik perhatian beliau. Maklumat-maklumat semasa selalunya diperolehi melalui majalah-majalah terkemuka di dalam dan di luar negeri seperti al-Manar, al-Urwah al-Wuthqa, al-Imam dan lain-lain.

Ayahnya, Haji Abdul Samad bin Mohd Saleh al-Kalatani, lebih masyhur dengan gelaran Tuan Tabal tergolong dalam ulama dan pengarang yang banyak menulis kitab-kitab jawi antaranya Minhat al-Qarib (1883).

Haji Wan Musa merupakan rakan seperguruan Tok Kenali, beliau sering mengeluarkan pendapat yang agak berbeza dengan ulama lain ketika itu sehingga menimbulkan kontroversi. Namun, beliau terpilih dan ditawarkan jawatan Mufti Kerajaan Kelantan yang ke-3 selepas pengunduran Mufti Haji Wan Ishak pada 19 Januari 1909. Mesyuarat pada 19 Januari 1909 yang dipengerusikan olah Sultan Muhammad sendiri memutuskan untuk melantik Haji Wan Musa sebagai Mufti kerajaan tetapi watikah pelantikannya diserahkan enam bulan kemudian bertarikh 27 Julai 1909 selepas pengesahan jawatan.

Antara langkah awalnya ialah mengeluarkan fatwa tentang masalah lafaz asli, muqaranah takbiratul ihram serta kaifiatnya. Bersumberkan karangan Tengku Mahmud Zuhdi bin Tengku Abdul Rahman Al-Fatoni, fatwa radikal tersebut dikeluarkan pada tahun 1327 Hijrah. Bagaimanapun ia mendapat bangkangan hebat daripada pemimpin-pemimpin kaum tua.

Pendiriannya yang tegas dan pandangan islah atau pembaharuannya banyak bertelagah dengan fahaman tokoh-tokoh kaum tua, dengan alim ulama yang menguasai Majlis Agama Islam (bantah bina Masjid Kota Bharu dengan harta zakat fitrah), dengan tokoh-tokoh kaum tua yang sulit menerima pembaharuan (persoalan muqaranah sembahyang, kenduri kahwin, talqin dan lain-lain), dengan Haji Ismail Kemuning (mengenai telekung sembahyang), dengan Sheikh Muhammad Al-Azhari (tentang pemindahan/jualan harta wakaf), dengan Sultan Muhammad IV (kes harta pusaka), dan pada dekad 30-an pula dengan Mufti Haji Ibrahim serta para penyokongnya (bersabit dengan talfiq mazhab, khususnya masalah jilatan anjing).

Di luar Kelantan pula, beliau pernah berpolemik dengan Tengku Mahmud Zuhdi al-Fatani, penulis Tazkiyat al-Anzar (1920) yang menghujah balas pendapat Haji Wan Musa. Antara persoalan kontroversi yang berbangkit adalah berhubung dengan pendapat beliau iaitu isu membina masjid dengan harta zakat fitrah, hal muqaranah solat, talqin, kain telekung solat, talfiq mazhab, pemindahan harta wakaf/pusaka dan perbahasan jilatan anjing.

Namun, beliau tetap memegang teguh dengan pendiriannya dan keyakinan diri sedemikian membawa kepada perletakan jawatan pada akhir bulan Jun 1916. Beliau kemudian berulang-alik ke Terengganu di mana Menteri Besar, Dato' Haji Ngah Muhammad bin Yusuf memberi layanan baik kepadanya. Selepas kemangkatan Sultan Muhammad IV (akhir 1920-an), barulah beliau kembali menetap di Kelantan lalu mengajar di suraunya sendiri di Jalan Merbau, Kota Bharu.

Beliau kemudianya membuka kelas pengajian di madrasahnya Jalan Merbau, Kota Bharu. Ajarannya tidak menekan kepada jurusan usuluddin, fiqh, tasawuf semata-mata malah merangkumi falsafah, mantik tarikh/sejarah dan lain-lain. Di bawah bimbingan tokoh-tokoh ulama progresif ini, maka lahirlah satu angkatan ulama berpengaruh seperti Haji Sa'ad Kangkong, Haji Ya'kub Lorong Gajah Mati, Haji Ahmad Mahir, Maulana Abdullah Nuh Pasir Puteh, Haji Ayub Kemboja, Haji Abdul Manan Sumatera, Haji Abdul Wahid Melaka, Haji Muhammad Zain Kedah/Meranti, Haji Abdul Rahman Lubuk Jambu, Haji Nik Mat Alim Pulau Melaka (ayahanda kepada Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz – Menteri Besar Kelantan), Haji Nik Daud Tanah Merah, Haji Nik Soh Langgar, Haji Wan Abdul Rahman Seribong, Haji Ismail Lundang Paku serta lima orang puteranya sendiri yang juga alim ulama yang disegani, iaitu Haji Nik Abdullah, Haji Nik Mat Nazir, Haji Nik Mahmud, Haji Nik Muhammad Soleh, dan Haji Nik Muhammad Mahyuddin (Melaka) dan Haji Nik Abd Rahman Palekbang.

Mufti Haji Wan Musa kembali ke rahmatullah jam 3.00 petang, hari Sabtu, tanggal 24 Zulkaedah 1357 bersamaan dengan 14 Januari 1939 ketika berusia 65 tahun dan dikebumikan di tanah perkuburan Kampung Banggol, Kota Bharu. **Al Fatihah!**

Antara pusaka penulisannya yang telah dicetak ialah Risalah Al-Dar Al-Nafis yang diterjemahkan daripada karangan Sidi Ibrahim al-Rashid mengenai Munaqib Sheikh Ahmad bin Idris yang selesai ditulis pada 4 Januari 1906 dan Risalah Munaqib Saidi Ibrahim bin Sheikh Salleh, karangan Sheikh Ismail al-Nawab yang selesai diterjemah pada 1 Ogos 1906. Kebanyakan koleksi Haji Wan Musa ada tersimpan di Arkib Negara Malaysia, cawangan Kelantan.

*Rujukan: Ismail Che Daud, Tokoh-tokoh Ulama' Semenanjung Melayu (1), Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Jilid 3 Kota Bharu (2001)*



**Antara persoalan kontroversi yang berbangkit adalah berkaitan dengan takbiratul ihram**



# 10 KEJAYAAN



## 1. Dinar Emas

Kelantan Golden Trade ditubuhkan bagi mengembalikan kegemilangan penggunaan mata wang emas Dinar dan perak Dirham. Ia mula dilancarkan pada 12 Ogos 2010, yang merupakan pelaburan dalam bentuk simpanan nilai yang selamat daripada kesan inflasi dan riba.

## 2. Tabung Serambi Mekah

Lebih dikenali sebagai Akaun Amanah Kebajikan Darulnaim. Mula ditubuhkan secara rasmi pada Februari 1991 di bawah Seksyen 9(1) dan 9(3) Akta Acara Kewangan 1957 (1972). Bertujuan untuk membangunkan individu dan orang ramai khasnya golongan miskin lagi daif, penduduk ditimpa malapetaka, bencana alam, penyakit kronik dan lain-lain tanpa mengira agama, kaum dan ideologi politik. Selain itu bagi menampung kos pembinaan projek sosio-ekonomi untuk faedah rakyat.





## 3. Skim Takaful Kifaalah Warga Emas

Dilancarkan pada 7 Februari 2007 oleh Menteri Besar. Skim ini dikendalikan oleh Kifaalah Sdn Bhd. Ia merupakan skim khairat kematian, di mana warga emas yang meninggal dunia menerima manfaat sebanyak RM1,500. Wasi akan menerima sebanyak RM500 daripada jumlah itu pada hari kematian. Skim ini mendapat kerjasama daripada syarikat Takaful Malaysia Berhad. Kerajaan negeri memperuntukkan sebanyak RM3 juta pada peringkat awal bagi memberi perlindungan kepada warga emas berusia 60 tahun ke atas.

## 4. Rumah Dhu'afat

Diperkenalkan mulai tahun 2007, di mana sebanyak 90 buah rumah dibina untuk orang miskin di seluruh negeri setahun. Sebanyak RM2.6 juta disediakan bagi menjayakan program berkenaan. Kos setiap rumah adalah sekitar RM28,000.




## 5. Gerbang Az-Ziwaaj

Mulai tahun 2011, skim Gerbang Az-Ziwaaj disediakan bagi membantu pasangan kurang mampu melangsungkan perkahwinan. Setiap pasangan diberi sumbangan sebanyak RM1,000 bagi menyediakan wang hantaran.

# Kerajaan Negeri Kelantan



## 6. Skim Al-It'aam

Program bantuan beras percuma dimulakan pada Februari 2011. Seramai 180 keluarga miskin dipilih daripada setiap kawasan DUN pada peringkat awal. Setiap penerima mendapat 10kg beras gred super tempatan. Penduduk miskin diambil daripada senarai e-Tegar yang dilaksanakan kerajaan negeri melalui bancian Pejabat Tanah dan Jajahan.

## 7. Maahad Tahfiz

Sehingga kini sistem pendidikan YIK bukan sahaja berjaya melahirkan cerdik pandai Islam dalam pelbagai bidang kemahiran dan profesional - **menerusi sistem pengajian Tahfiz al-Quran (Qiraat & Sains) berjaya melahirkan seribu huffaz setiap tahun. Kini lepasan Sekolah Tahfiz sudah memenuhi** pelbagai cabang kemasyarakatan termasuk kedoktoran dan pentadbiran.

## 8. Program Ladang Rakyat

Perbadanan Ladang Rakyat Negeri Kelantan memajukan tanah-tanah kerajaan yang telah diberikan kepada Ladang Rakyat dan hasil dari pemajuan tanah tersebut akan diakaunkan ke akaun amanah peserta Ladang Rakyat. Melalui akaun tersebut agihan dividen diberikan kepada peserta Ladang Rakyat negeri Kelantan. Pemilihan peserta adalah daripada kalangan mereka yang berpendapatan kurang daripada RM530 sebulan dan berumur 25-60 tahun serta tidak mempunyai pendapatan tetap.

Sehingga kini seramai lebih 4,800 rakyat miskin termasuk lebih 300 orang penduduk Orang Asli menerima dividen sebanyak RM200 sebulan sehingga September 2011. Majlis Pembahagian Dividen Peserta Ladang Rakyat Negeri Kelantan telah diadakan sebanyak 20 peringkat bermula dari 2006 lagi dan jumlah keseluruhan telah mencecah sebanyak RM60.1 juta telah diagihkan kepada peserta sehingga September 2012.

## 9. Bantuan Armalah dan Anak Yatim

Pada 2007, kerajaan negeri memperuntukkan sebanyak RM4 juta iaitu RM2 juta untuk armalah dan RM2 juta (anak yatim). Golongan armalah diberikan bantuan dalam bentuk ***one-off*** atau projek sosio-ekonomi. Lazimnya bantuan ini disampaikan pada bulan Ramadhan iaitu menjelang sambutan Hari **Raya Aidilfitri.**

Manakala Bantuan Orang Kelainan Upaya (OKU) meliputi cacat anggota asal atau kemalangan, down syndrome, kusta dan *stroke* hingga hilang upaya mencari nafkah. Bantuan meliputi kos perubatan untuk rekahan bibir dan lelangit, bantuan tunai ***one-off***, kerusi roda, motosikal roda tiga, kaki palsu, bantuan pelajaran bagi anak cacat yang berjaya dan lain-lain.




## 10. Pajak Gadai Islam (Ar-Rahn)

Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan melalui anak syarikatnya, Permodalan Kelantan Berhad (PKB) mewujudkan Ar-Rahn sebagai institusi gadaian Islam terawal di Malaysia dalam memenuhi tuntutan syarak. Di antara keistimewaan Ar-Rahn ialah sistem yang mematuhi syariat Islam, melepaskan umat Islam daripada dosa riba, kadar upah simpan barang yang amat berpatutan dan penggadai dimaklumkan sebelum gadaian dilelong.









# BATIK CANTING

***Oleh** Nur Zahra Husna*

**The definition of batik is believed to be originated from Indonesia which is** derived from a Malay word 'titik' which means dots and a Javanese word 'mba' which means to write. Hence, batik means to write dots, represents here either **in the form of dots in its truest sense of the word or in the form of flowers and** other small patterns on the surface of a fabric.

Batik is a type of craft product produced by the process of wax applying and fabric dyeing. Batik is well known in Malay Archipelago, which are Indonesia, Singapore, Brunei and Malaysia. The following is a brief history of batik craft in which it is being used in Japan and China since the 7th century. Then, in the 15th century, it is being introduced to Tanah Melayu during the reign of Parameswara in Malacca.

In the 18th century, Batik Pelangi (without the application of wax) started the industry in Terengganu while batik industry in Kota Bharu started in the 1910s. Later in the 1920s, the usage of wax applied technique is introduced **by batik producers in East Coast Peninsular states, specifically Kelantan and** Terengganu. It became the pioneer to the history of batik development in this country.

Batik Skrin is then introduced in Kelantan. After the World War II, batik industry **thrived and became the main rural industry. Batik industry started to flourish** in a large scale and its production penetrated into the world markets.

Today, batik is not only a favorite among local people, but also well-liked and popular among foreign visitors who come from abroad. In Malaysia, batik is produced by few techniques and processes. Each technique has its own ways








and identities. Commonly used batik techniques includes Batik Blok, Batik Skrin, dan another recently very popular batik printing technique is Batik Canting.

## Batik Canting Specification

**There are five types of canting (also** spelled tjanting), which are canting burung (bird canting), canting kasut (shoes canting), canting periuk (pot canting), canting bola (ball canting), and multiple-tip canting. Introduction of the production of Batik Tulis is I.C.A.T.S (Integrated Computer Aided Tjanting System). It is a tool system which runs the process of canting automatically. I.C.A.T.S is divided into two computer systems, that is Design Computer System and I.C.A.T.S Control Computer System.

Batik cloth is generally made on a white fabric from common thread such as cambric, lawn and voile, cotton, satin crepe, jacquard, rayon/fuji and silk. Batik Canting cloth is very well-liked by today's fashion lovers. It can be matched and tailored to the needs and purpose in accordance to the march of time. Other than be made into clothing, Batik Canting cloth is suitable to be made into beautiful and alluring shawls, scarves, handbags, bed sheets, wall decorations, cushion covers and various types of daily household items.

Tools or materials needed to produce Batik Canting are as follows:

- Canting: A tool made of copper as wax container that is used to sketch patterns on the cloth
- Hoop: To stretch the cloth so that the cloth does not sag during the canting process
- Soft brush: To brush dye on the cloth and melted wax
- Pot: To cook wax mixture materials
- Pan or dish: To dip, soak and decoct the cloth
- Stove: A place to put the pan and to heat up the wax mixture.

The processes that have to be carried out in producing Batik Canting are:

1. The base cloth is prewashed to remove starch and dried
2. The cloth is stretched on wooden hoop
3. Motifs and patterns are sketched with pencil (not required if batik maker is adept)
4. Heat up the wax mixture until it melts
5. Scoop the melted wax with canting, and then sketch on the cloth following the motifs that has been done by pencil earlier. Continue doing this until the sketch of patterns on the cloth is completed
6. Color the motifs that have been waxed
7. After the cloth has been colored, let the dye and cloth dry, and then soak the cloth **into fixer material so that the** colors stay permanently on the cloth. Leave the cloth for about eight to twelve hours.

## Motifs and Decorative Designs

Fresh and exclusive colors as well as free sketching motifs provide Batik Canting cloth a unique character. The motifs that are usually become the focus of Batik Canting cloth decorative designs are represented **by patterns of plants, flowers, birds** and abstract modern patterns.

Floral motifs such as cananga, gardenia, Daun Siti Fatimah, yam leaves and others are commonly used as motifs on cloth body (a part of batik cloth in which the patterns are the same). Meanwhile, bamboo shoot motif is usually made on sarong batik head (a part of batik cloth in **which the patterns are different).** Fauna motifs on the other hand, are **birds, chickens, snails and butterflies.** For geometry motifs, 'banji', 'ceplok',





'parang rusak', 'kawung', 'swastika', or double 's' spiral are used. Things motifs such as kites, shadow play and others, as well as abstract motifs are applied too.

The uniqueness or special characteristic of Batik Canting is fresh and exclusive colors as well as free-style motifs. Each piece of batik is an exclusive individual creation. Each depicts unique contemporary elements and highly priced due to its expensive fabric material, dye and distinctive patterns.

**The finishing and showmanship on** Batik Canting cloth is depicted by neat and steady wax lines, even and **harmonious flow of patterns, subtle** stitch lines, unspotted colors, no trace of wax, as well as matching patterns and motifs' colors with the base color.

## Batik Development

"The development of batik industry in the last twenty years is not as good as before as there are too much batik comes from other countries now," said Zainab Abu Bakar that runs three batik shops in Bazaar Buloh Kubu complex. This 52 years old businesswoman said that the **influx of batik from countries such as** Thailand, Indonesia and China more **or less has affected the local batik** industry in this state.

The approximate estimates of batik production in Kelantan in a year is amounting to RM10 million. To date, there are 393 batik producers registered with Persatuan Pembatik Melayu Pantai Timur (East Coast Malay Batik Producers' Association), but only 150 producers are active. Amongst famous producers in Kelantan are Nordin Batik and Razali Batik in Jalan Pintu Geng and Samasa Sdn Bhd in Jalan Sultanah Zainab. There is batik manufacturers in other districts too such as Pasir Mas and Bachok, but mostly are done in a small scale.

## Government Support

The chairman of Kelantan Trade, Industry and Human Resources **Committee, Zulkifli Mamat, has said** that while Kelantan is renowned as the center of high quality batik and songket, it is still yet to advance in term of end product sales.

"While there are producers who have taken their own initiatives in which many of them have successfully become entrepreneurs, not many batik and songket producers in Kelantan sell their products as end product even though they are capable of producing such product. **For example, finished garment with** a fashion suiting to current demand that can be sold at double the price of a material that have yet to be made clothing," he said.

In lieu to that, the state government wishes to increase its role as 'middlemen', by introducing producers to the professionals such as famous fashion designers in order to promote batik and songket. According to him, Kelantan would adopt any means to promote the said product as long as it does not contradict with Islamic values.

In order to ensure that the batik **industry will continue to flourish,** Kraftangan Malaysia has taken some planned strategies and actions, through few programs such as R&D program, Entrepreneur Development Program, Skilled Worker Development Program, and Marketing and Promotion Program.

## Contribution To The Local Economy

As the government is putting in **the effort to recover the country's** economy in the late 1990s, Kraftangan Malaysia had also taken the initiatives to increase marketing and promotion activities domestically and internationally. Involvements in international level are through supervisory of trade and promotion showcase (in-store and travel fair), while promotion in domestic level is through theme promotions, participations in trade showcases, festivals and road show campaigns.

In November 2000, a Kempen Mari Beli Batik Malaysia (Let's Buy Malaysian Batik Campaign) was **initiated in the effort to regenerate** consumer awareness and increase the demand of batik products. This campaign was targeted to consumer society inclusive of hotels, government agencies and private organizations. Recognition was given to hotels around Klang Valley due to batik consumption as daily work attire. This campaign was carried out until the year 2001.

In June 2001, Kempen Cintai Kraf Malaysia (Love Malaysian Craft Campaign) is launched and continued up until today. Batik products are also introduced in every road show conducted throughout the country.

The batik industry will continue to prosper and will provide continuous contribution to the development of craft industry and the country's **economy. Efforts to develop batik** industry shall persist and require the support of many public and private parties to achieve it. Batik entrepreneurs should increase the quality of batik production in term of designs, colors, processes, materials, and techniques used as well as producing products that meet the needs of domestic and international market. Batik entrepreneurs should also be daring to invest in order to succeed as what has been achieved by successful batik entrepreneurs.

## ASH-HAR TRAVEL & TOURS SDN BHD

KKKP: 2952

**KOTA BHARU**
21-B, Tingkat 1, Bangunan Iktisad Jalan Dato Pati
15000 Kota Bharu, Kelantan
Email : ashar_travel@yahoo.com

**KUALA LUMPUR**
23-1, Jalan 3 / 76D, Desa Pandan, 55100 Kuala Lumpur
Email : ashhartravel@gmail.com

**PAKEJ UMRAH 1434H**

**CEPAT!** TEMPAT TERHAD!

Hotel Saraya Ajyat @ setaraf (250-350 meter)

**UMRAH** Serendah RM 5450

Hotel Al Safwah @ Setaraf (50 -70meter)

**UMRAH BAJET** Dari RM 5190

**UMRAH CUTI SEKOLAH** Dari RM 5850

**Ziarah Turki** Dari RM 7990

Bersama Ustaz Hasni Ustaz Dr Hj Abdul Basit Hj Ab Rahman

Hotel Zwar Al-Haramain @ Setaraf (450-600meter)

Hotel Madinah : Sofaraa Al-Huda @ Setarafnya (50-80meter)

Hubungi : 09-743 7050 013-7467050 013-9337257

**MAKLUMAT PEMBAYARAN**
NAMA AKAUN : ASH-HAR TRAVEL & TOURS SDN BHD
NOMBOR AKAUN : 5030 1522 0959 ( MAYBANK )
DEPOSIT : RM 500.00

** Harga Pakej & Tarikh Penerbangan adalah tertakluk kepada perubahan tanpa sebarang notis**



**Daftar Sekarang**

كلية السلطان إسماعيل فترا الإسلامية العالمية

## KOLEJ ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ISMAIL PETRA (KIAS)

# KEMASUKAN SESI JUN 2013

**IJAZAH SARJANA MUDA DENGAN KEPUJIAN**

*Kerjasama 4+0 dengan KUIN*

- ✓ Usuluddin (PA 10596)
- ✓ Syariah (PA 10609)

**SIJIL**

- ✓ Pengajian Islam (A 8175)

**DIPLOMA**

- Usuluddin (A 9178)
- Al-Dakwah Wal Qiadah (A 9180)
- Syariah (A 9179)
- Bahasa Arab (A 6798)
- Kewangan Islam (PA 10175)
- Qiraat & Tarannum (PA 9599)
- Tahfiz Al-Quran (PA 10090)

**PERMOHONAN ONLINE**

www.kias.edu.my

BARU!!!

Diploma Perbankan Islam (PA 0906)

Diploma Pengajian Islam (PA 0931)

**Keterangan Lanjut, Hubungi :**
09-7129 386/387
Faks : 09-7129 444

MQA JPA YAKIN














# WAKAF CHE YEH: *Pasar Yang Tidak Pernah 'Tidur'*

***Oleh** Atif Zayyad Idris* ***Foto** Ahmad Nai'me Muhammad*




Aktiviti melancong ke Kelantan tidak akan sempurna jika tidak berkunjung ke pasar Wakaf Che Yeh (terletak di Zon Komersial Wakaf Che Yeh) yang beroperasi sepanjang masa dengan fungsi yang berbeza di mana ia merupakan pasar basah (harian) dan pasar tani (hari Jumaat) pada waktu siang, dan berubah menjadi pasar malam (harian) serta pasar borong setelah matahari terbenam. Saksikanlah situasi tawar-menawar dan teriakan peniaga-peniaga mempromosikan barangan jualan masing-masing sambil berbual mesra sesama sendiri.

Pasar Wakaf Che Yeh yang terletak kira-kira 7km dari bandar Kota Bharu dan 30 minit dari Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Pengkalan Chepa menjadi simbol perniagaan dan budaya kehidupan penduduk setempat, menjadikan ia tidak pernah lekang daripada pengunjung. Kemeriahan yang wujud di pasar ini menjadikan ia tempat meluangkan masa bersama keluarga pada waktu malam buat penduduk di negeri ini. Bagi masyarakat tempatan, mereka mungkin sekadar 'mencuci mata' dan berjalan-jalan melihat pelbagai jenis barang jualan yang dipamerkan untuk pilihan. Bagi pengunjung yang jarang berkunjung ke Kota Bharu terutamanya yang luar dari Kelantan, Wakaf Che Yeh adalah tempat yang 'wajib' dilawati. Jika pandai dalam tawar-menawar, barang yang boleh dibeli mungkin banyak walaupun berbekalkan modal yang sedikit.

Kebanyakan penjaja di sini adalah penjaja yang sama daripada pasar borong di Jalan Hamzah di mana mereka dipindahkan berikutan daripada pembangunan di tapak lama. Sejak beberapa tahun yang lalu, Pasar Borong Wakaf Che Yeh mula popular dan menjadi sebutan di kalangan warga tempatan dan pelancong luar.





**Golongan yang menggerakkan perniagaan di Wakaf Che Yeh majoriti terdiri daripada kaum wanita di mana mereka lebih memonopoli aktiviti perniagaan berbanding lelaki. Situasi begini telah menjadi budaya masyarakat Kelantan sejak turun-temurun begitu juga di pasar-pasar seperti di Kota Bharu, Wakaf Bharu, Tumpat, Jelawat, Binjai dan di lain-lain tempat di Kelantan.**

## Antara Yang Terbesar Di Kelantan

Kerajaan Negeri melalui usahasama Majlis Perbandaran Kota Bharu-Bandar Raya Islam (MPKB-BRI) dan syarikat pemaju SensaTimur Sdn Bhd telah membangunkan Pasar Awam Bersepadu Wakaf Che Yeh yang melibatkan kos sebanyak RM27 juta (dengan pajakan selama 25 tahun). Sebanyak 92 lot kedai telah dibangunkan di mana hampir 100% lot-lot kedai tersebut telah dijual kepada pemilik, diberi sewa dan sebagainya.

Aliran keluar masuk wang di sini dapat dilihat dengan jelas beredar daripada pembekal kepada pemborong seterusnya kepada peruncit dan pengguna yang tidak pernah berhenti selama bertahun-tahun. Situasi tersebut telah berlangsung sejak puluhan tahun dahulu ketika pasar borong ini beroperasi di Jalan Hamzah, bermula pada tahun 2000 ia berpindah ke Wakaf Che Yeh ekoran daripada pembangunan yang dijalankan di tapak asal.

Keluasan tapak pasar tersebut lebih kurang 12 ekar dengan jumlah gerai melebihi 705 buah memenuhi celah-celah bangunan Pasar Awam Bersepadu Wakaf Che Yeh. Bilangan gerai yang banyak dan pelbagai ini menjadikan ia sebuah pasar yang menarik. Pembangunan yang rapi ini menunjukkan kerajaan negeri di bawah kemimpinan ulama tidak pernah mengabaikan pembangunan **fizikal terhadap rakyat. Malah turut** menjaga pembangunan rohani yang diadakan sepanjang masa melibatkan seluruh kaum, termasuk juga aktiviti kebajikan.

Antara produk yang menjadi buruan pengunjung luar adalah kain tudung bawal, kain pasang dan buah mangga siam yang dijual dengan harga yang amat berpatutan berbanding negeri-negeri lain, sehinggakan ada di kalangan mereka yang menjualnya kembali di tempat masing-masing dan tidak terkecuali yang menjadi ejen jualan di luar Kelantan.

Beroperasi 24 Jam

Pasar Borong Wakaf Che Yeh sebenarnya beroperasi 24 jam sehari. Paling menarik, ia menjadi semakin rancak apabila waktu berganjak ke tengah malam. Secara keseluruhannya, jumlah peniaga yang terlibat menjalankan perniagaan di Wakaf Che Yeh ini ialah 1,500 orang yang datang daripada beberapa daerah di negeri ini.

Pasar ini tidak pernah 'tidur' kerana proses jual-belinya sentiasa berlangsung. Empat kategori pasar yang memenuhi waktu 24 jam di sini ialah pasar basah harian/pasar pagi (pukul 6.00 pagi hingga 2.00 petang), pasar tani hari Jumaat (pukul 6.00 pagi hingga 12.30 tengah hari), pasar malam harian (pukul 2.00 petang hingga 1.00 pagi) dan pasar borong (pukul 1.00 pagi hingga 5.00 pagi). Terdapat juga lot-lot perniagaan yang beroperasi dari pukul 10.00 pagi sehingga lewat malam. Pelbagai barangan dijual di premis-premis perniagaan di sekitar kawasan ini. Inilah yang menjadikan pasar ini tidak pernah 'tidur'...

## Pasar Basah (Harian) dan Pasar Tani (Hari Jumaat)

Pasar basah beroperasi setiap hari di kawasan khusus yang telah disediakan bermula dari pukul 6.00 pagi sehingga 1.00 petang yang melibatkan seramai 422 orang peniaga. Terdapat pelbagai barangan seperti ikan, ayam, daging, makanan laut dan sayur-sayuran yang masih segar menjadi rebutan peruncit yang datang dari seluruh daerah di negeri ini untuk dipasarkan kembali di tempat masing-masing atau di pasar-pasar kecil di kampung.

Pada hari Jumaat pula, bermula jam 7.00 pagi sehingga 12.00 tengah hari, lokasi tersebut dipenuhi dengan peniaga pasar tani yang tidak kurang hebatnya dengan pelbagai jualan. Seramai 150 orang peniaga didaftarkan dengan FAMA serta dipantau oleh pihak tersebut. Selain itu terdapat ramai peniaga kecil lain turut terlibat dan dianggarkan seramai 400 orang peniaga keseluruhannya yang menjalankan pelbagai aktiviti perniagaan. Bermula dengan kuih-muih tradisional, pelbagai jenis nasi dan hasil pertanian.

Kira-kira seramai 400 peniaga menjalankan aktiviti perniagaan pasar tani pada hari tersebut di mana 90% peniaga berbangsa Melayu dan masing-masing 5% peniaga berbangsa Cina dan Siam. Selain peniaga berbangsa Melayu, Cina dan Siam, terdapat juga segelintir peniaga berbangsa Kemboja yang telah berstatus warganegara. Mereka cenderung menjalankan aktiviti perniagaan kain, pakaian dan sebagainya, malah mereka juga fasih bertutur 'loghat Kelate'.

## Pasar Malam dan Pasar Borong (harian)

Sebut sahaja pasar borong Wakaf Che Yeh, pasti akan terbayang pekikan peniaga menjual barangan dan urusan tawar-menawar yang sememangnya menggamit suasana malam hari di sini lebih-lebih lagi pada musim cuti persekolahan dan cuti perayaan. Malah ada yang mengatakan kalau datang ke Kelantan tidak sah jika tidak berkunjung ke pasar di Wakaf Che Yeh ini. Sebenarnya, apa yang menarik dan apa yang ada di pasar ini?

Pasar malam Wakaf Che Yeh ini sebenarnya sebuah pasar malam biasa yang tidak berbumbung tetapi beroperasi setiap malam. Ya, pasar malam yang boleh dikatakan sangat meriah kerana melibatkan seramai 700 orang peniaga kecil dan terlalu ramai pengunjung yang datang ke sini bermula jam 5.00 petang sehingga lewat malam. Kira-kira 95% peniaga pasar malam terdiri daripada bangsa Melayu dan selebihnya peniaga berketurunan Kemboja.

Daya penarik yang ada di sini ialah kepelbagaian barangan yang dijual di pasar malam, bermula dari bahan-bahan keperluan dapur sehinggalah kepada kelengkapan diri dan rumah. Antara barangan lain yang terdapat di sini adalah fesyen pakaian yang bervariasi, tudung bawal, kasut bundle, permaidani, perhiasan rumah, aksesori kereta, permainan kanak-kanak, dan sebagainya. Pelbagai jenis barangan yang boleh diperolehi di sini seperti pelbagai jenis baju dan pakaian siap, tudung, jersi, aksesori rumah, kereta, minyak wangi, kasut bundle, cd, dvd, jam tangan, beg tangan, tuala, toto dan pelbagai lagi. Selain itu, disediakan juga gerai-gerai yang menyediakan makanan atau masakan panas ala Kelantan dan Siam yang boleh didapati dengan harga yang berpatutan di sekitar pasar borong tersebut.

Pada hujung minggu, pasar ini dibuka sehingga pukul 2.00 atau 3.00 pagi dan pada musim menjelang Hari Raya pula ia dibuka sehingga subuh. Pada waktu inilah ramai penduduk tempatan dan warga Kelantan yang pulang ke kampung sanggup menunggu harga runtuh yang ditawarkan peniaga yang hendak menghabiskan stok barangan menjelang pagi raya. Harganya yang rendah dan berpatutan juga menjadi salah satu daya tarikan pengunjung untuk berbelanja. Bagi mereka yang bijak tawar-menawar pula akan mampu mendapat harga yang lebih minima.

Pasar borong pula bermula pada jam 1.00 pagi sehingga jam 6.00 pagi. Ia menjadi tumpuan peruncit-peruncit daripada seluruh Kelantan bagi membeli dengan harga borong dan menjual atau memasarkannya semula dengan harga runcit di daerah masing-masing. Di antara barangan jualan ialah pelbagai jenis sayuran dan buah-buahan. Kebanyakan bahan tersebut dibawa masuk daripada Thailand, Cameron Highlands dan tidak terkecuali hasil daripada petani tempatan seperti daerah Tumpat, Bachok dan sebagainya. Barangan tersebut menjadi tumpuan peruncit kerana kualitinya dan pada masa yang sama harga ditawarkan agak rendah.

Keluasan asal tapak pasar borong ialah seluas 1.5 ekar, namun dengan pertambahan aktiviti perniagaan di kawasan ini, keluasannya bertambah kepada hampir 10 ekar yang merangkumi kawasan pasar malam dan ruang meletak kenderaan.

**Sebagaimana yang selalu diungkapkan oleh Tuan Guru Dato' Bentara Setia Hj Nik Abdul Aziz Nik Mat di dalam ucapannya, "di Kelantan kita mahu seimbangkan pembangunan fizikal atau infrastruktur dengan pembangunan rohani, agar rakyat walaupun dibuai dengan pembangunan fizikal namun sentiasa ingat dan takwa kepada-Nya. Sebagai kerajaan, kita bertanggungjawab terhadap rakyat sama ada di dunia dan akhirat."**

### Kemudahan di sekitarnya

Antara kemudahan asas yang disediakan di kawasan sekitar pasar awam ini ialah sebuah musalla, tandas dan tempat parkir termasuk milik perseorangan dan swasta. Bayaran parkir yang dikenakan sangat berpatutan iaitu RM2 sahaja (tanpa mengira tempoh masa). Pihak MPKB-BRI juga telah menempatkan 14 kakitangan untuk menjaga kebersihan kawasan tersebut.









Tapak lama Pasar Borong

Turut dibangunkan di kawasan pasar borong ini ialah sebuah pusat Tahfiz di kawasan tersebut yang diuruskan oleh pihak tertentu yang menyediakan kemudahan untuk pelajar-pelajar tahfiz secara tidak langsung memberi kemudahan tambahan sebagai tempat ibadah khususnya kepada para peniaga.

### Kepesatan Pembanguan di Wakaf Che Yeh

Sejak pasar borong berpindah ke Wakaf Che Yeh, keadaan telah banyak mengubah persekitaran menjadikan










ia lebih berdaya saing dan menjadi tumpuan orang ramai setiap kali menjelangnya malam. Sebagai simbol pelancongan, pihak kerajaan negeri telah melakukan banyak pembangunan prasarana di kawasan pasar ini seperti penambahbaikan kawasan pasar, pembukaan hotel-hotel baru, bangunan-bangunan perniagaan dan restoran-restoran yang diusahakan oleh pendudukdk tempatan. Malah restoran makanan segera dan stesen minyak yang berdekatan juga turut diwujudkan.

Selain itu kewujudan hotel-hotel bajet, kedai runcit 24 jam, institusi-institusi kewangan di dalam kawasan tersebut memberi banyak kemudahan kepada pengunjung luar. Di antara bank yang terdapat di kawasan ini ialah Bank Rakyat, Bank Islam, CIMB dan Bank Persatuan. Ruang-ruang pejabat juga menjadi rebutan untuk disewa termasuk banyak ruang kedai yang dijadikan stor oleh peniaga-peniaga besar.

Di sebelah jalan utama Wakaf Che Yeh (Jalan Kuala Krai) juga telah membangun pesat hasil daripada pertumbuhan ekonomi di kawasan terbabit. Lot-lot kedai dua dan tiga tingkat turut dibangunkan secara drastik oleh pemaju-pemaju dan terus dijadikan pusat perniagaan oleh para peniaga.

Terkini dapat dilihat pembangunan yang lebih efektif, di mana terdapat sebuah hotel bertaraf empat bintang bersebelahan restoran makanan segera yang beroperasi 24 jam dan sebuah apartmen (sedang dalam pembinaan). Ini menunjukkan juga kuasa beli rakyat Kelantan yang tinggi disebalik lontaran negatif oleh sesetengah pihak terhadap rakyat di negeri Cik Siti Wan Kembang ini.

Situasi tersebut dengan jelas menafikan segala tohmahan dan secara tidak langsung meningkatkan perpaduan di antara rakyat di negeri ini. Pertumbuhan pesat ekonomi yang berlaku khususnya di Wakaf Che Yeh telah memberi lembaran baru kepada peniaga, peluang ini telah diteroka dengan baik oleh para peniaga yang baru atau pun peniaga yang berasal daripada Jalan Hamzah, seterusnya membantu menjana ekonomi Kelantan secara tidak langsung.

Hotel-hotel di sekitar Wakaf Che Yeh merupakan hotel yang masih lagi baru dan sangat dicadangkan. Sesuai jika anda mempunyai jadual percutian yang padat dan ingin menikmati penginapan yang masih baru dan selesa. Kelebihan menginap di sini ialah para pengunjung boleh bersiar-siar di pasar Wakaf Che Yeh selepas keluar dari pintu hotel dengan hanya berjalan kaki sahaja. Terdapat banyak pilihan hotel di sini. Di antaranya ialah Holiday Villa & Suites Kota Bharu, Ridel Boutique Hotel, Dynasty Inn, Ombak Inn, Penuh Inn, Sri Seroja Inn, Khalifa Inn, Polyland Hotel dan sebagainya.

## Rancangan Jangka Masa Panjang

Bagi mengatasi masalah yang berbangkit di pasar borong tersebut, pihak pentadbir Majlis telah mengambil langkah memperbesarkan kawasan pasar borong. Tanah-tanah berhampiran yang keluasannya 4.5 ekar sedang dalam proses pengambilan balik tanah.

Perancangan baru telah dirangka dengan menyediakan pelbagai kemudahan seperti bangunan dan tempat letak kenderaan yang mampu menampung jumlah kenderaan dari semasa ke semasa.

Telah menjadi hasrat pihak Majlis agar Pasar Borong Wakaf Che Yeh dapat dirancang dengan kemas dan teratur bagi memberi ruang sebanyak mungkin kepada para peniaga kecil untuk turut serta dalam meningkatkan pendapatan penduduk khususnya dan ekonomi Kelantan amnya.

Memandangkan pelbagai barangan dijual di sini, pastikan anda senaraikan barang yang ingin dibeli, membuat perbandingan harga dan fikir masak-masak sebelum membeli sesuatu barang. Jika tidak, silap-silap satu malam sahaja boleh habis beratus-ratus ringgit untuk barangan yang bukan keperluan dan tidak penting.

Justeru pengunjung dari seluruh negeri boleh berkunjung ke sini pada bila-bila masa sahaja kerana ianya beroperasi selama 24 jam sehari. Apa yang utama, kita perlu tahu apa yang ingin dibeli. Jangan pula sampai membazir.





# JERUK MAMAN

## *Sindiran Dalam Hidangan*

**Oleh** *Zanazanzaly*



SANTUN orang Melayu memang tiada tolok bandingnya. Meski darah menyirap dek amarah menggelegak, masih lagi kewarasan mampu mengalas kata dan mengilas makna dengan pantun dan seloka. Tidak kurang pula ada yang memilih menyampaikan sindiran menerusi "air tangan" terutama yang melibatkan pertalian darah mahupun ikatan persemendaan.

Sebagai contoh apabila berlaku pertelingkahan di antara mentua dan menantu, pasti akan terpacul dari bibir bahasa-bahasa yang kurang enak didengari dalam kalimah bernuansa sindir-menyindir yang membawa konotasi yang mudah difahami yakni "menantu jangan balik, tapi cucu harus ada."



Manakala di pihak menantu pula apabila kesabaran mulai diperkotak-katikkan maka mulalah menjawab "kelapa tak mahu pecah tapi kuah nak lemak." Lalu tercetuslah adegan masam muka yang sangat menyukakan syaitan yang sememangnya gemar merobohkan tugu kasih-sayang sesama manusia beriman.

Bagi menyampaikan maksud hati yang terluka tapi di minda masih lagi waras dan di jiwa tetap berbaki kasih, dengan beristighfar penuh keinsafan mentua pun turun ke tanah memetik dua cekak daun maman segar dan segera dibasuh dan dibilas sehingga bersih dan ditoskan.

Kesemua pucuk dan daun maman yang digetis pada ranting lembutnya dimasukkan ke dalam sebalang air masak sejuk sehingga tenggelam keseluruhan daun tadi. Dalam hati mentua terdetik niat agar menantunya tahu yang hatinya terluka barangkali atas tutur bicaranya yang lantang mahupun sikapnya yang acuh tak acuh terhadap mentua atau apa pun sahaja sebab-musabab yang membuatkan hati mentua berbilur duka.

Berhajat mahu menambah perisa masin kepada rendaman maman, dibancuhkan pula garam dengan air sejuk sehingga masinnya secukup rasa dan serata sebagai simbolisma mentua selaku orang tua menghantar mesej tersirat bahawa menantu yang muda haruslah menghormati perasaannya yang sudah lama menjeruk rasa.

Simbolik penghantaran mesej tersirat seterusnya dilakukan melalui kemasukan nasi sejuk dalam anggaran 2 1/2 sudu besar yang ditaburkan ke atas permukaan





air masak bergaram yang menenggelami daun maman tersebut. Sesudah itu, rendaman tadi dituangkan ke dalam balang manakala penyudahnya diakhiri dengan menggetis sehelai dua daun bayam merah lalu dimasukkan ke dalam balang sebelum ditutup rapat.

Setelah tiga hari berlalu, proses pemeraman maman pun sedia untuk disajikan dengan nasi panas. Alangkah bertuah si mentua memiliki menantu bersahsiah mulia. Berkat didikan yang sempurna semenjak kecil oleh ibu bapanya dan kemudian diberi tunjuk ajar pula oleh suami yang soleh, maka menantu solehah pun cepat faham akan maksud tersirat mentuanya yang pada perkiraannya sangat beremosi sensitif dan mendambakan perhatian daripada orang muda lantaran rasa bimbang akan dipinggirkan setelah usianya lanjut dan kudratnya mencecah waktu luput.

Khilaf yang berlaku berpunca daripada silap faham amat perlu dielakkan. Adakalanya isu yang tercetus bukanlah besar sangat tapi dek kerana prasangka dan "suk ul-dzan" maka hal kecil akan jadi besar lantas membawa kepada mudarat berlarutan. Itulah maksud sentuhan kreativiti menantu yang memilih untuk beralah atas dasar hormat dan kasih kepada ibu suaminya yakni menyerupai status ibu kandungnya sendiri.

Justeru itu, sepinggan jeruk maman hijau dengan kuah kemerah-merahan sediaan mentua diberikan sentuhan kreatif oleh menantu pilihan dengan mencampurkan ia dengan sedikit kelapa parut, ikan bakar atau ikan rebus goreng kemudian dipatah-patahkan cili api ke dalamnya bersama hirisan bawang besar atau bawang merah.

Sebaik sahaja memandang akan bumbu ramuan tambahan menantu, tersenyumlah mentua kerana bangga dengan kebijaksanaan menantu yang arif dan peka akan seleranya dan anak lelakinya kerana itulah resepi sejak turun-temurun yang mahu diperturunkan kepada anak cucunya. Tahulah mentua bahawa menantunya bukanlah golongan wanita generasi baharu yang lupa tradisi bahari apatah lagi memperlekehkan resepi mahupun selera serta cita rasa orang tua-tua.

Semasa menantu beriman mengambil sesudu jeruk maman lalu diletakkan dibirai pinggan suami yang berisi nasi panas, mentua mengerling sekilas lalu tersenyum puas. Selepas mengucapkan terima kasih kepada isteri, suami pun menyudukan pula sesudu besar jeruk maman ke dalam pinggan ibunya lalu bercerita kepada zuriat mereka yang berusia awal remaja akan khasiat menu sajian nenda dan bonda mereka.

Air rebusan daun maman ini dikatakan dapat membantu sistem penghadaman, merangsang pengeluaran kahak, ubat penyakit hati dan hempedu. Daunnya juga dipercayai mujarab sebagai ubat sakit kulit seperti gatal-gatal kulit, reumatisme dan juga sakit kepala.

Anak lelaki kepada wanita terluka hati tanpa sengaja yang juga merupakan suami kepada isteri solehah tadi terus memainkan peranannya secara bijaksana seraya tangan kiri memeluk ibunya penuh kasih sayang, dia pun berjenaka "tempoh bertenang ketika berselisih faham memang perlu ada. Seperti jeruk maman ini, jika tidak cukup tempoh peraman, jeruk maman akan berasa pahit dan hilanglah peranan maman yang boleh membuang lemak dari badan."

Demikianlah jeruk maman sebagai hidangan pengalas sindiran yang sangat berkesan dalam menjernihkan semula hubungan kekeluargaan.

AN-NISA'

# PUSAT PERUBATAN AN-NISA'

# Kini Bukan Untuk Wanita Sahaja

Pusat Perubatan An-Nisa' yang berpengalaman melebihi 15 tahun mengorak langkah lebih jauh dengan memperkenal perkhidmatan baru. Kini Pusat Perubatan An-Nisa' bukan sahaja dikhususkan kepada wanita dan kanak-kanak sahaja, malah seisi keluarga boleh mendapatkan rawatan di sini.

**KLINIK PAKAR NEFROLOGI**
**PUSAT HEMODIALISIS**
**KLINIK PAKAR MATA**
**KLINIK PAKAR ENT (TELINGA, HIDUNG, TEKAK)**
**KLINIK PAKAR PEMBEDAHAN AM**
**KLINIK KESIHATAN KELUARGA DAN REPRODUKTIF**
**KLINIK SAKIT TUAN**
**KLINIK PAKAR SAKIT PUAN**
**KLINIK PAKAR KANAK-KANAK**

## "Hospital Mesra Ibadah"



**Simpanan Tabung Mesra**

Simpanan sebelum rawatan
serendah RM 50

"Simpan dahulu, Senang Kemudian"

PUSAT PERUBATAN AN-NISA'
JALAN SULTAN IBRAHIM
15050 KOTA BHARU
KELANTAN
TEL: 09 741 4444 FAKS : 09 741 4443
EMAIL : info@annisa.com.my
laman sesawang : www.annisa.com.my




# JAFFAR RAWAS

## Pusat Barangan Ibadah dan Ilmiah

***Oleh** Salma Husain* ***Foto** Ahmad Nai'me Muhammad*



### Ucapan syabas dari tokoh veteren Kelantan

**Kota Bharu:**

Seorang ahli perniagaan yang juga tokoh veteran terkenal disini, Sheikh Jaafar Rawas menganggap kemenangan calon PAS, Ustaz Harun taib dalam pilihanraya kecil Teluk pasu baru-baru ini sebagai kemenangan perjuangan Islam.

Beliau mengucapkan syabas kepada para pemimpin Semangat 46 dan Berjasa kerana memberikan kerjasama yang sepenuhnya kepada PAS dalam pilihanraya kecil tersebut.

"Para pengundi di Teluk Pasu memberi mandat kepada Ustaz Harun taib, karana mereka menerima dasar Islam yang diperjuangkan oleh PAS.

Rakyat Teluk Pasu menolak Barisan Nasional kerana parti itu, tidak menerima Islam sebagai asas perjuangannya," tegas Sheikh Jaafar Rawas.

Sheikh Jaafar Rawas juga menyifatkan kerajaan Terengganu, tidak berlaku adil dalam soal pemberian bantuan kepada rakyat negeri itu.

Katanya, kerajaan negeri telah menaburkan segala bentuk bantuan jangka pendek dan jangka panjang kepada para pengundi di kawasan Teluk Pasu dalam sepanjang kempen pilihanraya kecil itu.

"Kalau kerajaan Terengganu benar-benar jujur dan adil dalam soal hendak membantu rakyat yang miskin, mengapa para penduduk diluar kawasan Teluk Pasu tidak diberi bantuan. Dan adakah rakyat di kawasan Teluk Pasu sahaja yang miskin?" tanya Sheikh Jaafar Rawas.

Beliau seterusnya menekankan bahawa bantuan yang diberikan kepada para penundi Teluk pasu itu, merupakan 'rasuah politik' yang bertujuan untuk mendapatkan undi.

Sheikh Jaafar Rawas

"Kalau para pemimpin Barisan Nasional yakin dengan kekuatannya, mereka tidak perlu lagi mengamalkan rasuah politik," ujar Sheikh Jaafar Rawas lagi.

**CERAMAH UMUM**

- Ustaz Haji Fadzil Noor ● Ust. Abu Bakar Chik ● Wakil 46
- Hari/Tarikh: Sabtu 1hb. Julai 1989 • Masa: Jam 9.00
- Tempat: Serkam Melaka

Anjuran: Badan Perhubungan PAS Negeri Melaka

**Sebut sahaja Syarikat Jaffar Rawas (SJR) yang bertapak** di Kota Bharu Kelantan, pasti orang mengenali kedai berkenaan. Sebuah kedai yang terletak di Bangunan Badan Perhubungan PAS Negeri Kelantan di Jalan Dato' Pati, Kota Bharu, tentu saja menjadi perhatian.

**Syarikat Jaffar Rawas Sdn Bhd mula ditubuhkan pada** tahun 1968 yang memulakan operasi perniagaannya di Kota Bharu. Pengasas kepada syarikat ini ialah **Allahyarham Jaffar Said dan anggota keluarga mereka** sendiri.

Pada mulanya, syarikat ini memulakan perniagaan dengan kain batik, kemudian menambah produk perniagaan lain seperti ubatan tradisional, buku-buku agama, peralatan ibadah, pakaian siap dan pelbagai lagi.




Bagaimanapun pada tahun 2000, syarikat yang cukup terkenal bukan sahaja di Negeri Tadahan Wahyu ini telah didaftarkan atas nama Sendirian Berhad. Ianya diterajui oleh empat penggerak utama kepada syarikat ini yang **juga anak-anak kepada Allahyarham Jaffar.**

**Empat orang anak Allahyarham ialah Alway Jaffar, Abdul Aziz Jaffar, Abdullah Jaffar dan Abdul Mutalib Jaffar** yang pada mulanya telah mengorak langkah bersama **bagi memastikan Syarikat Jaffar Rawas yang telah** diasaskan oleh ayahanda mereka tetap teguh dan utuh. Kini ianya turut dibantu oleh Abdul Hakim Abdul Aziz, Abud Abdullah, Akmal Hisham, Ammar Abdullah dan Wafa Abdul Mutalib.

Majalah Qiadah kali ini akan memaparkan sejarah pahit manis, perit getir 'perjuangan' seorang bapa bagi melahirkan 'trade mark' perniagaan keluarga yang cukup terkenal itu. Salah seorang anak Allahyarham iaitu Abdul Mutalib, ketika ditemui memberitahu, pada mulanya ayahnya memulakan perniagaan dengan membuat batik yang terletak di Jalan Dewa, Kota Bharu. Selepas itu, Allahyarham memulakan perniagaan dengan menjual peralatan ibadah termasuk al-Quran.

"Selepas itu arwah ayah tambah lagi buku-buku agama seperti kitab pondok, tafsir al-Quran, buku agama yang dikarang semula oleh penulis melalui tazkirah Menteri Besar Kelantan, Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat," ujar Abdul Mutalib.

Selain itu katanya, buku mengenai sejarah Islam, novel-novel Islam dan motivasi dari beberapa syarikat terkenal turut dijual. Abdul mengakui bahawa bahan bacaan yang dijual kepada orang ramai begitu laris. Ini kerana banyak sekolah agama terdapat di Kelantan sama ada dari Yayasan Islam Kelantan (YIK), Kementerian Pelajaran atau swasta membuatkan permintaan buku-buku agama menjadi tinggi.

Katanya, apabila masyarakat menjadikan Islam sebagai panduan hidup, mereka tidak hanya akan memilih peralatan ibadah atau buku-buku agama sahaja sebagai pilihan. Sebaliknya, ubatan tradisional yang halal atau seumpamanya sudah tentu akan dicari oleh masyarakat. Kerana itu menurutnya, Allahyarham ayahnya menambah satu lagi produk baru dalam perniagaan keluarganya iaitu ubat-ubatan tradisional pada sekitar tahun 70-an.

Qiadah difahamkan bahawa bangunan Perhubungan PAS Negeri Kelantan dibina atas pandangan yang diberikan **oleh Allahyarham. Ketika hayatnya, Allahyarham Jaffar** pernah menyarankan kepada pimpinan PAS supaya membina bangunan sendiri bagi membina kekuatan parti itu di Kelantan.

Bagi membantu menyalurkan dana kepada PAS, Syarikat **Jaffar Rawas turut menyewa satu unit kedai di bangunan** itu. Kerana peredaran waktu, ditambah pula dengan peningkatan perniagaan, dua pintu kedai lagi disewa oleh syarikat ini untuk menampung perniagaannya yang beralih kepada pakaian. Kedai yang menjual ubatan tradisional pula terletak di bangunan hadapan deretan kedai ini. "Pada akhir tahun 70-an, arwah ayah menjual pakaian pula memandangkan pakaian menjadi keperluan masyarakat," ujarnya.

Menyentuh tentang modal pelaburan awal yang dilaburkan oleh syarikat ini, Abdul berkata, ayahnya tidak menggunakan modal sebagaimana peniaga lain. Modal yang digunakan hanyalah barang yang diberikan oleh pengusaha tanpa sebarang bayaran, sebaliknya dibayar kemudian apabila habis dijual. "Pengusaha percayakan ayah, jadi dia bagi kain minta tolong ayah jualkan," ujarnya.

**Jaffar Rawas melalui liku-liku kehidupan yang getir** sebagaimana orang lain pada peringkat awalnya sebelum berjaya dalam dunia perniagaan. Allahyarham pernah bekerja sebagai buruh kasar di Pulau Pinang, kemudian menjadi tukang masak di atas kapal. Selepas itu beliau bekerja pula di sebuah syarikat menjual kereta (juga) di Pulau Pinang.

Selepas usaha bersungguh-sungguh dilakukan untuk mencari rezeki namun tidak menampakkan sebarang **hasil, Jaffar akhirnya pulang semula ke Kota Bharu dengan** tekad yang baru. Ketika itu beliau bersama sepupunya Salleh Rawas membuka kilang batik dan seterusnya membuat batik sendiri sebelum ianya dijual di kedai.

Walaupun syarikat ini tidak lagi membuat batik sendiri, namun Sheikh Ahmad Rawas (saudara keluarga ini) membuka kilang batik. Beliau mempunyai 11 orang adik-beradik. Abdul merupakan salah seorang daripada anak Allahyarham yang juga 11 orang adalah antara harapan **yang bakal meluaskan lagi empayar Jaffar Rawas pada** masa akan datang bersama saudaranya yang lain.

Abangnya Abdullah ditugaskan menjaga kedai ubat-ubatan, buku dijaga oleh Abdul, pakaian pula Abdul Aziz, Alwi dan Adnan. Dengan pengalaman yang telah diterap sejak kecil lagi, adalah menjadi tidak sukar bagi Abdul menyambung perniagaan arwah ayahnya.









**Jaffar Rawas meninggal dunia pada tahun 1990 ketika** berusia 63 tahun. "Waktu sekolah dulu saya pernah tolong ayah di kedai ni, datang urus kedai, sebagai pembantu kedai, semua kita buat," ujarnya. Menurutnya, beliau **kini bersama adik-beradik yang lain sentiasa berfikir** bagaimana untuk menambahkan produk baru di kedai mereka pada setiap lima tahun sekali bagi menarik perhatian dan meningkatkan permintaan orang ramai.

Beliau tidak menolak kemungkinan perniagaannya begitu maju akibat daripada kemajuan serta tahap ekonomi yang dicapai oleh rakyat negeri ini. "Kalau masyarakat tidak maju, tahap ekonomi mereka rendah, bagaimana mereka mampu membelinya? Bukan hanya buku-buku agama mesti ditambah, sebaliknya pakaian wanita khususnya jubah juga perlu dijual mengikut pasaran terkini bagi menarik perhatian pelanggan."

**Kini, Jaffar Rawas memperkenalkan produk baru kepada** pelanggannya iaitu makanan sunnah seperti kurma, buah delima, zaiton dan seumpamanya untuk kesihatan.

Bagi meneruskan kesinambungan perniagaan ini, generasi baru perlu dilatih sebagai persiapan untuk masa hadapan. Mohd Azimi Fauzi yang juga sepupu kepada Abdul dipilih untuk menjaga kedai baru di Tunjong.

Ia mula dibuka pada pertengahan tahun lalu (2012) dengan mengekalkan produk yang sama bagi memudahkan masyarakat dari laluan Jalan Kuala Krai untuk mendapatkan keperluan masing-masing. Walaupun tidak mampu memiliki gedung perniagaan yang besar dan bangunan pencakar langit, namun Abdul bersyukur kerana hasil penat lelah ayahnya selama ini sangat berbaloi.

Menurutnya lagi, mereka telah membeli kedai baru di Sri Cemerlang untuk disewakan kepada peniaga lain. "Walaupun perniagaan kami tidak mampu membeli bangunan yang besar, atau dalam jumlah yang banyak, namun kami bersyukur sekurang-kurangnya ada juga aset kecil yang sempat kami abadikan untuk arwah ayah," ujarnya.

Apa yang menjadi harapan Abdul sebelum mengakhiri **perbualan kami, beliau berharap Syarikat Jaffar Rawas** akan terus maju serta mampu memperbanyakkan lagi gedung perniagaannya bagi memenuhi permintaan pelanggan.

**Barangan yang terdapat di Syarikat Jaffar Rawas:**

### Kedai Buku
Al-Quran / Tafsir, Buku T.G. Nik Abd. Aziz, Buku Dr. Al-Qarni Kitab Hadis / Fekah, Kitab Pondok / lama, Zakat / Puasa / Haji, Taharah / Solat, Akidah/Tauhid/Tasawuf, Sejarah Islam / Agama, Motivasi / Bimbingan Doa-doa / Amalan, Perubatan / Alam Ghaib, Pendidikan / Islam, Manhaj Ulama', Kamus / Bahasa, CD Al-Quran, CD Kuliah Agama,\CD Seminar / Ceramah, CD Nasyid / Hiburan, CD Multimedia, Umum / Semasa.

### Kedai Kain
Kain Sarung Wanita, Kain Solat Wanita, Pakaian Lelaki, Pakaian & Aurat Wanita, Kain Pelikat, Sejadah, Serban/Kopiah/Songkok, Uniform Sekolah, Kain Kafan, Kelengkapan Haji.

### Kedai Ubat
Herba Lelaki, Herba Wanita, Kosmetik / Pembersih, Makanan Kesihatan, Minyak Panas / Urut, Minyak Wangi.

### Kedai Jahitan
Jubah / Baju Melayu, Uniform Pejabat, Uniform Sekolah.

# 30 Tahun PASTI

## *Berkembang Pesat (1983 - 2013)*


Dahulu



Sekarang

Di sana-sini kelihatan bangunan bersaiz sederhana kecil yang kebanyakannya berwarna hijau putih. Dan pada hari persekolahan pula, dapat dilihat pelajar-pelajar cilik berbaju hijau putih memenuhi ruang kelas. Inilah Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) yang merupakan institusi pendidikan prasekolah Islam yang dikendalikan oleh Parti Islam SeMalaysia (PAS).

Ia bertujuan untuk memberi pendidikan dan pendedahan awal mengenai ilmu Islam dan hukum-hakam serta perjuangan Islam, disamping mengembalikan kefahaman masyarakat Islam di negara ini khususnya tentang kepentingan pendidikan Islam.

PASTI juga berperanan sebagai pusat pembentukan **fikrah dan kegiatan masyarakat Islam menerusi program** pendidikan yang bermula dari peringkat kanak-kanak sehingga ibu bapa.

### Penubuhan PASTI Malaysia

Pada tahun 1976, Ustaz Fadzil Mohd Noor telah mencetuskan idea untuk menubuhkan institusi prasekolah Islam untuk kanak-kanak Islam. Hasilnya, dua buah institusi pendidikan prasekolah perintis ditubuhkan oleh ABIM di Melaka dan Kedah pada tahun 1976 dengan nama Taman Asuhan Kanak-kanak Islam (TASKI).



Allahyarham Dato' Ustaz Yahya Othman




Pada April 1979, TASKI telah dilancarkan secara rasmi oleh PAS di bawah seliaan ABIM. Namun, pergolakan pengurusan telah berlaku pada tahun 1982 dan semua TASKI digabungkan di bawah satu institusi baru yang dinamakan Pusat Tarbiyah Anak-anak Islam (PUTRA Islam).

Pada tahun 1988, semua TASKI negeri mulai dikenali sebagai PASTI bermula di Kedah, Kelantan, Melaka, Wilayah Persekutuan, Johor (1989), dan diikuti oleh negeri-negeri lain termasuk Perak, Selangor, Sabah dan Negeri Sembilan. Pelbagai dugaan dan cabaran timbul dek kerana usaha murni untuk memartabatkan pendidikan Islam. Ia bermula sebagai sebuah sekretariat dan akhirnya dinaik taraf menjadi sebuah jabatan sehingga kini.

Kini, PASTI di era 2000 banyak sekali meneroka ruang-ruang baru bagi melengkapkan lagi pendidikannya. Pada Julai 2004, Pelan Pembangunan PASTI Malaysia 2005-2011 telah dibentang dengan matlamat meluaskan peranan dan pembangunan PASTI di seluruh negara dari segi akses, kualiti dan kecekapan serta keberkesanan pengurusan pendidikan.

## Penubuhan PASTI negeri Kelantan

Idea dan perancangan awal penubuhan PASTI bermula pada akhir tahun 1983 hasil cetusan beberapa orang siswi (Usrah Nilam Puri) bagi memberi pendidikan awal kepada kanak-kanak. Mereka diberi bimbingan oleh Allahyarham Dato' Ustaz Yahya Othman yang bertanggungjawab membimbing mereka, di mana pada masa yang sama beliau merupakan tenaga pengajar Fakulti Islam, Universiti Malaya, Nilam Puri.

Dari hanya sebuah PASTI pada tahun 1987, PUTRA Islam telah berkembang ke seluruh negeri Kelantan dengan bilangannya bertambah kepada 24 cawangan dengan 32 kelas, 52 orang guru dan 900 pelajar. Kemudian PUTRA Islam dicadang diletakkan di bawah urusan Dewan Ulama PAS negeri Kelantan. Pada Jun 1989, PASTI diletakkan dibawah Badan Perhubungan PAS Negeri Kelantan iaitu di bawah tanggungjawab Lajnah Tarbiyah dan Latihan Kepimpinan PAS Negeri Kelantan.

Pelancaran PASTI telah dilaksanakan oleh Pesuruhjaya PAS Negeri Kelantan pada masa itu iaitu Tuan Guru Dato' Bentara Setia Menteri Besar (kini) pada bulan Julai 1989 **di Dewan Zulkifli Muhammad,** Bangunan Badan Perhubungan PAS Negeri Kelantan. Ketika perasmian dijalankan, PASTI telah berkembang dengan pesat di mana jumlahnya telah melebihi 90 buah dan sekarang telah meningkat kepada 298 buah.

## Peringkat awal penubuhan

Pada peringkat awal penubuhan, banyak cabaran dan dugaan yang dilalui oleh kepimpinan PASTI di semua peringkat. Isu pembelajaran, pakaian dan buku teks/latihan belum diselaraskan. Oleh kerana kepelbagaian PASTI mengikut negeri masing-masing, pihak Pusat telah mengemaskini dasar dan peraturan dari semasa ke semasa. Walaupun











begitu, PASTI terus mengorak langkah dan berkembang ke seluruh negara.

Sebagai panduan, pihak PASTI Pusat telah mengeluarkan Kurikulum Pusat Asuhan Tunas Islam dan juga buku Panduan Guru kepada semua negeri. Logo PASTI daripada Kedah telah diguna pakai buat sementara waktu. Namun, mulai tahun 1991, logo baru PASTI yang memenangi pertandingan telah digunakan dan pakaian rasmi para pelajar yang diputuskan ialah baju Melayu (lelaki) dan baju kurung/jubah (perempuan) yang berwarna hijau.

Pada tahun 1993, gerakan pendaftaran PASTI di seluruh negara dengan PASTI Pusat diadakan dan pada tahun yang sama, PASTI Pusat telah mengeluarkan buku teks secara rasmi untuk kegunaan di semua PASTI. Buku teks PASTI Pusat itu adalah hasil daripada kerjasama dengan pihak Jabatan Penerangan PAS Pusat/Harakah. Sebelum itu, semua PASTI negeri bebas menentukan buku teks masing-masing.

Pada tahun 1994, PASTI terus berkembang dengan pesat dan Program Ijtimak PASTI Pusat telah diadakan. Sempena Ijtimak tersebut, Majlis Guru PASTI Malaysia telah ditubuhkan. Pada tahun 1996, Konvokesyen Guru PASTI yang pertama telah diadakan di Markas Tarbiyah PAS Pusat, Taman Melewar, Kuala Lumpur di mana seramai 500 orang guru telah dianugerahkan sijil. Pada tahun yang sama juga, PASTI Pusat mengeluarkan buku teks dan Kurikulum Latihan Guru yang baru.

Pada tahun 1997 pula, Majlis Ihtifal PASTI Peringkat Kebangsaan yang pertama berjaya diadakan di Pusat Latihan Pertanian Bumbung Lima, Seberang Perai. Pelbagai pertandingan pentas diadakan oleh para pelajar PASTI dari seluruh negara. Program tersebut sangat berkesan untuk menunjukkan bakat para pelajar PASTI kepada umum.

### Perkembangan PASTI

Dek kerana tahap kesedaran terhadap pendidikan Islam perlu pada peringkat awal, maka ramai ibu bapa memilih untuk menghantar anak mereka ke PASTI. Semenjak itu, PASTI telah menjadi model pendidikan sekolah yang berteraskan falsafah pendidikan Islam dan tumbuh berkembang ke seluruh negara. Kini, hampir di setiap kampung di Kelantan mempunyai PASTI dan ia pernah dianggap sebagai ancaman kepada pesaing yang mengutamakan sistem pendidikan yang sekular.

Sistem pendidikan PASTI terbukti selari dengan kehendak dan citarasa ibu bapa yang mahu anak-anak



mereka membesar mengikut acuan ajaran Islam. Oleh sebab itu bilangan kelas-kelas PASTI sentiasa bertambah dari tahun ke tahun.

Para pelajar juga dibekalkan dengan buku teks yang telah dirangka khas mengikut tahap umur pelajar tersebut. Pada tahun 2000, buku teks untuk pelajar Tahun 5 telah diterbitkan dan pihak PASTI Pusat telah memberi latihan kepada guru-guru yang berpengalaman dan seramai 120 orang daripada mereka telah berjaya menerima Sijil Guru Pakar. Manakala pada tahun 2002, buku teks untuk pelajar Tahun 6 (edisi ketiga) dicetak dalam bentuk baru yang lebih menarik.

Berikut adalah senarai PASTI mengikut jajahan (sehingga Disember 2012):

| Bil | Kawasan | Jumlah PASTI | Jumlah Pelajar | Jumlah Guru | Nama Pengerusi |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Tumpat | 40 | 1447 | 82 | Mohd Syafawi Salleh |
| 2 | Pengkalan Chepa | 18 | 1088 | 53 | Wan Mohd Rasyidy Wan Abdullah |
| 3 | Kota Bharu | 17 | 696 | 41 | Zuhairi Ismail |
| 4 | Pasir Mas | 22 | 602 | 32 | Mohd Allaudin Mat Nor |
| 5 | Rantau Panjang | 21 | 791 | 39 | Yahya Zakaria |
| 6 | Bachok | 23 | 756 | 42 | Ahmad Marzuk Shaary |
| 7 | Kubang Kerian | 25 | 1187 | 58 | Khairul Anwar Jaafar |
| 8 | Ketereh | 24 | 798 | 40 | Yusof Abdul Kadir |
| 9 | Pasir Puteh | 22 | 747 | 46 | Mohd Ruden Mohd Yusoff |
| 10 | Tanah Merah | 12 | 523 | 22 | Mohd Amran Mat Zin |
| 11 | Machang | 17 | 525 | 32 | Zainul Amin Mat Zin |
| 12 | Kuala Krai | 26 | 720 | 41 | Jamaluddin Yasat |
| 13 | Jeli | 19 | 662 | 41 | Abdul Fatah Ismail |
| 14 | Gua Musang | 12 | 462 | 30 | Mahusin Isa |
| | **JUMLAH** | **298** | **11004** | **599** | |





Disebabkan permintaan yang semakin meningkat saban tahun, pada tahun 2003 pihak PASTI Pusat telah merangka kurikulum prasekolah PASTI untuk pelajar Tahun 4. Program tersebut perlu dilakukan dengan teliti kerana tahap pelajar Tahun 4 sangat berbeza daripada Tahun 5 dan Tahun 6. Para guru yang akan mengajar pelajar Tahun 4 perlu diberi latihan khas. Ternyata usaha tersebut tidak sia-sia apabila ramai ibu bapa yang menghantar anak mereka yang berumur 4 tahun ke PASTI. Ini menunjukkan tahap kesedaran pendidikan yang tinggi dikalangan ibu bapa.



Aspek patriotik juga diterapkan kepada pelajar-pelajar cilik ini di mana fokus utamanya ialah cintakan Allah, Rasul, dan negara. Ia disuburkan dengan nasyid Asma ul-Husna dan zikir-zikir sebelum memulakan sesi persekolahan pada setiap pagi. Himpunan doa-doa utama dibaca sebelum meneruskan pembelajaran dan beberapa senaman ringan sebagai pemanas badan juga dilakukan pada setiap pagi.



Kehadiran PASTI sejak sekian lama telah terbukti memberi sumbangan besar dalam menjana kebangkitan ummah di tanah air. Malah ia membuka mata dan telinga masyarakat Islam dan bukan Islam di negara ini terhadap kelebihan yang ada pada pendidikan Islam, dan boleh dikatakan hampir setiap kampung mempunyai PASTI. Yang pasti, PASTI semakin utuh kerana sokongan masyarakat yang inginkan ajaran Islam diterap kepada anak-anak mereka sejak dari kecil.

*Susunan oleh Shariah Derahman (bekas pelajar PASTI Kg Wakaf Stan, 1988)*

# SEPANJANG 23 TAHUN PENTADBIRAN TOK GURU






# LADANG RAKYAT
## Untuk Kebajikan Rakyat

***Oleh** Shariah Derahman (dengan kerjasama Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan)*
***Foto** Ahmad Nai'me Muhammad*



Dakwaan Perbadanan Ladang Rakyat Negeri Kelantan (PPLRNK) menceroboh kira-kira 4,000 hektar tanah adat orang asli Temiar dari Pos Balar dan Pos Belatim, Gua Musang sejak 2010 ternyata tidak benar sama sekali. Ini kerana PPLRNK telah mengambil kira kepentingan penduduk orang asli sebelum mengusahakan tanah **tersebut sekaligus menafikan Perbadanan itu merampas** tanah diusahakan orang asli di kawasan Pos Belatim dan Dakoh bagi pembukaan ladang kelapa sawit.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Nazmi Ghazali Azmi berkata, tanah dimajukan itu mendapat kelulusan kerajaan negeri melibatkan keluasan 2,337 hektar iaitu seluas 675 hektar di Pos Belatim manakala Dakoh seluas 1,662 hektar.



*Jatidiri penerima dividen (peserta) dikalangan Orang Asli*

"Mengikut kelulusan awal, kerajaan negeri meluluskan tanah di kedua-dua kawasan seluas 3,192 hektar tetapi kita tinggalkan rizab untuk kaum itu seluas 472 hektar di Pos Belatim dan 383 hektar di Pos Dakoh. Kita tidak majukan semua tanah diluluskan kepada PPLRNK kerana kita mengambil kira kepentingan penduduk orang asli di sekitarnya," katanya ketika berucap pada Majlis Penyampaian Manfaat Takaful Ladang Rakyat yang diadakan pada 10 Januari 2013 bersekali dengan Penyampaian Bantuan Persekolahan Anak-anak Orang Asli di Kampung Labok, Gua Musang.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Pegawai Pengurusan dan Perhubungan Korporat PPLRNK dan penyampaian bantuan berkenaan disampaikan oleh Penyelia Parlimen Gua Musang, Abdullah Husin. Nazmi Ghazali berkata, kerja membuat sempadan tanah di Pos tersebut sebelum pembukaan ladang kelapa sawit juga dibuat dengan teliti dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Gua Musang.

"Dakwaan penduduk orang asli itu tidak benar. Malah kita berhenti menjalankan segala kerja di kawasan tersebut selepas sekumpulan kaum itu membawa isu berkenaan ke mahkamah Tinggi Kota Bharu sejak Jun tahun 2011. Kes berkenaan masih dalam proses dan kita tidak berbuat apa-apa di kawasan tanah berkenaan sehingga keputusan dibuat oleh Mahkamah nanti", katanya.

## Peserta Ladang Rakyat dapat pampasan Manfaat Takaful Hayat Berkelompok Negeri Kelantan

Bersempena majlis itu juga, penyampaian wang pampasan Manfaat Takaful Hayat Berkelompok Peserta Ladang Rakyat Negeri Kelantan dilakukan oleh Penyelia Parlimen Gua Musang kepada waris bagi peserta Ladang Rakyat yang telah meninggal dunia. Seorang waris kepada peserta orang asli PPLRNK, Aluq Busu, 59, dari Kampung Kuala Betis tidak menyangka ada dilindungi Insurans Takaful. Ini membolehkan peserta tersebut menerima pampasan sebanyak RM10,000 selepas kematian isterinya sejak beberapa bulan lalu yang menjadi Peserta Ladang Rakyat Negeri Kelantan.

Aluq berkata, dia akan meyimpan wang tersebut dalam Akaun Amanah Saham Bumiputra (ASB) bagi menjamin masa depan terutama bagi pembiayaan pelajaran anak. Beliau mengakui tidak mengetahui mengenai






*Peserta (Orang Asli) menerima dividen daripada Ust. Abdullah Husin, Penyelia DUN Galas*

keistimewaan dipilih peserta Ladang Rakyat itu dan dilindungi insurans sebagaimana pampasan yang diterima sebanyak RM10,000.

"Saya masih menanggung enam orang anak yang masih bersekolah dan memerlukan penjagaan bagi kejayaan mereka walaupun tinggal di kampung pedalaman daerah ini. Saya memuji tindakan pengurusan Ladang Rakyat itu yang memberi keutamaan dalam membela nasib hidup penduduk orang asli selain dividen RM200 sebulan", katanya.

Sementara itu, Abdullah pula berkata, kerajaan negeri melalui PPLRNK sentiasa memberi pembelaan terhadap orang asli supaya mereka dapat hidup dengan selesa. Bagaimanapun, beliau mengakui Kerajaan Persekutuan menerusi Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) membangunkan banyak kemudahan untuk kaum tersebut. "Pihak berkenaan membina jalan, kemudahan air bersih, sekolah dan lain-lain lagi yang mempunyai tanggungjawab sama dengan kerajaan negeri yang mempunyai kuasa ke atas tanah. Perkara yang lebih penting bagi menjaga kesejahteraan rakyat orang asli yang selama ini tidak mempunyai kemudahan sebagaimana yang dinikmati sekarang", katanya.

**Cemburu Dengan Kejayaan Ladang Rakyat Punca Wujudnya 'Orang Luar' Yang Menabur Dakwaan Palsu**

Kejayaan demi kejayaan yang telah dilakar oleh PPLRNK dalam menyuntik sumber ekonomi kepada penduduk setempat di Kawasan Penempatan Orang Asli Kelantan telah menimbulkan rasa cemburu dan tidak puas hati pihak tertentu. Oleh sebab itulah pelbagai dakwaan mengenai isu tanah adat di kawasan penempatan Orang Asli digembar-gemburkan terutama sekali di kawasan Pos Belatim dan Pos Dakoh. Dakwaan yang mengatakan kedua-dua kawasan ini sudah dimajukan dan banyak tanaman Orang Asli musnah adalah tidak benar sama sekali.



Perkara ini telah pun disahkan oleh Jumat Bin Abak, Penghulu (Orang Asli) Mukim DUN Nenggiri yang terus **menafikan mengenai Ladang Rakyat yang didakwa** merampas tanah mereka. "Ladang Rakyat tidak memasuki kawasan tersebut. Oleh itu, tentang isu pencemaran alam sekitar tidak timbul kerana tiada sebarang aktiviti pemajuan dilakukan di kawasan tersebut. Jika ada pencemaran alam sekitar atau malapetaka yang menimpa sekalipun, ianya disebabkan oleh cuaca (yang tidak menentu) dan tidak bersangkut paut dengan Ladang Rakyat".

**Turut tampil membuat penafian dan penjelasan dalam** isu Ladang Rakyat di Pos Dakoh dan Pos Belatim juga ialah Pandak bin Panjang Ey yang kedua-duanya ditemui pada Majlis berkenaan. "Tidak timbul isu pencemaran sungai dan alam sekitar di kawasan-kawasan tersebut kerana pihak Ladang Rakyat tidak melakukan apa-apa aktiviti pun di kawasan tersebut. Jika isu ini ditimbulkan pun, ianya sengaja ditimbulkan oleh pihak tertentu yang bermotifkan politik", ujarnya.

**Beliau turut menafikan mengenai isu rampasan tanah oleh** Ladang Rakyat sebagaimana yang didakwa oleh Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Penduduk, Kamal Alik yang disiarkan oleh akhbar tempatan pada 30 Disember 2012 bahawa seluas 4,000 hektar tanah di Pos Belatim (1,600 hektar) dan di Pos Dakoh (2,400 hektar) sudah dimajukan sebagai Ladang Rakyat yang mana ianya tidak benar sama sekali.

"Berkenaan kawasan di Pos Dakoh dan Pos Belatim, kawasan penempatan Orang Asli tidak termasuk dalam kawasan Ladang Rakyat kerana Ladang Rakyat telah mengeluarkan kawasan tersebut dari kawasan pemajuan Ladang Rakyat, kawasan ini tidak ada termaktub sempadan kawasan Orang Asli dan pihak Ladang Rakyat telah pun potong keluar sejumlah besar kawasan Ladang Rakyat untuk Orang Asli, terserah kepada Orang Asli sama ada mahu mengusahakan tanah tersebut ataupun tidak", kata Jumat yang turut sependapat dengan Pandak.

Kerajaan Negeri memang ada memberi kelulusan kepada PPLRNK untuk memajukan tanah kerajaan berhampiran Pos Dakoh dan Pos Belatim dengan Program Ladang Rakyat tetapi kawasan pemajuan tersebut adalah di luar daripada kawasan perkampungan Orang Asli serta kawasan Orang Asli mencari rezeki. Berhampiran Pos Belatim, Kerajaan Negeri memperuntukkan seluas 472 hektar (1,166 ekar) tanah kerajaan untuk ditinggalkan sebagai kawasan penempatan Orang Asli manakala berhampiran Pos Dakoh, kerajaan negeri memperuntukkan seluas 383 hektar (946 ekar) tanah kerajaan ditinggalkan untuk Orang Asli.

Penentuan sempadan kawasan tanah kerajaan untuk dimajukan dengan Ladang Rakyat dan kawasan tanah kerajaan yang ditinggalkan untuk Orang Asli telah dibuat dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia (JAKOAM), Jajahan Gua Musang dan urusan ini telah pun diselesaikan dengan baik sebelum kawasan ini dimajukan. Kawasan ini juga telah siap diukur oleh pihak PPLRNK bagi memudahkan lagi proses perizaban kawasan yang ditinggalkan untuk menjadi rizab Orang Asli di bawah seksyen 62 Kanun Tanah Negara 1965 yang mana pihak JAKOAM boleh terus mengambil langkah selanjutnya tanpa perlu mengeluarkan kos ukur kawasan untuk tujuan perizaban tersebut.

Kejayaan Ladang Rakyat dalam meningkatkan ekonomi penduduk setempat di kawasan Orang Asli turut menjadi punca wujudnya 'orang luar' yang cemburu dengan keamanan dan keadaan Orang Asli yang sekarang boleh 'cari makan'. Ini terbukti apabila lebih daripada 300 orang Masyarakat Orang Asli yang menjadi peserta Ladang Rakyat mendapat sumber pendapatan melalui Program Ladang Rakyat yang berkonsepkan Transformasi Material dan Spiritual yang dilaksanakan oleh PPLRNK dalam bentuk pembahagian dividen peserta Ladang Rakyat Negeri Kelantan kepada Orang Asli sekaligus dapat membantu kehidupan seharian mereka melalui program tersebut. Ini menunjukkan PPLRNK tidak pernah menyampingkan hak dan kebajikan masyarakat Orang Asli di mana mereka turut mendapat hak yang sama. Jumat turut memberi maklum balas mengenai demonstrasi yang disertai oleh masyarakat Orang Asli di mana demonstrasi yang dibuat bukan disertai oleh masyarakat Orang Asli tempatan.

Mereka merupakan masyarakat Orang Asli dari luar kawasan setempat. Jelas Jumat lagi apabila ditanya sama ada beliau mengenali atau tidak mereka yang terlibat dalam demonstrasi tersebut. Taktik pihak 'Orang Luar' yang menggunakan taktik baling batu sembunyi tangan sudah dapat dihidu oleh masyarakat Orang Asli yang telah arif mengenai taktik-taktik pihak tersebut. Mereka berani melemparkan tuduhan dan dakwaan terhadap Ladang Rakyat dengan mengambil kesempatan bersembunyi disebalik entiti lain supaya identiti mereka tidak dapat dikenal pasti. Tambah Pandak lagi, "kecelaruan ini timbul kerana ada pihak luar yang cuba mencucuk masyarakat Orang Asli dengan pelbagai tohmahan. Orang yang mencucuk tak faham, yang mendengar pun tak faham, jadi timbullah kekeliruan"



# Pokok Duit Bantu Bina Lebuh Raya Rakyat

***Oleh*** *Shariah Derahman* ***Foto*** *Rizli Fitri Rosli*





Tanggal 19 Zulkaedah 1433 bersamaan 05 Oktober 2012 telah tercatat satu sejarah apabila 30 buah Pusat Kebudayaan Masyarakat Siam (wat-wat Buddha) menyerahkan pokok duit yang dikumpul daripada masyarakat Siam kepada Menteri Besar, Tuan Guru Dato' Bentara Setia Hj Nik Abdul Aziz Hj Nik Mat.



Wang yang diterima digubah secara kreatif dengan melekatkan duit-duit tersebut pada ranting menjadikan ianya pokok duit. Terdapat not-not yang bernilai RM100, RM50, RM10, RM5 dan RM1. Wat Machimmaram Kampung Bunohan, Tumpat mengumpulkan pokok duit sebanyak RM5,510 manakala Keng Choo Temple, Tanah Merah menderma pokok duit bernilai RM2,000, dan lain-lain lagi.

Majlis yang diadakan di Wat Machimmaram, Jubakar Darat, Tumpat, ini adalah anjuran Urusetia Hal Ehwal Penghulu Negeri Kelantan dengan kerjasama Baldah Toyyibah Prasarana (Kelantan) Sdn Bhd. Majlis ini turut dihadiri oleh Dato' Hj Husam Musa, Dato' Anuar Tan Abdullah, Dato' Abdul Fattah Mahmood, ADUN Kelaboran, YB Mohd Zaki Ibrahim, anggota Parlimen Tumpat, Dato'


欢迎光临
MAJLIS PELAN
LEBUHRAYA RAKYAT


欢迎光临


欢迎光临











Kamaruddin Jaafar dan Penyelia DUN Pengkalan Kubor, Wan Rosdi Wan Ibrahim, sami-sami Buddha, penduduk setempat dan lain-lain.

Pada Jun lalu, Gerakan Tukar Kerajaan Pas Kelantan Demi Rakyat (TUKAR) telah menyerahkan penyodok, kereta sorong dan cangkul buruk kepada kerajaan negeri sebagai sindiran projek Lebuh Raya Rakyat. Sebaliknya wat-wat Siam dari seluruh Kelantan mengambil inisiatif sendiri mengumpul dana bagi membantu dana pembinaan lebuh raya tersebut, selepas disisih kerajaan Pusat sejak tahun 1986.

**Ketua Sami Buddha Tumpat II, Phrak Khru Vithat Thammarat dari Wat Machimmaram** berkata: "kalau tidak ada duit macam mana hendak buat jalan. Jadi kita pakat buat baik sebelum mati. Buat baik boleh balasan baik dan buat jahat boleh balasan jahat. Oleh itu kita kena pakat buat baik, tanya mahaguru kita (Tok Guru Nik Aziz). Jangan cakap banyak kalau tidak ada isi tak guna juga. Macam mahaguru kita tidak cakap banyak sebab dia ada isi."

**Tuan Guru Dato' Bentara Setia Menteri Besar** melahirkan rasa terharu melalui ucapannya, "saya berasa terharu di atas kesungguhan masyarakat Siam mengumpulkan wang sesama mereka bagi membantu membina Lebuh Raya Rakyat. Sebelum ini ada pihak yang membawa kereta sorong dan cangkul buruk ke pejabat saya sebagai mempersendakan projek Lebuh Raya Rakyat. Namun hari ini hati saya gembira sangat kerana masyarakat Siam faham kesungguhan kerajaan negeri membina lebuh raya tersebut selepas diketepikan oleh kerajaan Pusat".

# TAKLIMAT PELAN STRATEGIK PMBK 2012-2020

## *Kiblat biar satu, Matlamat mesti sehala*

***Oleh** Aminah Munirah Ahmad Hishamuddin* ***Foto** Ahmad Nai'me Muhammad*



Taklimat Pelan Strategik PMBK 2012-2020 telah berlangsung pada 23 September 2012 melibatkan seramai lebih kurang 30 peserta dari kumpulan pengurusan PMBK dan anak syarikat. Ia turut dihadiri oleh empat panel jemputan iaitu Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PMBK, Ir. Hj. Mustafa Salleh, Ketua Pegawai Operasi, Sanusi Hj. Othman, Presiden Dewan Perdagangan Islam Malaysia, Tan Sri Ali Hashim, serta konsultan jemputan dari SageConsulting Sdn Bhd.

Ucapan aluan telah disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Ir. Hj. Mustafa Salleh. Menurut beliau, pelan strategik ini telah mula dirancang semenjak tahun 2010 dan salah satu tujuannya adalah bagi menukar belanjawan tahunan syarikat kepada pelan perniagaan untuk jangka masa panjang.

Objektif taklimat tersebut adalah untuk memberi gambaran tentang hala tuju PMBK berdasarkan misi dan visi syarikat yang telah dikemukakan kepada semua anak syarikat. Misi PMBK ialah ingin mengambil alih, memegang dan membangun aset strategik bagi pihak kerajaan negeri, dengan meningkatkan nilai pegangan dan pulangan pelaburan melalui pengurusan aset dan penglibatan komersial yang efektif berlandaskan syariah, serta menyumbang kepada pembangunan ekonomi negeri dan kesejahteraan rakyat. Sesungguhnya misi PMBK ini sinonim dengan visi syarikat iaitu ingin menjadi agensi korporat dan peneraju pelaburan strategik kerajaan negeri yang berprestasi tinggi dan berwibawa.

Bukan itu sahaja, taklimat tersebut bermatlamat sebagai pedoman kepada mereka untuk mencapai setiap matlamat dan fokus yang telah ditetapkan bagi setiap syarikat. Sesungguhnya, PMBK menyeru kepada semua anak syarikat termasuk PMBK sendiri untuk mencapai anggaran keuntungan berjumlah RM3 bilion menjelang tahun 2020.

Taklimat tersebut yang berlangsung di Hotel Renaissance, Kota Bharu telah dirasmikan oleh Tan Sri Muhammad Ali Hashim, Presiden Dewan Perdagangan Islam Malaysia merangkap Ahli Lembaga Penasihat PMBK. Dalam ucapannya, beliau menyebut dan menekankan kiblat biar satu, matlamat mesti sehala, yang mana setiap anak syarikat termasuklah PMBK harus berganding bahu dan bermusyawarah dalam memikirkan strategi yang patut dilaksanakan bagi mengembangkan organisasi korporat dan perniagaan syarikat masing-masing.

Tambah beliau, sebagai seorang pengurus atau kakitangan tertinggi dalam sesebuah organisasi, mereka perlu mengenepikan kepentingan peribadi dan lebih mengutamakan perjuangan syarikat untuk terus berkembang maju pada masa hadapan. Mereka harus berjaya untuk mengangkat konsep organisasi yang berkorporat dan melakukan perniagaan dengan jayanya kerana itu tanggungjawab mereka yang sebenar.

Beliau memberi kesimpulan bahawa setiap organisasi haruslah sama-sama berjuang, bersepakat dan sentiasa bersikap positif dalam membuat keputusan. Setiap pengurus tidak sewajarnya membuat keputusan terburu-buru untuk menyingkirkan seseorang jika berlaku kegagalan atau menolak pendapat seseorang yang tidak sehaluan, bahkan mereka harus mempunyai kreativiti dan bersikap lebih realistik dan terbuka.

Manakala dalam taklimat Ir. Hj. Mustafa Salleh, beliau menegaskan bahawa 'Financial planning is very crucial'. Terdapat tiga fasa transformasi yang harus dilalui oleh PMBK dan Kumpulan iaitu tahap pengukuhan bagi tahun 2011-2012, pertumbuhan bagi tahun 2013-2015, dan pengembangan bagi tahun 2016-2020. Beliau juga menyeru agar setiap kumpulan pengurusan anak syarikat dapat menumpukan kepada perkembangan perniagaan-perniagaan baru.





Bukan itu sahaja, setiap kakitangan organisasi patut berwaspada dengan 'miscommunication' yang sering berlaku dalam sesebuah organisasi kerana jika ia tidak dibendung dari awal, ia boleh merosakkan keberkesanan dalam membuat keputusan dan organisasi akan mengalami masalah yang boleh memusnahkan serta membawa kerugian besar kepada sesebuah organisasi.

**"Free flow of information" dan "Transparency" adalah** dua elemen penting yang cuba diterapkan oleh Tan Sri Ali Hashim dalam pemikiran setiap peserta supaya setiap pengurus di PMBK mahupun anak syarikat sentiasa jelas dan 'get updated' dengan informasi yang penting.

Sesi 'Question & Answer' berlangsung setelah selesai sahaja taklimat daripada Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan. Di sini para peserta mengambil peluang merungkai beberapa persoalan mengenai hala tuju PMBK dan Kumpulan.

Masjlis penutup taklimat tersebut telah dilaksanakan oleh Dato' Haji Ahmad Yaakob, Timbalan Menteri Besar Kelantan merangkap Ahli Lembaga Penasihat PMBK. Upacara penutup diakhiri dengan pemberian cenderahati kepada semua peserta yang terlibat.




# Majalah Qiadah diiktiraf

## di Majlis Penyampaian Hadiah Suar Bahasa 2012

***Oleh** Aminah Munirah (dengan kerjasama DBP Wilayah Timur)* ***Foto** Ahmad Nai'me Muhammad*



Bertempat di Kelantan Trade Centre (KTC), Kota Bharu telah berlangsung satu majlis ulung anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur iaitu Majlis Penyampaian Hadiah "Anugerah Citra Majalah Sekolah Menengah dan Hadiah Suar Bahasa" peringkat Wilayah Timur 2012. Ia bertujuan memberikan pengiktirafan dan penghargaan kepada jabatan kerajaan dan pihak swasta yang mementingkan penggunaan Bahasa Melayu yang baik dan betul dalam penerbitan buletin jabatan.

Majlis yang diadakan pada 7 November 2012 ini berlangsung selama lebih kurang dua jam memberi pengiktirafan dan anugerah kepada sekolah-sekolah dan organisasi-organisasi yang terlibat. Majlis ini telah dirasmikan oleh Pengarah DBP Wilayah Timur, Azmi Ibrahim dan turut dihadiri Tuan Haji Che Soh Muda, Ketua Penolong Pengarah Bahasa Melayu, Jabatan Pelajaran Terengganu dan Hamdan Abdul Kadir, Penolong Pengarah Bahasa Melayu, Jabatan Pelajaran Kelantan, sekolah-sekolah dan organisasi-organisasi yang terlibat termasuklah dari Terengganu dan Kelantan.

**Perbadanan Menteri Besar Kelantan sebagai salah satu organisasi korporat telah mempertandingkan majalah korporat (Qiadah) dan berjaya merangkul dua anugerah iaitu johan bagi Kategori Penerbitan dan naib johan bagi Kategori Bahasa.**




Selain itu, bagi Kategori Penerbitan tempat kedua dan ketiga masing-masing dimenangi oleh majalah *Infokus* terbitan Universiti Malaysia Terengganu dan Majlis Perbandaran Kota Bharu-Bandar Raya Islam. Bagi kategori Bahasa pula, tempat pertama terus diungguli oleh Universiti Malaysia Terengganu dan hadiah ketiga menjadi milik buletin SUK terbitan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan. Penerima anugerah masing-masing menerima hadiah berupa wang tunai, piala, dan sijil penghargaan. Bagi penerima Hadiah Suar Bahasa, Universiti Malaysia Terengganu melalui majalah *Infokus* telah dinobatkan sebagai pemenang Hadiah Suar Bahasa 2012.

Majlis diakhiri dengan penyampaian cenderamata kepada para tetamu kehormat dan sesi bergambar bersama penerima anugerah.







# Semarak Ukhwah, Menyemai Mahabbah di Hari Keluarga PMBK 2012

**Oleh** *Siti Norazami Mohd Anuar* **Foto** *Rizli Fitri & Mohd Bazli*



Hari Keluarga PMBK 2012 yang bertemakan "Semarak Ukhwah, Menyemai Mahabbah" telah berlangsung pada 06 hingga 08 Disember 2012 di Tanjung Demong Beach Resort, Kuala Besut, Terengganu meninggalkan seribu pengalaman menarik kepada 250 orang peserta.

Program ini diadakan bertujuan untuk mengeratkan lagi ikatan ukhwah dan semangat kerjasama, hormat-menghormati dan menanam nilai-nilai murni yang sedia terjalin di antara warga PMBK.

Satu jam perjalanan dari Kota Bharu ke Tanjung Demong Beach Resort sedikit pun tidak meletihkan kerana masing-masing begitu teruja untuk hadir ke program tersebut. Ikuti rentetan sepanjang program tersebut berlangsung…..







**Hari pertama : 06 Disember 2012**

04.30 petang
Sesi pendaftaran oleh para peserta program Hari Keluarga PMBK 2012.

07.30 malam
Solat Maghrib berjemaah dan Bacaan Yaasin beramai-ramai di Dewan Bidong diikuti dengan Solat Isyak berjemaah.

08.30 malam
Makan malam di Restoran Sri Tanjung.

**Hari kedua : 07 Disember 2012**

06.00 pagi
Solat Subuh berjemaah di Dewan Bidong.

07.15 pagi
Sarapan pagi bersama-sama sebelum meneruskan acara seterusnya.

09.00 pagi
Majlis Perasmian Hari Keluarga PMBK 2012 telah diadakan di Dewan Bidong dan dirasmikan oleh Ir Hj Mustafa Salleh, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PMBK.










HARI KELUARGA 2012
PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN




HARI KELUARGA 2012
BEACH RESORT




HARI KELUARGA 2012
BEACH RESORT




HARI KELUARGA 2012
PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN
DEMONG BEACH RESORT


HARI KELUAR






Sesi bergambar beramai-ramai untuk diabadikan sebagai kenangan.

10.00 pagi
Acara sukan berlangsung di Dewan Demong. Para peserta dibahagikan kepada dua kategori iaitu dewasa dan kanak-kanak. Antara acaranya adalah kerusi berirama, bawa bola dengan chopstick bagi kategori dewasa manakala kerusi berirama, tiup belon dan junjung buku bagi kanak-kanak. Sebagai penutup acara sukan, aktiviti mengutip gula-gula diadakan untuk kanak-kanak.

12.00 tengahari
Menikmati makan tengahari sebelum muslimin ke masjid untuk menunaikan Solat Jumaat.

Pada sebelah petangnya pula, aktiviti yang ditunggu-tunggu oleh kanak-kanak iaitu mandi kolam yang turut disertai oleh ibu bapa masing-masing.

07.00 malam
Solat Maghrib dan Isyak berjemaah di Dewan Bidong.

09.00 malam
Makan malam dan penyampaian hadiah kepada para pemenang acara sukan serta cabutan bertuah berlangsung dengan penuh meriahnya. Kegembiraan terpancar di wajah setiap para peserta.

**Hari ketiga : 08 Disember 2012**

05.00 pagi
Qiamullail dan solat subuh berjemaah di Dewan Bidong.

07.15 pagi
Sarapan pagi dengan menu utama Nasi Dagang Terengganu.

Sebelum pulang, kanak-kanak tidak melepaskan peluang untuk mandi kolam.

12.00 tengahari
Makan tengahari sebelum berangkat pulang ke Kota Bharu.



time tunnel
TEROWONG MASA

SUMBER DAN FOTO EHSAN PERBADANAN MUZIUM NEGERI KELANTAN

# BALAI SENI LUKIS KELANTAN



Dulu...

**Penasihat British di Kelantan, Mr. Tony Churchill kelihatan meninggalkan pejabatnya di Jalan Sultan Ibrahim, Kota Bharu. (Gambar di ambil pada tahun 1954)**

*Mr. Tony Churchill, The British Advisors of Kelantan leaving the office at Jalan Sultan Ibrahim, Kota Bharu. (Picture taken in 1954)*

**kini...** **Ia dijadikan Balai Seni Lukis Kelantan dan Pejabat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan (TIC) di Jalan Sultan Ibrahim.**

*Now it's turn into the Kelantan Art Gallery and Kelantan Tourist Information Centre Office (TIC) at Jalan Sultan Ibrahim.*



# KELANTAN **ENCYCLOPEDIA**

**By** *Shariah Derahman (Incollaboration with DBP, Wilayah Timur)*



## Buwi *(to allow)*

To give or to allow one to receive or get something, not to hinder, or promote the process. Pronounced 'boo-wee'.



## Bekeng *(bad-tempered)*

A rough and mildly aggressive behaviour, being easily angered or easily losing temper. Pronounced 'bear-keng'.

## Bele-bele *(in passing)*

The action of doing something while doing other things, making it an unimportant task. Pronounced 'ber-lair, ber-lair'.

## Cekat *(capable of)*

Capable, ready, to do a certain something. Not capable = tok cekat. Pronounced 'chair-cut'.

## Chelo *(to boil)*

To boil or to cook something in boiling water. Example: vegetables, ulam (vegetables eaten raw). Pronounced 'cher-law'.



## Carok *(over drained)*

Excessive water particularly in an orchard or vegetable farm, which can cause damage to the crops or plants. Pronounced 'cha-rock.

## Debek *(weak)*

Weak, lethargic in areas that involve knowledge or critical thinking. Pronounced 'there-back'.



## Ghochoh *(to poke)*

Poling something at high places, to poke something with a pole or wooden stick to make it drop to the ground. Pronounced 'ghoar-coah'.



## Geghoh *(hairs breadth)*

Almost or close to an unfortunate mishap. Pronounced 'ger-ghoah'.

## Kembe *(revulsion)*

Feeling disgusted or nauseous looking at something filthy or disgusting. Example: faeces, vomit, nasal mucus, etc. Pronounced 'kem-bear'.

## Metho *(ruffianly)*

A thuggery demeanor, domineering and violent, portraying insolence and arrogance. Pronounced 'mer-thoar'.

## Ngele *(monetary wedding gift)*

A gift in monetary form at a Malay wedding for the family of the bride or groom. Pronounced 'ngair-lair'.



## Nanok/Tanok *(cooking rice)*

The act of cooking rice in a pot. Pronounced 'nar-nork / tar-nork'.



## Ngusuk *(last)*

The last part or duration, the end, the last, the one left behind or at the end (in a match). Pronounced 'ngoo-sook'.



## Nnoney *(dangling)*

Located hanged, the action of hanging on to something or feet that hang without touching the ground. Pronounced 'nor-nair'.



## Pajey *(punishment)*

Fine or the action of being fined (usually associated with minor offence). Pronounced par-jear'.



## Skeleng *(coin)*

Coins or small change of money made of metal. Pronounced 'scare-laing'.

## Ssekut *(biscuit)*



Biscuit or a dry, roasted delicacy, usually flat, thin and crunchy. Pronounced 'sir-cook'.

## 19. Tughik *(deafen)*



A situation where you are temporarily unable to hear due to a very loud noise or voice (such as the car honk or car exhaust) Pronounced 'too-ghik'.



## Semutar *(head-dress)*

A headdress made of long fabric (usually a sarong) and rolled on the head like a turban, worn by male Kelantanese. Pronounced 'sir-moo-tar'. Kelantan's Semutar is different from tanjak atau tengkolok (traditional Malay men's headdress). The wearing of Semutar within Kelantan's society represents the role of the wearer within the society. Usually, Semutar will be removed to dry sweat or to fan the wearer while resting after working. This is different from tengkolok, which is made to remain rolled to demonstrate its grand structure.



## Ghok *(capable)*

Capable of doing something, such as taking a heavy load. Pronounced 'rock'. If one is incapable, it is pronounced 'tork-ghork'.

## Tok Say *(does not want)*

To decline or to negate something. Pronounced 'tork say', but the opposite does not pronounced 'say', it is 'nok'.





KELANTAN TIDAK MEMBANGUN
TIDAK ADA BANGUNAN TINGGI
SEBENARNYA ANDA ADA MASALAH
BERJALAN SELALU TUNDUK
TAK PERNAH MENDONGAK KEATAS LIHAT BANGUNAN TINGGI
SAYA SAKIT LEHER

(904346 A)

# TEAN SIONG SDN. BHD.

Sabrina Court, Suite 8, Jalan Padang Garong, 15000 Kota Bharu, Kelantan.
Tel : 09-741 6999 Faks : 09-741 6990 teansiong@hotmail.com








100% Sarang Burung Walit KELANTAN
TANPA Bahan Pengawet
TANPA Bahan Peluntur
TANPA Bahan Pewarna

KEMENTERIAN KESIHATAN SKIM PEMERIKSAAN KESELAMATAN MAKANAN LULUS MALAYSIA

HALAL MALAYSIA

MeSTI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA